



LAPORAN TAHUNAN

Majlis Perbandaran Kuala Selangor

2024

Kuala Selangor "*Indah dan Bersejarah*"



MPKS

مجالس قریان کوالاالسلاغور

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR



Laporan Tahunan Majlis Perbandaran Kuala Selangor Tahun 2024

DITERBITKAN OLEH
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Jalan Majlis
45000 Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan

MPKS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagianya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau apa-apa tujuan pembiagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Jalan Majlis
45000 Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603-3289 1436
Fax : +603-3289 1101
www.mpks.gov.my

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PERUTUSAN YANG DIPERTUA	5
LATAR BELAKANG	8
VISI, MISI, MOTTO DAN SLOGAN	7
PETA SEMPADAN	8
PIAGAM PELANGGAN	9
CARTA ORGANISASI	12
AHLI MAJLIS	13
KUMPULAN PENGURUSAN	14
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	15
JABATAN PERBENDAHARAAN	18
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	28
JABATAN PELESENAN	38
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	40
JABATAN KAWALAN BANGUNAN	45
JABATAN LANDSKAP	49
JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN	53
JABATAN KEJURUTERAAN	61
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	73
JABATAN PENGUATKUASA	78
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	82
UNIT AUDIT DALAM	86
UNIT PERUNDANGAN	88
UNIT KORPORAT, PELANCONGAN DAN PERHUBUNGAN AWAM	94
UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	101
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	110
UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN	112
UNIT INTEGRITI	114
AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2024	117

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Ilahi Rabbi, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan 2024 Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) berjaya disiapkan dan diterbitkan dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan tahniah kami ucapkan kepada Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam atas komitmen tinggi dalam menghasilkan laporan yang sarat dengan maklumat berkualiti, merangkumi segala program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

Sebagai sebuah institusi yang progresif, MPKS sentiasa berusaha meneroka idea dan kaedah baharu bagi menyampaikan perkhidmatan yang lebih cekap, efektif, dan berkesan untuk seluruh komuniti di Daerah Kuala Selangor. Melalui laporan ini, masyarakat akan dapat menikmati informasi terkini mengenai perkhidmatan yang disediakan, serta perkembangan terbaru organisasi MPKS.

Kami juga mengalu-alukan segala cadangan dan pandangan daripada semua pihak, demi merealisasikan visi organisasi dan memacu pembangunan di Daerah Kuala Selangor ke arah menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang unggul, berintegriti, dan berorientasikan kepuasan pelanggan.

Seperti yang kita sedia maklum, tahun 2024 menyajikan pelbagai cabaran, terutamanya dalam memastikan peningkatan pendapatan MPKS dan pengurusan perbelanjaan yang lebih berhemah. Bagi mengekalkan imej cemerlang PBT, program-program yang mengetengahkan penglibatan komuniti, kolaborasi antarabangsa, dan pembaharuan infrastruktur perlu dipergiat.

Kami percaya, dengan menganjurkan lebih banyak program berbasis komuniti, jurang antara PBT dan rakyat dapat dirapatkan, sekaligus mengukuhkan hubungan dua hala yang lebih erat dan mesra.

Saya ingin menegaskan sekali lagi: "Kita berkhidmat untuk rakyat." Justeru, integrasi antara MPKS dan komuniti amat penting dalam membina keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap pentadbiran dan perkhidmatan yang disediakan.

Nilai-nilai teras seperti budaya kerja cemerlang, integriti, akauntabiliti, dan ekuiti perlu diterapkan dalam setiap aspek pentadbiran. Dengan pendekatan ini, pencapaian warga MPKS akan terus meningkat, sekaligus meyakinkan semua stakeholders bahawa perkhidmatan berkualiti sentiasa menjadi keutamaan kami.

MPKS akan terus berusaha mempertingkat prestasi dari semasa ke semasa, selaras dengan misi dan objektif organisasi. Kami kekal berkomitmen untuk memberikan perkhidmatan terbaik dengan penuh kecemerlangan dan integriti.

Akhir kata, ribuan terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga MPKS yang telah berganding bahu, memberikan sumbangan tenaga dan idea bagi memastikan kualiti perkhidmatan terbaik terus dinikmati oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



LATAR BELAKANG

Tahun
ditubuhkan

1978

- Majlis Tempatan Kuala Selangor
- Majlis Tempatan Tanjung Karang
- Majlis Tempatan Batang Berjuntal (Bestari Jaya)
- Majlis Tempatan Ijok
- Majlis Tempatan Jeram

MPKS
**7 Ogos
2021**

Selepas 43 tahun berstatus
Majlis Daerah dinaik taraf
ke Majlis Perbandaran



01

- PW 459 (6 Februari 1978)
- PW 646 (15 November 1986)
- PW 981 (1 Disember 1994)
- PW 1414 (25 Februari 2006)
meliputi seluruh kawasan daerah Kuala Selangor

02

4
Pewartaan



03



04

- Pekan Kuala Selangor
- Ijok
- Jeram
- Assam Jawa
- Bukit Rotan
- Seri Tiram Setia
- Tanjung Karang
- Sungai Janggut
- Sungai Sembilang
- Bestari Jaya
- Kampung Kuantan
- Sungai Buloh
- Pasir Penambang
- Puncak Alam
- Saujana Utama
- Desa Coalfields

**Kawasan
pentadbiran**

Maklumat asas Majlis Perbandaran Kuala Selangor

LUAS KAWASAN

01



119,452.46
Hektar

UNJURAN PENDUDUK

02



(2010-2025)
302,219
orang

PEGANGAN HARTA

03



(Ogos 2022)
77,051
unit

VISI, MISI, MOTO DAN SLOGAN



VISI

Perbandaran lestari
masyarakat sejahtera

Menyediakan persekitaran
PERBANDARAN yang
kondusif bagi pembangunan
ekonomi hijau,
pemeliharaan alam sekitar,
warisan sejarah dan
kehidupan berkualiti



MISI



MOTO


"Usaha Untuk Rakyat"

"Kuala Selangor Indah
Dan Bersejarah"



SLOGAN

PETA SEMPADAN



PIAGAM PELANGGAN

BIL PELAN KUALITI	OBJEKTIF KUALITI
1. Pengesahan Jawatan	Mengurus pengesahan jawatan dalam perkhidmatan bagi tempoh 1-3 tahun daripada tarikh lantikan tetap.
2. Pengurusan Persaraan	Melengkapkan dokumen persaraan pegawai dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh persaraan.
3. Pelantikan Perjawatan	Mengeluarkan surat lantikan kepada calon yang berjaya berdasarkan proses dan syarat yang ditetapkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh temuduga.
4. Latihan (Pengendalian Kursus)	Memastikan 85% pegawai dan kakitangan MPKS hadir tujuh hari berkursus.
5. Pengurusan Kutipan Sewaan Kuarters	Mengeluarkan bil sewaan sebelum 20 haribulan setiap bulan.
6. Prosiding Tatatertib	Surat keputusan hukuman tatatertib bagi setiap kes terlibat disediakan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh Mesyuarat Lembaga Tatatertib bersidang.
7. Memulakan Tindakan Pendakwaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengemukakan Kertas Siasatan yang lengkap kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dalam tempoh <u>tujuh (7) hari</u> bekerja dari tarikh arahan Pegawai Pendakwa. 2. Kertas pertuduhan dan saman didaftarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas mendapat izin pendakwaan.
8. Operasi Penyitaan	Memastikan borang inventori dan barang sitaan diserahkan kepada pegawai penjaga setor dalam tempoh 1 hari bekerja.
9. Prosedur Tuntutan Barang-Barang Sitaan	Memastikan pengeluaran barang-barang sitaan dilakukan dalam tempoh 1 hari selepas bayaran tebusan dibuat.
10. Penyelesaian Sistem / Komputer	Menyelesaikan semua aduan minor untuk penyelenggaraan sistem dan kerosakan komputer dalam tempoh 3 hari bekerja selepas menerima aduan.
11. Pengurusan Back Up Data Bagi Server Aplikasi ePBT	Proses back up data bagi Aplikasi ePBT dapat dilaksanakan secara berkala mengikut tempoh harian dan bulanan.
12. Penyediaan Pindaan Senarai Nilaian Sediada	Menyediakan Pindaan Senarai Nilaian Sediada setiap 6 bulan.
13. Proses Sewaan Premis MDKS	Mengeluarkan surat tawaran kepada pemohon dalam tempoh 14 hari waktu bekerja dari tarikh pengesahan Mesyuarat Kewangan / Majlis bagi premis <i>hotspot</i> manakala 7 hari waktu bekerja bagi premis bukan <i>hotspot</i> dan dewan/stadium dari tarikh kelulusan permohonan.
14. Pengeluaran Notis E (Tuntutan Melalui Pos) dan Tuntutan Tunggakan Bil Cukai Taksiran (Waran Tahanan)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengeluarkan Borang E kepada semua pemilik cukai taksiran yang tertunggak dalam tempoh 21 hari dari tarikh akhir bayaran setiap penggal. 2. Mengeluarkan Borang F jika tiada pembayaran selepas 15 hari Borang E diserahkan.
15. Terimaan Hasil (Kaunter)	Mengeluarkan resit terimaan kepada pelanggan pada hari yang sama.
16. Bajet Tahunan	Menyiapkan bajet tahunan sebelum tarikh penyerahan kepada PBN dan mengeluarkan keputusan bajet setelah mendapat surat kelulusan daripada PBN dalam tempoh 7 hari bekerja.
17. Pembayaran Pembelian Terus / Sebutharga / Tender	Membuat pembayaran dalam masa 7 hari bekerja selepas Jabatan Perbendaharaan menerima dokumen lengkap untuk proses bayaran daripada jabatan berkaitan.
18. Pengurusan Stor	Pengeluaran barang dalam tempoh tiga hari waktu bekerja dari kelulusan pegawai pelulus.
19. Pengurusan Pendaftaran Aset	Melaksanakan pendaftaran aset dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan aset.


PIAGAM PELANGGAN

BIL PELAN KUALITI	OBJEKTIF KUALITI
20. Permohonan Lesen Perniagaan	<p>Memproses dan memaklumkan keputusan kepada pemohon dalam tempoh 24 jam bagi kelulusan lesen serta merta dan 45 hari bekerja bagi kelulusan lesen berisiko.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lesen Serta Merta (Memproses dan memaklumkan keputusan kepada pemohon dalam tempoh 24 jam dari tarikh permohonan) 2. Lesen Berisiko (Memproses dan memaklumkan keputusan kepada pemohon dalam tempoh 7 hari selepas disahkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan Majlis Perbandaran Kuala Selangor)
21. Pemantauan Lesen Berisiko dan Lesen Serta Merta	Memastikan pemantauan terhadap setiap premis yang diberikan lesen baharu dilakukan dalam masa 61 hari sehingga 90 hari selepas surat kelulusan lesen dikeluarkan.
22. Pemantauan Lesen Serta Merta (Dengan Syarat Khusus) -Senarai B	Memastikan pemantauan lesen dilakukan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tarikh kelulusan lesen.
23. Permohonan Melalui OSC	Menyelaras dan mengawal selia proses permohonan pelan pemajuan/pembangunan.
24. Permohonan Kebenaran Merancang (Pelan Pembangunan)	Mengesahkan Pelan Kebenaran Merancang dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh 20 salinan pelan dan dokumen yang lengkap dan telah mematuhi ulasan teknikal diterima daripada pemohon (PSP).
25. Permohonan Kebenaran Merancang (Perubahan Material Kegunaan Bangunan - Taska/ Tadika)	Mengesahkan pelan Kebenaran Merancang dalam tempoh 60 hari dari tarikh penerimaan permohonan.
26. Permohonan Kebenaran Merancang (Perubahan Material Kegunaan Bangunan - Hotel Bajet)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyampaikan keputusan mesyuarat dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh terima permohonan yang lengkap. 2. Mengesahkan pelan Kebenaran Merancang dalam tempoh 20 hari bekerja dari tarikh pelan yang telah dipinda dan mematuhi syarat diterima dari OSC.
27. Permohonan Nama Taman, Jalan, Nombor Bangunan dan Alamat (Bagi Kawasan Pembangunan Baru)	Mengesahkan pelan Nama Taman, Jalan dan Nombor Bangunan dalam tempoh 20 hari bekerja dari tarikh pelan yang telah dipinda dan mematuhi syarat diterima dari pemohon.
28. Permohonan Kelulusan Pelan Lanskap	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyampaikan keputusan mesyuarat dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima. 2. Mengesahkan kelulusan pelan lanskap dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh terima pelan yang dipinda dan mematuhi syarat kelulusan.
29. Permohonan Pelan Infrastruktur dan Pelan Kerja Tanah	Mengeluarkan surat kelulusan dalam tempoh 14 hari bekerja setelah borang semakan akhir disahkan.
30. Permohonan Kelulusan Pelan Lampu Jalan/ Lampu Isyarat	Mengeluarkan surat kelulusan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas syarat dan ulasan dipatuhi.
31. Penyelenggaraan Kenderaan	Memastikan 80% kerja – kerja selenggara minor dilaksanakan dalam tempoh 3 hari bekerja dan kerja selenggara major dalam tempoh 14 hari berkerja daripada tempoh kululusan bagi pembaikan.
32. Kelulusan Pelan Bangunan (Jabatan Memperaku)	Memproses permohonan Pelan Bangunan dalam tempoh 49 hari bekerja dan mengesahkan Pelan Kelulusan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja setelah pindaan dan syarat-syarat diterima.
33. Permohonan Kelulusan Permit Pembaikan Kecil & Pelan Setara	Memproses dan meluluskan pengubahsuaian bangunan (kategori permit pembaikan kecil dan pelan setara) dalam tempoh satu (1) jam bekerja.

PIAGAM PELANGGAN

BIL PELAN KUALITI	OBJEKTIF KUALITI
34. Pemantauan Pematuhan Syarat Kelulusan	Membuat pemantauan ke atas kerja-kerja binaan sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh binaan bagi projek skim serta satu (1) kali bagi kerja-kerja kelulusan selain skim dan menyediakan kertas siasatan sekiranya berlaku ketidakpatuhan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja.
35. Permohonan Kelulusan Permit Sementara, Pelan Tambahan/ Ubahsuaian & Rumah Sesebuah	Memproses dan mengeluarkan surat dan pelan lulus dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
36. Proses Pemfailan Jadual Petak kepada Pesuruhjaya Bangunan Seksyen 6, Akta 757	Memastikan semakan pemfailan jadual petak diselesaikan dalam tempoh 40 hari bekerja daripada permohonan lengkap.
37. Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan	Memastikan sijil bagi Gred A, Gred B dan Gred C dikeluarkan 15 hari bekerja dari tarikh pengesahan keputusan penilaian.
38. Prosedur Pengurusan Tangkapan Anjing Terbiar	Mengambil tindakan ke atas kacauganggu awam berkaitan anjing terbiar premis kediaman dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima oleh jabatan.
39. Prosedur Pemantauan Kerja - Kerja Pembersihan Awam dan Pengurusan Sisa Pepejal	Mengesahkan laporan prestasi kontraktor dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas penerimaan tuntutan bayaran.
40. Prosedur Siasatan Aduan Sampah dan Pembersihan Awam	Mengambil tindakan aduan sampah dalam tempoh 3 hari dan pembersihan awam (rumput, longkang perumahan, sampah pukal dan bangkai anjing) dalam tempoh 7 hari.
41. Pengurusan Program Jabatan	Melaksanakan 80% program yang telah ditetapkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan dan lain-lain program yang berkaitan.
42. Aduan Awam	Memastikan setiap aduan yang diterima diproses dan diserahkan ke jabatan berkaitan dalam masa 24 jam masa bekerja.
43. Pelaksanaan Auditan	Melaksanakan auditan dua belas (12) kali setahun di Jabatan dalaman Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
44. Proses Perolehan Kerja Secara Sebutharga	Mengeluarkan Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima (SST) kepada pembuat/ pembekal/ kontraktor yang dilantik dalam tempoh 7 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga.
45. Proses Perolehan Kerja Secara Tender	Mengeluarkan Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima (SST) kepada pembuat/ pembekal/ kontraktor yang dilantik dalam tempoh 7 hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tender.

CARTA ORGANISASI



AHLI MAJLIS



TUAN MOHAMAD HANAFI BIN SASRI *MM*,
Yang Dipertua



YDH. DATO' MOHAMAD YAACOB BIN
HAJI ISMAIL, DHD, PJK,
Orang Besar Daerah
No. Telefon: 019-682 8377



DR. ABD MURAD BIN SALLEH
Zon 1 (Tanjung Karang)
No. Telefon: 019-345 8385



ENCIK MOHAMAD
BIN ABDUL RAHMAN
Zon 2 (Tanjung Karang)
No. Telefon: 013-634 7237



ENCIK YEOW YEONG FENG
Zon 3 (Tanjung Karang)
No. Telefon: 012-678 7719



TUAN HJ. ANWAR BIN KARISON
Zon 4 (Jong Permatang)
No. Telefon: 019-687 0596



YM. RAJA SHAHMIRZAMAN BIN
RAJA BADAKOZAMAN
Zon 5 (Jong Permatang)
No. Telefon: 012-211 8877



TUAN HJ. ARSHAD BIN SAMAT *PPS, PPS*
Zon 6 (Kuala Selangor)
No. Telefon: 019-613 5806



ENCIK KOO CHIN MIN
Zon 7 (Kuala Selangor)
No. Telefon: 016-665 6024



PUAN NANITHA KUMARI AIP SINGARAM
Zon 8 (Kuala Selangor)
No. Telefon: 018-980 4773



ENCIK LEE LIH PERNG
Zon 9 (Kuala Selangor)
No. Telefon: 019-350 5868



ENCIK LIM YAUW NIEN
Zon 10 (Jeram Sg. Buloh)
No. Telefon: 019-254 6865



PUAN HALIZA BINTI MONTAK
Zon 11 (Jeram Sg. Buloh)
No. Telefon: 010-200 7749



ENCIK MUHAMMAD ASYRAF SYAFIQ
BIN ANGAR
Zon 13 (Bestari Jaya/Pasangan)
No. Telefon: 019-379 9733



ENCIK VIKNESWAR A/L
KRISHNA MOORTHY
Zon 14 (Bestari Jaya/Pasangan)
No. Telefon: 016-604 8011



TA. SIVASALAN
AL MUGUNTHAN
Zon 15 (Bestari Jaya/Pasangan)
No. Telefon: 016-956 0096



ENCIK OMAR
BIN MUHAMMAD RAFIQ
Zon 16 (*PSA*)
No. Telefon: 017-264 1693



ENCIK HOI YUN HONG
Zon 17 (*PSA*)
No. Telefon: 019-323 4711



ENCIK SHIEW SEOW CHIANG
Zon 18 (*PSA*)
No. Telefon: 017-681 0512



ENCIK MOHD HELMI
BIN SANUSI
Zon 19 (Puncak Alam)
No. Telefon: 019-306 3844



ENCIK KHIDER BIN ABD RAHMAN
Zon 20 (Puncak Alam)
No. Telefon: 013-365 4661



ENCIK ALAGENTHIRAN
AL VELLASAMY @ MAYANDY
Zon 21 (Puncak Alam)
No. Telefon: 012-335 7676



ENCIK MOHD SHAHRUL ADIB
BIN MISNANI
Zon 22 (Banting Utara)
No. Telefon: 018-369 4274



PUAN MAISARAH BINTI ISMAIL
Zon 23 (Banting Utara)
No. Telefon: 012-396 4290

KUMPULAN PENGURUSAN



TUAN MOHAMAD HANAFI BIN BASRI SMI,
Yang Dipertua



TP. HAJI MOHAMAD YUSLI BIN
ASKANDAR A.S., P.P.C.
Setiausaha



ENCIK AHMAD JAMZURI BIN MULLAIME P.P.
Pengarah Kewangan



PUAN LELIANA BINTI AHMAD P.P.
Pengarah Kawangan



Sr. SALINDA BINTI JAAFAR, P.P.C.
Pengarah Penilaian



ENCIK MOHAMED ZAKIR HUSIN
BIN MOHAMED ZAHID P.P.C.
Pengarah Pelajaran



ENCIK JEFREEE BIN ABD. MANAF P.P.C.
Pengarah Kesihatan dan Persekitaran



PUAN NORAZEAN BINTI
ABDUL RAHMAN
Pengarah Landskap



ENCIK SYAIFUL BIN SABRIN
Pengarah Khidmat Pengurusan



ENCIK MOHAMAD LUTFI BIN
MISLAH HUDDIN
Pengarah Pengurusan



TQ. FAEZAH BINTI ABD. AZIZ
Pengarah Bangunan



PUAN UMI ZUHIRAH BINTI RAMLI
Pengarah Perancang



ENCIK ANUWAA BIN
MOHAMAD JALANI
Ketua Unit Pusat Setiausaha



CIK NURUL SAADAH BINTI A. WAHAB
Ketua Unit Penundangan



PUAN SITI NUR SHAFIQAH
BINTI RAHMAT
Ketua Unit Perlotan



PUAN NORIRINI BINTI MOHD LAZIM
Ketua Unit Korporat, Pelancangan dan
Perhubungan Awam



PUAN WAN NURULNASUHA BINTI
WAN ABI AZIZ
Ketua Unit Teknologi Maklumat



PUAN DIANA BINTI SARIDI P.P.C.
Ketua Unit Audit Dalam



SR. MUHAMMAD ZUL FIQAH
BIN OMAR
Ketua Unit Persempayaan Bangunan



ENCIK PUSPANATH A.J. THANAIASALAN
Penolong Pegawai Belia dan Sukan

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Jabatan Khidmat Pengurusan MPKS memainkan peranan penting sebagai tulang belakang kepada kelancaran operasi pentadbiran Majlis. Jabatan ini bertanggungjawab mengurus hal ehwal sumber manusia, latihan dan pembangunan kompetensi, serta aspek pentadbiran am yang meliputi urusan mesyuarat, komunikasi rasmi, rekod, dan kemudahan pejabat. Dengan memfokuskan kepada peningkatan kecekapan tadbir urus, pengukuhan keupayaan kakitangan, dan pembudayaan kerja berintegriti, jabatan ini memastikan setiap fungsi organisasi dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan berkesan demi kesejahteraan masyarakat Kuala Selangor.

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Jawatan-jawatan kontrak diwujudkan mengikut keperluan melalui pembentangan Belanjawan Tahunan dan ianya tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Terdapat pengisian jawatan bertaraf tetap dibuat pengisian melalui lantikan secara kontrak terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan ke jawatan tetap bagi mengukur prestasi dan keyakinan pegawai.

Jumlah keseluruhan pegawai di Majlis Perbandaran Kuala Selangor adalah:

PERKARA	JUMLAH	PERATUS
Tetap	301	66.30%
Kontrak	132	29.08%
MyStep	20	4.40%
KPKT	1	0.22%
JUMLAH	454	100%

Pecahan mengikut kumpulan penjawatan termasuk Pegawai Perancang Bandar dan Desa (J41) Unit Pusat Setempat adalah seperti berikut.

PERKARA	TETAP	KONTRAK	MYSTEP	JUMLAH
Gred 41 ke atas	13	5	0	18
Gred 29 - Gred 40	52	23	3	78
Gred 19 - Gred 26	130	53	15	198
Gred 11 ke bawah	107	51	2	160
JUMLAH	302	132	20	454

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Bahagian ini juga bertanggungjawab terhadap pengurusan kerjaya kakitangan seperti pelantikan, pengesahan, pencen, dan penilaian prestasi. Sepanjang tahun 2024, hampir kesemua program dan inisiatif berjaya dilaksanakan dengan pencapaian cemerlang.

PERKARA	PENCAPAIAN
Penstrukturran Perjawatan	1
Pelan Penggantian Jawatan	37
Peperiksaan Dalam Perkhidmatan	1
Pengesahan Dalam Perkhidmatan	15
Perakuan Taraf Berpencen	0
Bersara Wajib/Tamat Kontrak	5
Sambung Kontrak	94
Kenaikan Gaji Tahunan	436
Pengurusan LNPT/APC	436

BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

Fokus utama bahagian ini ialah pengurusan mesyuarat rasmi, urusan pejabat ahli majlis, sistem rekod, komunikasi dua hala dengan pihak berkepentingan, serta penyelenggaraan kemudahan pejabat.

PERKARA	PENCAPAIAN
Perbentangan Sasaran Kerja Tahunan	2
Mesyuarat Majlis	12
Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat	5
Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	3
Mesyuarat Ketua Jabatan (HOD)	10
Komunikasi Parlimen/ADUN	1
Pengurusan Kuarters & Pejabat Ahli Majlis	2

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI & LATIHAN

Unit ini bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan latihan dalaman, luar, program pementoran serta pengurusan pelajar praktikal. Prestasi tahun ini menunjukkan peningkatan penyertaan yang ketara dalam program pembangunan kakitangan.

PERKARA	PENCAPAIAN
Kursus Dalaman	44
Kursus Luaran	364
Pegawai Hadir Kursus ≥3 Hari	427
Latihan Pelajar Praktikal	55
Program AKRAB	1
Program Pementoran	1

PENUTUP

Secara keseluruhan, Jabatan Khidmat Pengurusan telah mencapai 97% pencapaian berdasarkan indikator yang ditetapkan bagi tahun 2024. Kejayaan ini adalah hasil komitmen tinggi semua warga jabatan dalam mengekalkan budaya kerja profesional, sistematik dan berorientasikan hasil. Beberapa cadangan penambahbaikan seperti peningkatan sistem pemantauan kehadiran kursus luar turut telah dikenal pasti bagi menambah baik prestasi jabatan pada tahun berikutnya.

JABATAN PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan MPKS bertanggungjawab ke atas semua hal mengenai kewangan, semua jenis pembayaran dan semua jenis kutipan hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan lain di dalam kawasan pentadbiran majlis. Jabatan ini juga bertanggungjawab mengawal perbelanjaan Majlis iaitu dengan memastikan sumber-sumber pendapatan majlis dibelanjakan dengan lebih berkesan dan berhemah kepada seluruh penduduk Daerah Kuala Selangor. Selain daripada itu, jabatan ini juga bertindak sebagai jabatan yang mengawal segala perbelanjaan di samping berusaha dalam menambahkan lagi sumber hasil majlis supaya Majlis tidak hanya bergantung kepada cukai sebagai sumber hasil yang utama. Selain itu, Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan aset dan stor.

FUNGSI JABATAN PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan MPKS bertanggungjawab mengurus kewangan dan aset Majlis secara menyeluruh. Antara fungsi utama jabatan ini ialah mengutip hasil Majlis termasuk cukai taksiran dan hasil tempat letak kereta, serta memproses bil dan kutipan. Ia juga menyediakan anggaran bajet tahunan, memproses pembayaran gaji dan tuntutan, serta merekod dan memantau perbelanjaan bulanan setiap jabatan.

Selain itu, jabatan ini menyedia dan mengemaskini buku tunai, penyata kewangan tahunan, serta mengawal semua akaun Majlis. Dari aspek pengurusan aset, jabatan mengurus aset alih, aset hidup dan stor kerajaan termasuk penerimaan, penyimpanan, penyelenggaraan dan pelupusan. Ia juga bertindak sebagai urus setia JKPAK serta menyelaras laporan berkaitan aset dan stor Majlis secara sistematis.

Secara ringkasnya, Jabatan Perbendaharaan berperanan penting dalam memastikan pengurusan kewangan dan aset MPKS dilaksanakan secara cekap, teratur dan berintegriti.



PENCAPAIAN TAHUN 2024

Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor pada tahun 2024 adalah di tahap yang baik. Hasil keseluruhan Majlis yang terdiri dari Cukai, Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil keseluruhan bagi tahun 2024 sebanyak RM136juta. Jadual di bawah menunjukkan pecahan hasil Majlis seperti berikut:

PERKARA	2023	2024
Cukai	RM44,118,172.00	RM46,582,817.00
Bukan Cukai	RM26,156,307.00	RM30,306,185.00
Terimaan Bukan Hasil	RM14,249,650.00	RM15,725,487.00
JUMLAH (BAJET)	RM84,524,129.00	RM92,614,489.00
GST	RM412.00	RM177.00
Wang Amanah	RM10,783,534.00	RM20,174,320.00
Geran Penyelenggaraan Jalan	RM16,971,023.00	RM17,977,334.00
Cagaran	RM6,624,987.00	RM5,916,735
JUMLAH KESELURUHAN	RM118,904,085.00	RM136,683,055.00

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan terdapat peningkatan hasil dari terimaan hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil Majlis pada tahun 2024. Diantara hasil yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah kenaikan kadar faedah ke atas pelaburan simpanan tetap Majlis dan kenaikan kutipan lesen. MPKS juga diiktiraf oleh pihak Jabatan Audit Negara dengan memperolehi Sijil Bersih (tanpa teguran) bagi penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, 5 bintang di dalam Indikator Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT), dan Indeks Akauntabiliti 4 bintang menunjukkan pengurusan kewangan yang baik dan cekap.



PERBELANJAAN

Prestasi perbelanjaan adalah lebih baik di mana secara keseluruhannya segala perbelanjaan adalah terkawal dan di bawah nilai hasil semasa yang boleh dikutip serta kawalan perbelanjaan dan perolehan yang lebih ketat. Selain amalan perbelanjaan berjimat cermat, berhemah dan langkah-langkah penjimatan kos yang dilaksanakan telah dapat mengurangkan kos perbelanjaan.


Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah membelanjakan sebanyak RM78.5juta secara keseluruhannya mengikut bajet tahun 2024.

PERKARA	2023	2024
Emolumen	RM21,177,261.00	RM21,576,177.00
Perkhidmatan dan Bekalan	RM49,356,432.00	RM52,177,276.00
Aset	RM1,101,358.00	RM1,129,509.00
Pemberian dan Kenaan Tetap	RM1,363,566.00	RM1,529,745.00
Perbelanjaan Lain	RM1,402,826.00	RM1,081,077.00
AKB dan Lain-Lain Peruntukan Tambahan	RM1,075,177.00	RM1,083,610.00
JUMLAH	RM75,476,620.00	RM78,577,394.00

Secara Keseluruhannya Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor berada dalam keadaan baik dan terkawal. Perbelanjaan pada tahun 2024 sedikit meningkat berbanding tahun 2023 disebabkan oleh peningkatan dalam kos perkhidmatan dan pelupusan sampah serta majlis perlu memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat setempat di Daerah Kuala Selangor. Walaubagaimanapun, kedudukan aliran tunai Majlis berada di tahap yang positif.

ANALISA TRANSAKSI SECARA EFT DAN CEK TAHUN 2024

Bayaran yang dibuat secara EFT (*Electronic Fund Transfer*) pada tahun 2024 adalah sebanyak 8,798 transaksi dan bayaran secara pengeluaran cek adalah sebanyak 32 transaksi daripada 8,830 keseluruhan transaksi pembayaran yang menunjukkan hampir 100% pembayaran dibuat melalui EFT selaras dengan dasar kerajaan.



AKAUN

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah memperoleh Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 yang memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan perakaunan di Majlis Perbandaran Kuala Selangor mengikut Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

ANALISA PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DARI TAHUN 2016 SEHINGGA 2024.

Majlis telah membuat suatu anggaran perbelanjaan berdasarkan kepada melihat gambaran keseluruhan prestasi perbelanjaan Majlis dari tahun 2016 sehingga 2024 dengan membahagikan kesemua perbelanjaan Majlis kepada beberapa kategori seperti perbelanjaan operasi, penyelenggaraan dan perkhidmatan, pembangunan, sosial, aset dan lain-lain. Melalui analisa ini, Majlis dapat membezakan perbelanjaan untuk operasi Majlis dan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk masyarakat di Daerah Kuala Selangor yang mendapat perkhidmatan perbandaran.

Tujuan analisa ini adalah untuk mengukur tahap kecekapan (*efficiency*) Majlis dalam menggunakan sumber untuk memberi perkhidmatan kepada Masyarakat melalui pengurusan kewangan yang baik. Selain daripada itu, Majlis juga dapat menganalisa hasil cukai yang diterima daripada setiap rumah berbanding dengan belanja untuk perkhidmatan dan penyelenggaraan yang telah Majlis beri kepada masyarakat.

Bagi memenuhi keperluan Masyarakat, pihak MPKS juga telah melaksanakan ISF & Caj Pemajuan mengikut Kaedah-kaedah Caj Pemajuan, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) di mana wang kutipan ISF & Caj Pemajuan digunakan untuk penyediaan kemudahan awam di dalam kawasan pentadbiran MPKS seperti kerja-kerja membina, menaiktaraf dan mengatasi masalah infrastruktur di kawasan pembangunan sediada dan baru, menaiktaraf dan membina kemudahan seperti dewan, padang permainan kanak-kanak dan sebagainya.

Bermula tahun 2020, Majlis telah melaksanakan kutipan amanah caj beg plastik selaras dengan arahan kerajaan negeri dan kutipan ini digunakan untuk pengurusan dan penganjuran program atau aktiviti berkaitan alam sekitar.

Majlis juga telah mewujudkan akaun Wang amanah pendidikan bagi menguruskan Wang sumbangan pemaju dan memastikan penggunaannya adalah untuk menambah/meningkatkan taraf sekolah sedia ada di kawasan pentadbiran Kuala Selangor.

ASET DAN STOR

Bahagian aset MPKS menguruskan perolehan bekalan dan perkhidmatan untuk kegunaan pihak pengurusan seperti pembelian alat tulis pejabat, bahan bercetak, kelengkapan pejabat dan lain-lain. Selain itu, bahagian ini juga berperanan memastikan segala perolehan yang dibuat mematuhi tatacara pengurusan aset dan stor kerajaan dalam bentuk penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset.

Pelantikan pegawai penerima perlu dilaksanakan setiap kali perolehan dilakukan bagi memastikan barang stor yang diterima menepati spesifikasi yang ditetapkan, menentukan kualiti dan kuantiti sebenar mengikut pesanan dan memastikan barang stor diterima dalam keadaan yang baik. Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) ini diwujudkan adalah bertujuan untuk menguruskan Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah yang meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan, Penyimpanan, Pemeriksaan, Penyelenggaraan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira. Dilaporkan kedudukan aset semasa bagi tahun 2024:

SUKU TAHUN	HARTA MODAL			ASET ALIH BERNILAI RENDAH			JUMLAH KESELURUHAN ASET ALIH		
	KUANTITI	JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	JUMLAH NILAI SEMASA (RM)	KUANTITI	JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	JUMLAH NILAI SEMASA (RM)	KUANTITI	JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	JUMLAH NILAI SEMASA (RM)
Baki Awal	668	14,350,044.26	2,694,247.80	3,229	2,226,846.75	1,164,040.19	3,897	16,576,891.01	3,858,287.99
Suku Tahun Pertama	1	229,680.00	229,680.00	4	4,760.00	4,760.00	5	234,440.00	234,440.00
Suku Tahun Kedua	15	174,940.00	174,940.00	6	5,610.00	5,610.00	21	180,550.00	180,550.00
Suku Tahun Ketiga	25	97,666.00	97,666.00	92	71,965.00	11,780.00	117	169,631.00	169,631.00
Suku Tahun Keempat	15	241,924.15	241,924.15	21	30,180.00	30,180.00	36	272,104.15	272,104.15

Setiap transaksi pengeluaran dan kemasukan stor dari stor MPKS perlu direkodkan bagi mengira kadar pusingan stor dan pemeriksaan perlu dijalankan dari semasa ke semasa untuk mengesan dan mengenalpasti kelemahan yang menyebabkan berlebihan stor, berkurang, rosak/ usang. Berikut merupakan kadar pusingan stor MPKS bagi tahun 2024.

JABATAN	Sedia Ada (RM)	Penerimaan (RM)	Pengeluaran (RM)	Stok Semasa (RM)	KADAR PUSINGAN STOK
	BAKI STOK AKHIR TAHUN:2023				
Suku Tahun 1	297,970.039	214,652.150	122,269.147	390,353.042	0.355
Suku Tahun 2	390,353.042	347,720.100	366,833.523	371,239.19	0.963
Suku Tahun 3	371,239.19	299,351.900	246,208.598	424,382.921	0.619
Suku Tahun 4	424,382.921	320,446.600	474,303.760	270,525.761	1.365
Nilai Tahunan		1,182,170.750	1,209,615.028	Kadar Pusingan Stok	4.255

ASET DAN STOR

Secara keseluruhan prestasi stor di Majlis Perbandaran Kuala Selangor masih belum mencapai kadar pusingan stor tahunan sekurang-kurangnya empat (4) kadar pusingan. Sehubungan itu, Stok tidak aktif hendaklah dikaji semula parasnya supaya stor tidak menjadi usang dan tidak bergerak.

Pada tahun 2024 pemeriksaan stor telah diverifikasi oleh empat pengawal verifikasi dan laporan verifikasi seperti berikut:-

JABATAN	KESELURUHAN	DIVERIFIKASI	PERATUSAN DIVERIFIKASI
Perbendaharaan	44,021	44,021	85.93
Korporat	14,855	14,855	60.71
Kesihatan	169	169	85.93
Landskap	370	370	100
Kejuruteraan	763	763	83.70
JUMLAH	60,170	60,170	-

BANDINGAN HASIL CUKAI BAGI KEDIAMAN DAN BILANGAN RUMAH DARI TAHUN 2016-2023

Mengikut statistik di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, dari jumlah keseluruhan pegangan 40% adalah daripada kategori kediaman. Jadual di bawah menunjukkan separuh dari hasil Cukai Majlis bagi setiap tahun bermula 2022 sehingga tahun 2024 semakin meningkat begitu juga bilangan kediaman. Ini bertujuan untuk mencari cukai yang dibayar oleh setiap sebuah rumah untuk dibandingkan dengan perbelanjaan di jadual seterusnya.

PERKARA	2022	2023	2024
Hasil Cukai Kediaman (50%)	RM18,166,991.00	RM22,059,086.00	RM23,291,408.00
Bil. Rumah (Unit)	64,950	66,096	63,236
Bil. Penduduk	280,873	288,204	293,968

BANDINGAN HASIL CUKAI BAGI KEDIAMAN DAN BILANGAN RUMAH DARI TAHUN 2016-2023

Berikut adalah jadual nisbah bayaran cukai kediaman kepada belanja untuk masyarakat dari tahun 2022-2024.

BIL	NISBAH	2022	2023	2024
A	Belanja Operasi	273	364	524
B	Kos Penyelenggaraan dan pembersihan	691	778	882
C	Purata bayaran cukai kediaman / unit	280	334	368
D	Nisbah cukai kepada kos perkhidmatan+operasi [D=(A+B)/C]	1:3.44	1:3.42	1:3.82

Jadual di atas menunjukkan nisbah kos operasi dan belanja untuk penyelenggaraan serta perkhidmatan kepada bayaran cukai kediaman untuk setiap rumah di Daerah Kuala Selangor. Bagi tahun 2024 setiap RM1 yang Majlis peroleh daripada cukai perbelanjaan yang Majlis berikan kepada masyarakat adalah RM3.82 untuk pengurusan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan.

Secara puratanya untuk tempoh sembilan tahun ini, menunjukkan bagi setiap RM1 yang diterima oleh Majlis daripada cukai, perumahan, Majlis memberikan pulangan RM3.57 kepada masyarakat. Majlis perlu menggunakan dari hasil lain seperti hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil ‘cross subsidized’ untuk perkhidmatan itu.

AKTIVITI KUTIPAN HASIL 2024

- Kempen Tawaran Potongan 100% Fi Notis Dan Waran Cukai Taksiran Sempena Ulangtahun Majlis Perbandaran Kuala Selangor Kali Ketiga telah dilaksanakan pada 7 Ogos 2024 sebagai inisiatif yang dilaksanakan untuk menggalakkan dan sebagai usaha bagi mengutip tuggakan cukai taksiran dari pemilik-pemilik harta yang bertuggakan yang ingkar membuat bayaran sempena ulangtahun kedua MPKS. Laporan kempen adalah seperti berikut:-

BAYARAN DITERIMA	POTONGAN NOTIS DAN POTONGAN WARAN 100%
RM136,889.60	RM20,698.38

AKTIVITI KUTIPAN HASIL 2024

- Operasi waran cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta yang mempunyai tunggakan melebihi RM500.00 telah dilaksanakan melibatkan seramai 53 orang petugas yang telah dilantik. Laporan operasi waran adalah seperti berikut:

PENGGAL	TEMPOH PENGHANTARAN WARAN F	BILANGAN WARAN F	JUMLAH KUTIPAN
Penggal 1/2024	11 Mei 2024 – 25 Mei 2024	6,529	RM1,711,647.52
Penggal 2/2024	19 Oktober 2024 – 16 Oktober 2024	6,584	RM1,799,574.91
JUMLAH		13,113	RM 3,511,222.43

- Kempen pengurangan kompaun tempat letak kereta telah dilaksanakan sempena ulang tahun kali ketiga MPKS dan sambutan bulan kemerdekaan Malaysia. Tawaran harga kempen kompaun tempat letak kereta sebanyak RM15 bagi kompaun melebihi 24 jam. Jumlah kutipan sepanjang kempen adalah seperti berikut:

KETERANGAN	OGOS 2024
Bilangan Kompaun Berbayar	36,740
Jumlah Bayaran	RM367,400.00

- Hasil kutipan daripada kaunter bergerak dan lain-lain kaunter sehingga 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

KETERANGAN	BIL KAUNTER	JUMLAH KUTIPAN
Kaunter Bergerak (Lori)	252	RM1,424,166.38
Kaunter Pejabat Puncak Alam	248	RM1,883,041.61
Kaunter Pandu Bayar	260	RM2,743,415.78
Kaunter Stadium	248	RM1,252,225.18
Lain-Lain/ Sewaan/ Pasar Malam	58	RM222,686.54
JUMLAH	1,066	RM7,525,535.49

AKTIVITI KUTIPAN HASIL 2024

- Berikut merupakan analisa kutipan cukai taksiran bagi tahun 2024 berdasarkan kawasan di dalam daerah Kuala Selangor:

KETERANGAN	PERATUS	JUMLAH KUTIPAN
Ijok Puncak Alam	24.5%	RM11,955,622.04
Bestari Jaya	20.0%	RM9,775,491.73
Kuala Selangor 1	13.0%	RM6,343,183.96
Ijok	7.5%	RM3,662,305.25
Ijok, Saujana Utama	6.7%	RM3,272,793.38
Ijok Plentifields	4.6%	RM2,223,673.05
Jeram	4.9&	RM2,396,234.84
Tanjung Karang	4.1%	RM2,004,108.59
Ijok Alam Perdana	2.7%	RM1,296,029.25
Ijok Bandar Seri Coalfields	3.1%	RM1,517,818.69
Ijok Desa Coalfields	2.4%	RM1,176,988.40
Jeram Puncak Bestari	1.7%	RM852,246.80
Ijok Seri Pristana	1.8%	RM875,758.49
Jeram Sungai Janggut	1.0%	RM510,665.28
Jeram Sungai Sembilang	0.6%	RM294,716.10
Kuala Selangor 2	0.5%	RM237,929.70
Api-Api Bukit Rotan	0.5%	RM249,933.50
Pasangan Kampung Kuantan	0.3%	RM158,243.35
JUMLAH	100	RM48,803,742.40

AKTIVITI KUTIPAN HASIL 2024

- Majlis telah mempelbagaikan kemudahan untuk pembayaran secara *online* dan juga melalui kaunter seperti berikut :

JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN

TIADA LAGI PENGEPOSAN BIL CUKAI TAKSIRAN

SEMAKAN DAN BAYARAN SECARA ONLINE iP3KS, CEPAT DAN PBTpay

Bayaran juga boleh dibuat melalui :

QR codes for iP3KS, PBTpay, Maybank, CIMB Clicks.

Kuala Selangor Indah dan Bersejarah

INSENTIF DAN PROMOSI 2024

- Kempen dan peberian cenderahati.

Ulang Tahun PERBANDARAN KUALA SELANGOR ke 3

PARKIR PERCUWA
7 Ogos 2024
Seluruh kawasan parkir berada di daerah Kuala Selangor

PENGURANGAN NOTIS E DAN WARAN F
7 Ogos 2024

POTONGAN PEMBELIAN TIKEH TREH DAN KELIP-KELIP, KO KUANTAN
1 Ogos - 7 Ogos 2024

KEMENGPURANGAN BAYARAN KOMPAINI PELBAGAI
7 Ogos - 16 September 2024

TAHARAH RM10 KOMPAINI LETAK KERETA SEBELUM TINDAKAN MAHKAMAH
10 Ogos - 30 September 2024

AGIHAN PULIT KUNING
9 Ogos 2024, Selepas setiap Jumaat
Masjid Raja Lumut, Pekan Lama Kuala Selangor
Masjid Jamek Setiausaha Negara, Kuala Selangor
Masjid Jamek Sungai Buloh, Sungai Buloh
Masjid Puncak Alam, Bandar Puncak Alam
Masjid Sejaana Utama, Sungai Buloh

PERBANDARAN KUALA SELANGOR ke 3
7 Ogos 2024

TAWARAN ISTIMEWA

POTONGAN 100%

PENGURANGAN NOTIS E DAN WARAN F

7 Ogos 2024



PENUTUP

Tahun 2024 mencatatkan peningkatan prestasi dari segi kutipan hasil, pengurusan perbelanjaan yang berhemah dan tadbir urus kewangan yang cemerlang. MPKS turut berjaya memperoleh Sijil Ketua Audit Negara dengan status "bersih", menunjukkan integriti tinggi dalam pengurusan kewangan.

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Bahagian Penilaian dan Pengurusan Harta memainkan peranan penting dalam memastikan urusan berkaitan penilaian dan pengurusan aset Majlis berjalan lancar. Antara fungsi utamanya ialah menaksir Nilai Tahunan bagi harta-harta baharu, harta sedia ada serta Sumbangan Membantu Kadar. Selain itu, bahagian ini turut melaksanakan pelbagai urusan pentadbiran seperti penghantaran notis pindaan, pengurusan bantahan pemilik pegangan, pengesahan cukai taksiran serta pemprosesan permohonan remisi, pindah milik dan pertukaran alamat surat menyurat. Aduan awam berkaitan cukai taksiran juga diuruskan dengan teliti. Di samping itu, Bahagian ini turut bertanggungjawab mengurus harta milik Majlis termasuk urusan sewaan dan penyelenggaraan premis. Satu lagi peranan penting ialah membuat permohonan ke atas tanah kerajaan yang masih kosong untuk tujuan pembinaan premis Majlis demi menyokong keperluan operasi serta perkhidmatan kepada masyarakat.

AKTIVITI JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Antara aktiviti utama Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta adalah berpandukan kepada fungsi teras jabatan tersebut. Aktiviti yang dijalankan termasuk penyediaan Senarai Nilaian Baharu yang disediakan setiap lima tahun, serta penyediaan Pindaan Senarai Nilaian Sediada yang dilaksanakan setiap enam bulan. Jabatan ini juga mengurus proses bantahan cukai taksiran, di mana surat makluman keputusan akan dikeluarkan dalam tempoh 60 hari waktu bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa Mendengar Bantahan.

Selain itu, aktiviti pengesahan cukai turut dijalankan dengan surat pengesahan dikeluarkan dalam masa tujuh hari waktu bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima. Permohonan remisi pula diproses dalam tempoh 30 hingga 75 hari waktu bekerja, bergantung kepada kelengkapan permohonan. Bagi urusan pindah milik pegangan berkadar, surat kelulusan akan dihantar dalam tempoh tujuh hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima. Di samping itu, jabatan juga mengurus proses pengisian premis sewaan milik MPKS. Bagi premis di kawasan hotspot, surat tawaran dikeluarkan dalam masa 90 hari bekerja, manakala bagi premis bukan hotspot, surat tawaran dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.




I PENDENGARAN BANTAHAN SENARAI NILAIAN BARU MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR



BAHAGIAN PENILAIAN

Cukai Taksiran adalah merupakan hasil utama bagi Majlis Perbandaran Kuala Selangor dan hasil cukai ini akan meningkat setiap tahun seiring dengan peningkatan jumlah pembangunan-pembangunan di seluruh kawasan Daerah Kuala Selangor. Peningkatan hasil cukai ini boleh dilihat mulai tahun 2020 hingga 2024 seperti graf di bawah:



Setakat bulan Disember 2024, jumlah pegangan, Nilai Tahunan dan Cukai Taksiran yang patut dikutip adalah seperti di jadual berikut

KATEGORI	BILANGAN PEGANGAN	NILAI TAHUNAN	CUKAI TAKSIRAN
Kediaman	66,690.00	RM299,641,034.10	RM18,660,060.80
Perniagaan	8,005.00	RM113,921,803.10	RM9,035,064.25
Perindustrian	1,203.00	RM106,780,197.60	RM10,938,975.99
Pertanian	2,665	RM163,500,414.00	RM4,470,701.81
Tanah Kosong	2,890.00	RM46,977,274.00	RM3,291,634.32
JUMLAH	81,453.00	RM730,820,722.80	RM46,396,437.17

BAHAGIAN PENILAIAN

Manakala tuntutan caruman ke atas harta-harta milik Kerajaan yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun adalah seperti berikut:

KATEGORI	JUMLAH PEGANGAN	JUMLAH SMK (RM)
Kerajaan Persekutuan	913	RM349,818.12
Kerajaan Negeri	49	RM126,796.80
Badan Berkanun	6	RM288,722.40
JUMLAH	968	RM765,337.32

Bangunan yang dikenakan Sumbangan Membantu Kadar



Bangunan Pusat Koreksional, Puncak Alam

BAHAGIAN PENILAIAN

Bahagian ini juga melaksanakan beberapa proses kerja utama seperti berikut

- **Pindaan Senarai Nilaian** – Notis Pindaan Senarai Nilaian yang dihantar kepada pemilik-pemilik bagi kenaan cukai taksiran yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024 untuk dikuatkuasakan mulai 01/01/2024, 01/07/2024 dan 01/01/2025 adalah seperti berikut

TARIKH KUATKUASA	JUMLAH PEGANGAN	NILAI TAHUNAN	CUKAI TAKSIRAN
01 Januari 2024	1,794	RM19,509,682.00	RM1,519,931.70
01 Julai 2024	Tiada Pindaan (Pelaksanaan Penilaian Semula)		
01 Januari 2025	82,242	RM1,276,309,887.50	RM8,933,891.48
(SENARAI NILAIAN BARU BERKUATKUASA MULAI 1 JANUARI 2025)			

- **Proses Bantahan** – Sebanyak 5,001 permohonan bantahan telah diterima pada Tahun 2024 iaitu daripada 82,683 (6.04%) notis pindaan senarai nilai baru yang telah dikeluarkan pada 10 Jun 2024.



BAHAGIAN PENILAIAN

- **Permohonan Remisi** – Terdapat 9 permohonan remisi yang diterima sepanjang Tahun 2024 iaitu daripada pemilik harta kediaman, perniagaan dan perindustrian.

PENGGAL	TINDAKAN	PERMOHONAN DITERIMA DAN DILULUSKAN	JUMLAH REBET
2/2024	Julai- Dis 2024	7	RM16,019.60
1/2024	Jan – Jun 2024	2	RM9,791.35
JUMLAH		9	RM25,810.95

- **Penyediaan Senarai Nilaian dan Pengemaskinian Data** – Bahagian ini juga dikehendaki mengemaskini data-data pemilik harta keseluruhan kawasan pentadbiran MPKS dan juga memasukkan data-data harta baru yang dinilai. Selain daripada itu, menerima permohonan pindah milik harta melalui borang I dan borang J, permohonan pertukaran alamat surat-menjurut, pengemaskinian maklumat pembeli dan hakmilik, carian rasmi persendirian, menerima pelan-pelan perancangan, pelan tambahan pindaan bangunan, pelan bangunan dan juga salinan CF (Sijil Layak Menduduki Bangunan) yang diperolehi dari Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap bagi tujuan nilaian seperti perincian berikut :

AKTIVITI	JUMLAH PEGANGAN/ PERMOHONAN
Permohonan pindah milik (Borang I dan Borang J)	1,510
Permohonan Pertukaran Alamat, Ejaan Nama dan Pembetulan Hakmilik	356
Pengesahan Cukai Taksiran	4,235
Penerimaan ulasan Kebenaran Merancang	173
Penerimaan Pelan-Pelan Bangunan (Pelan Cadangan dan Tambahan Pindaan)	333
Penerimaan Salinan CF	3,060
Permohonan Remisi	9

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

Fungsi utama bahagian ini adalah menguruskan harta-harta majlis seperti sewaan dan penyelenggaraan premis serta membuat permohonan tanah bagi mana-mana tanah kerajaan yang kosong dan dibina di atasnya premis majlis.

Sehingga 31 Disember 2024, 798 unit harta tetap Majlis, 19 tapak komersial, 15 buah dewan serta kompleks sukan dan 2 padang/ gelanggang yang boleh disewakan telah direkodkan dan didaftarkan oleh pihak jabatan. Harta-harta Majlis ini telah dikategorikan mengikut jenis hartanah iaitu :-

- **Harta Komuniti** - Adalah merupakan hartanah yang digunakan untuk kemudahan/ kebajikan pekerja dan bagi melaksanakan kerja-kerja urusan pentadbiran majlis seperti rumah kakitangan, pejabat dan lain-lain. Jadual dibawah adalah merupakan jumlah hartanah yang digunakan bagi tujuan tersebut yang mana tidak memberikan hasil pendapatan secara langsung kepada pihak majlis.

KATEGORI HARTANAH	JUMLAH UNIT	JUMLAH KESELURUHAN
Perumahan	112	
Pejabat Cawangan dan Lain – Lain	7	119



BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA


- **Harta Komersial** - Harta komersial adalah merupakan harta yang boleh disewakan sekaligus memberikan hasil pendapatan kepada pihak MPKS seperti di Jadual berikut:-

KATEGORI HARTANAH	JUMLAH UNIT	JUMLAH KESELURUHAN
Premis Tetap	Kedai	102
	Gerai	236
	Takeaway	102
	Pasar	350
	Terminal	13
	IKS	12
Premis Luar Bandar	Kedai	115
	Gerai	119
	Bengkel	4
Tapak Komersial	-	19
Tandas	-	4
Dewan dan Kompleks Sukan	-	15
Padang dan Gelanggang	-	2
JUMLAH		974

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

Merujuk kepada Jadual di bawah, 82% premis telah disewakan manakala 18% masih kosong seperti perincian berikut:

KATEGORI HARTANAH	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT DISEWA	JUMLAH UNIT KOSONG
Sewa Pasar Basah	350	276	74
Sewa Gerai	338	258	80
Sewa Kedai	114	101	13
Sewa Terminal Bas/ Teksi	13	10	3
Sewa Tapak Komersial	19	18	1
Premis Luar Bandar	119	110	9
Tandas	4	4	0
Dewan dan Kompleks Sukan	15	15	0
Padang /Gelanggang	2	2	0
JUMLAH	974	794	180



BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

Hasil pendapatan yang diperolehi daripada kutipan sewaan premis pada Tahun 2024 adalah sebanyak RM2,872,861.51 seperti pecahan berikut:

JENIS HASIL	KUTIPAN
Terimaan Prosesan Permohonan Sewaan	RM2,900.00
Jualan Borang Sewaan	RM190.00
Sewa Pasar Basah	RM464,042.65
Sewa Gerai	RM621,671.68
Sewa Kedai	RM757,303.31
Sewa Dewan/ Stadium	RM236,334.81
Sewa Padang/ Gelanggang	RM85,835.00
Sewa Terminal Bas /Teksi	RM23,510.00
Sewa Tandas Awam	RM3,750.00
Sewa Tapak Komersial	RM204,290.00
Denda Lewat Sewaan	RM25,321.69
Tunggakan Sewaan	RM148,843.01
Penghutang Air Gerai	RM43,878.50
Penghutang Air Pasar	RM78,231.60
Penghutang Elektrik Pasar	RM176,582.00
Pembiutang GST	RM177.26
JUMLAH	RM2,872,861.51

PENUTUP

Secara keseluruhannya, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah menyumbang kepada peningkatan hasil Majlis melalui kenaan Cukai Taksiran iaitu sebanyak RM8,933,891.48 manakala Sewaan Premis Majlis berjumlah RM2,872,861.51 hasil melalui lucuthak cagaran berjumlah RM61,034.00 pada tahun 2024. Selain itu, pihak jabatan juga telah mengenakan Sumbangan Membantu Kadar kepada bangunan-bangunan kerajaan yang mana telah menyumbang kepada hasil Majlis sebanyak RM765,337.32

Selain itu, jabatan ini juga telah membuka peluang kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan Daerah Kuala Selangor untuk meningkatkan pendapatan dan memperbaiki ekonomi keluarga dengan menyediakan premis-premis sewaan dan premis luar bandar. Setakat tahun 2024, sebanyak 82% premis telah berjaya disewakan manakala 18% premis masih lagi kosong kerana beberapa faktor seperti keusangan dan lokasi yang tidak strategik.

Kesimpulannya, pendapatan hasil Majlis melalui kenaan cukai taksiran dan sewaan premis meningkat dari setahun ke setahun dan menunjukkan graf peningkatan yang positif. Ini membuktikan pembangunan dan ekonomi di sekitar kawasan daerah Kuala Selangor sedang membangun dan berkembang dengan baik.

JABATAN PELESENAN

Jabatan Pelesenan, Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menetapkan beberapa sasaran dan strategi untuk tahun 2024. Laporan ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai pencapaian tahun 2024.

MENGUTIP HASIL LESEN

Pada tahun 2024, Jabatan Pelesenan berjaya mengutip hasil lesen sebanyak RM8,049,902. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Analisis trend kutipan hasil daripada tahun 2020 hingga 2023 menunjukkan peningkatan yang konsisten, dengan tahun 2024 mencatatkan kutipan tertinggi. Berikut adalah jadual yang menunjukkan perbandingan kutipan hasil lesen dari tahun 2019 hingga 2024:

TAHUN	KUTIPAN HASIL
2019	RM6,500,000.00
2020	RM6,800,000.00
2021	RM7,200,000.00
2022	RM7,600,000.00
2023	RM7,900,000.00
2024	RM8,049,902.00

PEMATUHAN MS ISO 9001:2015

Jabatan Pelesenan juga berjaya mengekalkan pematuhan terhadap standard kualiti MS ISO 9001:2015. Pematuhan ini penting untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan memenuhi standard kualiti antarabangsa.

PEMERIKSAAN PEMATUHAN LESEN

Aktiviti pemeriksaan pematuhan lesen juga dilaksanakan dengan jayanya. Pemeriksaan ini penting untuk memastikan semua perniagaan yang beroperasi di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Kuala Selangor mematuhi syarat-syarat lesen yang dikeluarkan.



PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh Jabatan Pelesenan juga menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Sistem permohonan lesen serta-merta mencapai 100% pencapaian, manakala sistem permohonan bazar Ramadan dan bazar Raya juga mencapai 100%. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa sistem seperti permit bermusim yang masih dalam proses penambahbaikan. Berikut adalah jadual yang menunjukkan status perkhidmatan dalam talian:

SISTEM PERKHIDMATAN	STATUS PENCAPAIAN
Lesen Serta-Merta	100%
Bazar Ramadan/Raya	100%
Permit Berniaga Sementara	0% (dalam pembangunan)
Permit Buah Bermusim	100%

SASARAN TAHUN 2025

- Hebahan Berkaitan Lesen:** Pada tahun 2025, Jabatan Pelesenan merancang untuk melaksanakan hebahan sebanyak 3 kali setahun berkaitan lesen. Hebahan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan peniaga dan masyarakat tentang kepentingan memiliki lesen yang sah serta peraturan yang perlu dipatuhi.
- Pembudayaan dan Kesedaran Terhadap Lesen:** Aktiviti pembudayaan dan kesedaran terhadap lesen akan diteruskan pada tahun 2025. Jabatan akan melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan peniaga dan masyarakat tentang kepentingan mematuhi peraturan lesen. Ini termasuklah kempen kesedaran, seminar, dan bengkel.
- Program Pendigitalan Pelesenan:** Program pendigitalan pelesenan akan terus dilaksanakan pada tahun 2025. Jabatan akan terus memperbaiki sistem dalam talian yang sedia ada dan membangunkan sistem baru untuk memudahkan proses permohonan lesen.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2024 dengan mencapai hampir semua sasaran yang ditetapkan. Pencapaian ini adalah hasil daripada komitmen dan usaha gigih semua pihak dalam jabatan. Pada tahun 2025, jabatan akan terus memperbaiki perkhidmatan yang sedia ada dan melaksanakan program-program baru untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta memastikan semua aktiviti perniagaan di bawah kuasa Majlis Perbandaran Kuala Selangor mematuhi peraturan yang ditetapkan. Dengan strategi yang dirancang dengan teliti, diharapkan Jabatan Pelesenan akan terus mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 2024, Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan pembangunan fizikal dan sosial yang seimbang di daerah Kuala Selangor. Jabatan ini telah berjaya memenuhi hampir semua sasaran kerja tahunan (SKT) yang ditetapkan, dengan peratusan pencapaian keseluruhan yang memberangsangkan. Berikut adalahuraian terperinci mengenai pencapaian jabatan ini.

BAHAGIAN KAWALAN PEMAJUAN

Bahagian Kawalan Pemajuan merupakan salah satu bahagian utama dalam Jabatan Perancangan Pembangunan. Pada tahun 2024, bahagian ini telah berjaya memproses sebanyak 340 permohonan Kebenaran Merancang (KM), iaitu peningkatan yang ketara berbanding tahun 2023 yang hanya mencatatkan 263 permohonan. Selain itu, sebanyak 1,021 permohonan ulasan perancangan telah diproses, menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya yang mencatatkan 1,014 permohonan.

Bahagian ini juga telah berjaya mengutip hasil Fi KM sebanyak RM589,388.19, yang merupakan sumbangan penting kepada pendapatan MPKS. Selain itu, bahagian ini telah melaksanakan pelbagai program dan projek yang berkaitan dengan pembangunan fizikal dan sosial, termasuk projek-projek di bawah Program Smart Selangor Mampan 2035 (SSM2035) dan projek teknologi hijau seperti penggunaan baja kompos dan pelekat kenderaan khas untuk orang kelainan upaya (OKU).

KATEGORI	PENCAPAIAN
Permohonan Kebenaran Merancang (KM)	340
Permohonan Ulasan Perancangan	1,021
Hasil Fi KM (RM)	RM589,388.19
Hasil Caj Pemajuan	RM16,027,800.00

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAMPAN

MURNInets (*Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development*)

Laporan ini memberikan gambaran terperinci mengenai tahap kemampunan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) bagi tahun 2024 berdasarkan data yang diperoleh daripada MURNInets (Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development).

Pada tahun 2024, MPKS berjaya mencapai skor kemampunan sebanyak 94.02%, yang merupakan peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini menunjukkan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan lestari serta inisiatif yang diambil untuk memastikan perbandaran Kuala Selangor lebih mampan dan sejahtera.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAMPAN

Prestasi kemampuan MPKS telah dinilai dari tahun ke tahun, dan keputusan menunjukkan peningkatan yang positif:

TAHUN	SKOR KESELURUHAN (%)
2020	86.43
2021	78.74
2022	86.04
2023	86.85
2024	94.02

Dapat dilihat bahawa terdapat peningkatan yang ketara pada tahun 2024, menunjukkan keberkesanan dasar dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MPKS.

MPKS telah menilai 51 penunjuk utama yang mempengaruhi tahap kemampuan. Walaupun secara keseluruhan skor adalah tinggi, terdapat beberapa penunjuk yang mencatatkan skor rendah dan sederhana, yang memerlukan perhatian serta tindakan penambahan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, MPKS menggariskan beberapa cadangan untuk meningkatkan skor kemampuan dalam aspek-aspek yang masih memerlukan perhatian:

1. Peningkatan Infrastruktur Awam

- Meningkatkan tahap penyelenggaraan tandas awam untuk memastikan lebih banyak tandas mencapai penarafan 5 bintang.
- Menambah kapasiti sekolah menengah dan prasekolah bagi memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah.

2. Pengurangan Penggunaan Air Domestik Berlebihan

- Menjalankan kempen kesedaran mengenai kepentingan penjimatan air di kalangan penduduk.
- Mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) melalui penyelenggaraan dan peningkatan sistem pengurusan air.

3. Peningkatan Kesihatan dan Kualiti Hidup

- Memperkuuhkan langkah pencegahan penyakit bawaan vektor melalui program kebersihan dan sanitasi yang lebih efektif.
- Menambah kapasiti hospital kerajaan dengan meningkatkan jumlah katil hospital agar dapat menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat.

4. Peningkatan Tadbir Urus dan Perwakilan

- Meningkatkan kadar perlantikan ahli majlis perwakilan bagi memastikan keperluan dan suara masyarakat lebih didengari serta diambil tindakan sewajarnya.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAMPAN

Secara keseluruhannya, MPKS telah mencatatkan pencapaian yang amat memberangsangkan dalam aspek kemampunan bandar. Skor keseluruhan sebanyak 94.02% adalah bukti usaha berterusan yang dijalankan untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai sebuah perbandaran yang lestari.

Namun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam aspek tertentu seperti penyelenggaraan tandas awam, peningkatan kapasiti sekolah, pengurangan kehilangan air tidak berhasil, serta peningkatan perwakilan dalam tadbir urus. Dengan pelaksanaan cadangan yang telah dikemukakan, diharapkan MPKS dapat mencapai tahap kemampunan yang lebih tinggi pada tahun-tahun akan datang.



Projek Pembangunan Mampan 2024

Bahagian Pembangunan Mampan juga telah menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 2024. Bahagian ini telah melaksanakan beberapa projek penting seperti pembinaan laluan pejalan kaki di Pangsapuri Alam Perdana dan Taman Alam Jaya, pemasangan lampu LED di Lorong Az-Zahara, dan pemasangan lampu solar di Pangsapuri Alam Perdana. Projek-projek ini bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat, malah turut menyumbang kepada pembangunan bandar yang lebih mampan dan mesra alam.

Selain itu, bahagian ini juga telah melaksanakan audit projek baik pulih rumah yang melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sebanyak tiga projek baik pulih rumah telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM45,000.00, dan semua kerja-kerja di tapak telah dilaksanakan dengan jayanya.

PROJEK	LOKASI	PERBELANJAAN
Pembinaan laluan pejalan kaki	<ul style="list-style-type: none"> Pangsapuri Alam Perdana Taman Alam Jaya 	RM300,000.00
Pemasangan Lampu LED (32 Unit)	<ul style="list-style-type: none"> Lorong Az-Zahara Pangsapuri Alam Perdana 	RM115,610.40
Projek baik pulih rumah melibatkan KPKT	3 kediaman awam	RM44,610.00

BAHAGIAN GIS, PENYELIDIKAN DAN PENGANGKUTAN

Bahagian GIS, Penyelidikan dan Pengangkutan telah berjaya mengemaskini 154 pelan yang telah diluluskan bagi permohonan KM dan tapak penjaja. Selain itu, bahagian ini juga telah memproses 416 permohonan ulasan sepanjang tahun 2024.

AKTIVITI	JUMLAH
Data Entry Pelan KM	154
Data Entry Pelan Pra-Hitungan	45
Data Entry Nama Taman dan Nama Jalan	28
iPLAN dan Sismaps	2
Pelan Lokasi Tapak Penjaja, Tapak Bazar dan Tapak Pasar	40 Tapak 470 Petak
Pembekalan Data	100%
Pemurnian Data	24
Pewartaan Kawasan Lapang	1 Kawasan

Bahagian ini turut melaksanakan pemantauan perkhidmatan bas SMART Selangor di daerah Kuala Selangor sebanyak enam kali, yang menunjukkan komitmen jabatan dalam meningkatkan sistem pengangkutan awam yang efisien dan mesra pengguna.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Pada tahun 2024, MPKS telah menerima pengiktirafan yang membanggakan melalui Anugerah Malaysia Urban Planning Awards (MUPA) 2024 dengan gelaran '*Smart City Early Adopter*'. Pengiktirafan ini adalah bukti komitmen dan usaha gigih jabatan dalam melaksanakan pembangunan bandar yang pintar dan mampan. Selain itu, MPKS juga telah menganjurkan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) peringkat negeri Selangor, yang menunjukkan keprihatinan jabatan terhadap isu-isu perancangan bandar global.



KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Jabatan Perancangan Pembangunan MPKS telah menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 2024. Dengan pencapaian yang memberangsangkan dalam pelbagai aspek pembangunan fizikal dan sosial, jabatan ini telah berjaya memenuhi hampir semua sasaran kerja tahunan yang ditetapkan. Kejayaan ini adalah hasil daripada komitmen dan kerjasama erat semua pihak yang terlibat. Diharapkan pada tahun-tahun akan datang, jabatan ini akan terus melangkah ke hadapan dengan lebih banyak inovasi dan pencapaian yang lebih gemilang.



JABATAN KAWALAN BANGUNAN

Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan di kawasan pentadbiran berlangsung dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara tugas utama jabatan ini adalah menilai dan meluluskan pelan bangunan serta memastikan setiap projek pembangunan memenuhi syarat teknikal dan perundangan. Selain itu, jabatan ini juga bertanggungjawab dalam melaksanakan penguatkuasaan terhadap sebarang pelanggaran undang-undang pembangunan, termasuk pengeluaran notis dan tindakan perobohan bagi bangunan tanpa kebenaran. Dengan pemantauan yang berterusan, jabatan ini berperanan dalam memastikan kualiti pembangunan yang mampan dan selamat untuk penduduk setempat.

Selain itu, Jabatan Kawalan Bangunan turut memainkan peranan dalam menyelaras usaha pemuliharaan bangunan lama serta menyokong inisiatif bandar pintar di bawah MPKS. Jabatan ini bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti pemaju, agensi kerajaan, dan badan profesional dalam merangka dasar dan garis panduan pembangunan yang seimbang. Inisiatif seperti pengurangan karbon, pemeliharaan warisan seni bina, serta pemantauan terhadap menara telekomunikasi merupakan antara langkah yang diambil untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan moden dan pemuliharaan nilai warisan tempatan. Dengan pendekatan strategik ini, Jabatan Kawalan Bangunan terus komited dalam memastikan persekitaran binaan yang berkualiti serta menyokong pertumbuhan ekonomi dan sosial di Kuala Selangor.

KUTIPAN HASIL

Pada tahun 2024, JKB berjaya mengutip RM10,181,521, melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak RM6,832,000. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 115%. Berikut adalah pecahan kutipan hasil:

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Lesen, Pendaftaran dan Permit	RM868,578.00
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	RM5,728,614.91
Perolehan dari Jualan Barang-Barang	RM201,323.02
Denda dan Hukuman	RM1,319,747.00
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)	RM2,063,259.02
JUMLAH KESELURUHAN	RM10,181,521.95

PRESTASI PEMPROSESAN PERMOHONAN

JKB berjaya memproses 100% permohonan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Berikut adalah beberapa contoh prestasi pemprosesan permohonan:

JENIS PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN
Pelan Bangunan	72
Pelan Setara	311
Pembaikan Kecil	57
Pembaharuan Permit Sementara	244
Pelan Tambahan dan Ubahsuai	381
Pindaan Pelan Bangunan	25
Menara Telekomunikasi	215
Papan Iklan	8
Pembaharuan Pelan Bangunan	15
Pemantauan Tapak Binaan (Minimum satu kali Lawatan)	1328
Memproses tuntutan Cagaran	223
Mengeluarkan Notis Kesalahan	473
Mengeluarkan Notis Gandaan	24
Penyediaan Kertas Siasatan	17

KURSUS PEMATUHAN AKTA 520 TAHUN 2024

Jabatan Kawalan Bnagunan MPKS telah menganjurkan Kursus Pematuhan Akta 520 di Grandeur Hall, Ecoworld Bandar Puncak Alam pada 9 Oktober 2024. Melalui kursus ini, peserta diberi pendedahan mengenai perkara berkaitan pematuhan Akta 520 CIDB. Dalam masa sama, perkongsian melalui slot '*Ease of Doing Business*' dan taklimat perihal Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.



PAM HERITAGE PHOTO HUNT 6.0 – WARISAN KOTA KITA

Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah menganjurkan Pertandingan Photo Hunt 6.0 – Warisan Kota Kita pada 7 Disember 2024 di Pusat Pelancongan Bukit Malawati, Kuala Selangor. Pertandingan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam mengenai kepelbagai dan keunikan khazanah seni bina warisan negara di daerah Kuala Selangor.



RUMUSAN

Jabatan Kawalan Bangunan, MPKS telah menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 2024 dengan mencapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan. Pencapaian ini adalah hasil daripada komitmen dan kerjasama semua pihak yang terlibat. Untuk tahun 2025, JKB telah menetapkan sasaran yang lebih tinggi dengan fokus pada peningkatan kualiti perkhidmatan, pemantauan pembangunan, dan penyelesaian projek-projek terbengkalai. Dengan pelaksanaan Pelan Strategik MPKS 2021-2025, diharapkan Kuala Selangor akan terus berkembang sebagai bandar yang lestari, bersejarah, dan maju.

Dengan pencapaian yang membanggakan pada tahun 2024 dan sasaran yang jelas untuk tahun 2025, Jabatan Kawalan Bangunan, MPKS terus komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat Kuala Selangor.

JABATAN LANDSKAP

Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menetapkan sasaran tahunan bagi tahun 2024 untuk meningkatkan kualiti pembangunan fizikal, memperindah persekitaran bandar, dan memastikan kesejahteraan masyarakat melalui perancangan landskap yang mampan. Matlamat utama jabatan ini selari dengan Sustainable Development Goals (SDG), khususnya SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari) dan SDG 15 (Memulihara Kehidupan di Darat).

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

- Mempertingkatkan kawalan pembangunan fizikal** - Semua pembangunan fizikal harus selaras dengan Rancangan Tempatan MDKS 2025.
- Meningkatkan kehijauan bandar** - Melalui program penanaman pokok dan landskap lestari.
- Memastikan akses kepada kawasan hijau yang inklusif** - Terutama bagi wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU.
- Mempertingkatkan penyelenggaraan landskap** - Memastikan taman awam dan kawasan hijau sentiasa dalam keadaan baik.
- Menyokong ekonomi hijau dan pelancongan lestari** - Dengan pemeliharaan warisan alam sekitar dan estetika bandar.

AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN
Kelulusan Pelan Landskap	100%	100% (57 permohonan)
Permohonan Sijil CCC	100%	93.81% (91 dari 97 permohonan)
Permohonan Serahan Kawasan	100%	100% (15 permohonan)
Pengembalian Wang Cagaran	85%	83.33% (10 dari 12 permohonan)
Program Penanaman Pokok	55,000 pokok	261,806 pokok ditanam
Program Kempen 26 Juta Pokok	5.2 juta pokok/setahun	349,387 pokok
Aduan Pokok	100%	90% (336 dari 374 aduan selesai)
Aduan Alat Permainan	100%	100% (32 aduan selesai)
Mesyuarat Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar	6 kali	5 kali (83.33%)

ANALISIS PENCAPAIAN DAN CABARAN

- 1. Kelulusan Pelan Landskap:** Jabatan telah berjaya mencapai sasaran 100%, dengan kesemua 57 permohonan diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 2. Sijil CCC:** Walaupun hampir mencapai sasaran, sebanyak 6 permohonan masih dalam proses akibat keperluan kerja tapak.
- 3. Serahan Kawasan:** Kesemua 15 permohonan berjaya diproses dan diluluskan, menunjukkan kecekapan dalam pemantauan serahan kawasan oleh pemaju.
- 4. Pengembalian Wang Cagaran:** Hampir mencapai sasaran, namun terdapat dua permohonan yang tertangguh disebabkan oleh kekurangan dokumen.
- 5. Program Penanaman Pokok:** Sasaran melebihi jangkaan dengan lebih 261,806 pokok ditanam, menyumbang kepada peningkatan kehijauan bandar.
- 6. Kempen 26 Juta Pokok:** Pencapaian luar biasa dengan 349,387 pokok ditanam dalam tempoh setahun.
- 7. Aduan Pokok dan Alat Permainan:** 90% daripada aduan pokok berjaya diselesaikan, manakala 100% aduan alat permainan telah ditangani sepenuhnya.
- 8. Mesyuarat Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar:** Lima daripada enam mesyuarat telah diadakan, menandakan tahap pencapaian sebanyak 83.33%.

PECAHAN PROGRAM PENANAMAN POKOK

Daripada 261,806 pokok yang ditanam, pecahannya adalah seperti berikut:

- 1. Pokok utama:** 8,532 batang (3.3%)
- 2. Pokok bunga raya:** 695 batang (0.3%)
- 3. Pokok renek:** 128,806 batang (49.2%)
- 4. Lain-lain pokok:** 123,773 batang (47.2%)



PROGRAM KEMAMPANAN KOMUNITI BANDAR MPKS 2024

Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Program Kemampunan Komuniti Bandar 2024 di Taman Sirambai, Kuala Selangor pada 5 Oktober 2024. Pelaksanaan program ini merupakan sumbangan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk pelaksanaan program komuniti berkonsepkan kesejahteraan sosial.

Dalam masa sama, program ini turut menyampaikan info berkaitan berkaitan indeks jenayah di kalangan komuniti dan jenayah siber seperti scammer dan penipuan pelaburan, penganjuran aktiviti sukan dan riadah serta program kelestarian dan penghijauan bandar untuk komuniti setempat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah ceramah berkaitan jenayah siber, pertandingan mewarna, pertandingan menyusun puzzle dan sukan rakyat serta cabutan bertuah.



KESIMPULAN

Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mencapai sebahagian besar sasaran tahunan 2024 dengan cemerlang. Kejayaan utama termasuk kelulusan pelan landskap, penyerahan kawasan, dan program penanaman pokok yang melebihi sasaran. Namun, masih terdapat ruang penambahbaikan dalam aspek pengembalian wang cagaran, penyelesaian aduan, dan pemantauan projek khas. Dengan langkah-langkah strategik yang dicadangkan, prestasi jabatan dijangka akan bertambah baik pada tahun-tahun mendatang.

JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN

Jabatan Kesihatan dan Persekutuan Majlis Perbandaran Kuala Selangor memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk setempat sentiasa terpelihara. Antara tanggungjawab utamanya termasuklah pengurusan sisa pepejal, kawalan vektor seperti nyamuk Aedes, serta pemantauan premis makanan bagi memastikan tahap kebersihan yang ditetapkan dipatuhi. Jabatan ini juga menjalankan program pendidikan kesihatan kepada komuniti bagi meningkatkan kesedaran awam tentang amalan gaya hidup sihat dan kepentingan penjagaan alam sekitar. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang kecil berkaitan kesihatan awam turut dijalankan secara berterusan bagi memastikan penduduk mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Di samping itu, Jabatan Kesihatan dan Persekutuan turut memainkan peranan dalam melaksanakan inisiatif kelestarian alam sekitar, seperti penghutanan semula kawasan terbiar, pengurangan penggunaan plastik, dan penggalakan kitar semula. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk sekolah, persatuan penduduk dan agensi kerajaan lain. Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan kebersihan awam seperti penyelenggaraan tandas awam, pengurusan haiwan terbiar, dan pemantauan kualiti air di kawasan rekreasi. Melalui pendekatan yang menyeluruh ini, Jabatan Kesihatan dan Persekutuan berperanan penting dalam mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan selamat untuk dinikmati oleh seluruh warga Kuala Selangor.

BAHAGIAN KAWALAN ALAM SEKITAR

Program Kebersihan Pasar Basah

Program ini menasarkan 12 pemeriksaan tahunan bagi memastikan kebersihan pasar awam sentiasa berada pada tahap memuaskan. Sepanjang tahun, sebanyak 14 pemeriksaan telah dijalankan melibatkan 14 pasar, melepasi sasaran kepada 116%. Walau bagaimanapun, terdapat lima pasar yang mencatatkan gred B dan C, termasuk Pasar Awam Sungai Buloh yang hanya memperoleh markah 49%. Ini menunjukkan keperluan segera untuk penambahbaikan infrastruktur dan ruang niaga pasar. Keberkesanan program turut dibuktikan melalui peningkatan kesedaran peniaga terhadap kebersihan serta peningkatan hasil kompaun dikenakan.



BAHAGIAN KAWALAN ALAM SEKITAR

Pemeriksaan Kilang Berisiko Pencemaran

Sebanyak 26 pemeriksaan telah dilaksanakan melebihi dua kali ganda sasaran asal 12 kilang setahun. Kecekapan operasi agak terbatas akibat kenderaan jabatan yang uzur serta kekurangan peralatan mudah alih (handheld). Jabatan mencadangkan peruntukan tambahan untuk penggantian kenderaan dan penganjuran kursus pemantapan penguatkuasaan.



Pemeriksaan Ladang Ternakan Ayam

Bagi menangani isu pencemaran bau dan serangan lalat, pemeriksaan ke atas ladang ayam dipertingkatkan kepada 34 ladang berbanding sasaran asal 24, iaitu 141% pencapaian. Aduan bau yang tinggi memerlukan pemantauan lebih rapi terhadap sistem pelupusan najis ayam yang dijalankan oleh pengusaha ladang.



BAHAGIAN KAWALAN ALAM SEKITAR

Penggredan Tandas Awam

Sebanyak 105 tandas awam diperiksa, mengatasi sasaran 100 tandas. Seramai 58 tandas berjaya mencapai gred 3 bintang, menjadikan pencapaian sebanyak 116%. Isu vandalism dan kekurangan kakitangan penyelenggaraan dikenal pasti sebagai faktor penghalang utama. Oleh itu, penjadualan operasi dan kawalan masa tandas perlu dilaksanakan secara lebih sistematik.



Kempen Sayangi Alam Sekitar

Kempen kesedaran alam sekitar dijalankan sebanyak 54 kali pada tahun ini, berbanding sasaran asal 12 aktiviti. Ini merupakan peningkatan luar biasa sebanyak 450%. Walau bagaimanapun, kekangan tenaga kerja memberi kesan kepada pemantauan dan pelaporan pasca program. Jabatan mencadangkan pembangunan aplikasi pengurusan data kitar semula bagi mempertingkatkan kecekapan dan pengumpulan data.

UNIT KAWALAN MUTU MAKANAN

Pemeriksaan Premis Makanan

Sebanyak 542 premis makanan diperiksa dengan 278 daripadanya mencapai gred A. Ini menunjukkan pencapaian 100% terhadap sasaran. Isu utama yang dikenal pasti ialah pengeluaran lesen secara serta-merta tanpa pematuhan penuh kepada syarat. Cadangan penambahaikan merangkumi pelaksanaan sistem E-Gredding dan penambahan pegawai pemeriksa bagi memperketatkan proses pelesenan.



UNIT KAWALAN MUTU MAKANAN

Kempen Keselamatan Makanan

Tujuh kempen keselamatan makanan berjaya dilaksanakan, melebihi sasaran empat kempen. Kempen ini terbukti memberi impak positif terhadap kesedaran kebersihan dalam kalangan pengusaha makanan, sekali gus mengurangkan aduan berkaitan keracunan makanan.



Penguatkuasaan Kebersihan

Sebanyak 125 kompaun dikeluarkan, jauh melebihi sasaran 50 kompaun setahun. Penggunaan peralatan handheld dicadangkan bagi mempercepatkan proses dokumentasi dan meningkatkan kecekapan dalam tindakan penguatkuasaan.



UNIT KAWALAN VEKTOR & HAIWAN TERBIAR

Kawalan Denggi

55 kempen kawalan denggi telah dijalankan berbanding sasaran 24 kempen. Walau bagaimanapun, hanya dua Pembantu Kesihatan Awam (PKA) ditugaskan untuk mengawal 12 zon. Kekangan ini sangat membimbangkan dan menjelaskan kecekapan tindakan. Cadangan dikemukakan agar ditambah enam orang pekerja awam sokongan.



Operasi Haiwan Terbiar

Pencapaian luar biasa dicatatkan apabila 5,657 ekor haiwan terbiar berjaya ditangkap, melebihi sasaran 1,000 ekor. Namun, operasi terganggu disebabkan kekurangan kenderaan sesuai. Oleh itu, pembelian kenderaan pacuan empat roda (4x4) diperlukan.



Inovasi D'Blend Mixer

Jabatan telah memperkenalkan inovasi D'Blend Mixer, iaitu alat untuk mengitar semula sisa makanan kepada baja kompos. Inisiatif ini memberi impak positif dalam mengurangkan aduan pencemaran dan mempromosikan pengurusan sisa mampan.

BAHAGIAN KHIDMAT BANDAR

Pengurusan Sisa Pepejal

Sebanyak 223 Notis Tindakan Pembetulan (NTP) dikeluarkan kepada kontraktor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi kagagalannya menjalankan kerja mengikut skop kerja yang telah ditetapkan serta melibatkan pemotongan bayaran sebanyak RM74,060.00. Pencapaian ini melebihi sasaran tahunan sebanyak 223%.

Operasi Penguatkuasaan pembersihan awam / sampah haram / sisa pepejal domestik

Sebanyak 56 (233%) operasi penguatkuasaan telah dijalankan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 24 operasi setahun. Operasi tertumpu di kawasan komersial, sampah haram, sampah longgok, bazar Ramadan, pasar malam, premis makanan, kawasan penjaja dan aduan di seluruh daerah.

Sebanyak 44 kompaun di bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MDKS) 2007, UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007, UUK Pelesenan Establismen Makanan (MDKS) 2007, Akta Kerajaan tempatan dan Akta Jalan Parit dan Bangunan telah dikeluarkan dan sebanyak 13 notis dikeluarkan dalam operasi yang dijalankan.



Gotong-Royong Komuniti

Sebanyak 291 (217%) program gotong royong telah dijalankan berbanding 100 program sasaran yang ditetapkan. Program gotong royong ini adalah anjuran penduduk, NGO, Institusi dan agensi sama ada agensi kerajaan atau swasta dengan kerjasama pihak jabatan. Pihak jabatan akan membekalkan peralatan gotong royong, tong RORO dan *back hoe* mengikut permohonan pengajuan.

BAHAGIAN KHIDMAT BANDAR

Program Cintailah Sungai

Program ini telah diadakan pada 28 September 2024 di Santuari Kelip Kelip Kampung Kuantan sebagai simbolik kepada sambutan Hari Sungai Sedunia yang diadakan setiap tahun (Hari Ahad terakhir bulan September) selain meningkatkan kesedaran dan mendidik warga Kuala Selangor kepentingan menjaga kebersihan sungai sebagai sumber air dan makanan.

Program ini berjaya mengumpulkan peserta keseluruhan seramai 671 orang melibatkan sasaran jemputan di semua peringkat umur. Agensi kerajaan, NGO, pemaju, institusi, pelajar sekolah, Kelab Berbasikal, Kelab Vespa dan orang kampung juga dijemput untuk sama-sama menyambut Hari Sungai Sedunia. Aktiviti ini secara tidak langsung dapat mengubah mentaliti masyarakat supaya lebih peka terhadap kesan buruk dihadapi jika melakukan pencemaran sungai.



RINGKAS PENCAPAIAN UTAMA 2024

PERKARA	PENCAPAIAN
Pemeriksaan Pasar Basah	14
Pemeriksaan Kilang	26
Pemeriksaan Ladang Ayam	34
Penggredan Tandas 3 Bintang	58
Kempen Alam Sekitar	54
Pemeriksaan Premis Makanan	542
Pemeriksaan Premis Gred A	278
Kompaun Kebersihan	125
Kawalan Denggi	55
Hasil Tangkapan Operasi Haiwan Terbiar	5,657
Notis Tindakan (NTP)	223
Operasi Penguatkuasaan Pembersihan Awam / Sampah Haram / Sisa Pepejal Domestik.	56
Program Gotong-Royong	291

RUMUSAN KESELURUHAN

Secara keseluruhan, Jabatan Kesihatan & Persekutaran MPKS telah mencapai dan melepas sebahagian besar sasaran kerja tahunan dengan kadar pencapaian yang sangat memberangsangkan. Namun begitu, kekangan seperti kekurangan kakitangan, peralatan usang dan isu kepatuhan kontraktor perlu diberi perhatian dalam penyediaan Belanjawan 2025. Penerusan inovasi seperti D'Blend Mixer dan kerjasama strategik dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu diperluas demi memperkuuh pengurusan bandar secara mampan.

JABATAN KEJURUTERAAN

Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur bagi tahun 2024. Dengan peruntukan yang meningkat sebanyak 7% berbanding tahun 2023, jabatan ini telah berjaya mencapai sasaran tahunan yang ditetapkan.

PERUNTUKAN DAN PROJEK

Pada tahun 2024, Jabatan Kejuruteraan MPKS telah membelanjakan sejumlah RM28,412,906.02, yang merangkumi pelbagai projek pembangunan dan penyelenggaraan. Berikut adalah pecahan peruntukan dan projek yang dilaksanakan:

SUMBER PERUNTUKAN	JUMLAH	PERATUS (%)
MARRIS	RM18,224,416.12	64.1%
Projek Lain	RM4,972,482.80	17.5%
Projek KPKT	RM1,604,054.00	5.6%
Projek UPEN	RM3,093,734.35	10.9%
Projek MOTAC	RM299,670.00	1.1%
Projek ICU JPM	RM218,548.75	0.8%
JUMLAH	RM28,412,906.02	100%

PROJEK UTAMA 2024

Jabatan Kejuruteraan telah melaksanakan 164 projek pada tahun 2024, yang merangkumi:

Projek Pembangunan Kemudahan Awam: Pembinaan Dewan Bandar Seri Coalfields (*projek sedang dalam pembinaan*)




PROJEK UTAMA 2024

Penyelenggaraan Pembangunan Kemudahan Awam: Pembinaan Dewan Bandar Seri Coalfields (*projek sedang dalam pembinaan*)



Projek Naiktaraf Kemudahan Awam: Naiktaraf Dewan Desa Coalfields, Dewan Saujana Utama, Dewan Bestari Jaya dan Dewan Seri Harmoni Ijok.



PROJEK UTAMA 2024

Penyelenggaraan Infrastuktur dan Projek Naiktaraf Kemudahan Awam: Gelanggang Permainan Seri Pristana, Gelanggang Permainan Taman Rajawali dan Gelanggang Permainan Bayu Suria Puncak Alam.



Projek Naiktaraf Kemudahan Awam Tandas Awam: Tandas Awam Bandar Hillpark, Tandas Awam Bukit Malawati, Tandas Awam Kompleks Sukan Kuala Selangor, Tandas Awam Terminal Bas Bandar Malawati, Tandas Awam Bestari Jaya, Tandas Awam Dewan Dato Hormat Tanjung Karang dan Tandas Awam Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan.



PROJEK UTAMA 2024

Penyelenggraan Infrastuktur dan dan Selenggara Kemudahan Awam: Sebanyak 60 unit pondok bas telah dicat semula leibatkan Laluan Assam Jawa ke Ijok, Laluan Ijok ke Bestari Jaya, dan Laluan Jalan Raja Musa serta Laluan Kuala Selangor ke Bestari Jaya.



Projek Naiktaraf Kemudahan Pelancongan: Projek telah dilaksanakan di Pusat Pelancongan Bukit Malawati, Santuari Kelip-Kelip Kampung KUantan dan Pantai Remis.



PROJEK UTAMA 2024

Projek MyKIOS (Sosio Ekonomi): Sebanyak 15 unit telah dibina dan ditempatkan di lokasi strategik tumpuan awam di Taman Bandar Hillpark, Pantai Remis dan Tapak Parkir Bukit Malawati.



Projek Naiktaraf Kemudahan Medan Selera: Melibatkan Medan Selera Fasa 3 Puncak Alam dan Gerai Jalan Stadium Kuala Selangor.



PROJEK UTAMA 2024

Projek Kemudahan Pasar Awam: Melibatkan projek naiktaraf Pasar Awam Bestari Jaya.



Penyelenggaraan Infrastruktur Projek Kemudahan Jalanraya & Lalulintas dan Saliran Bandaran: Penyuraian Lalulintas Jalan Bidara-Persiaran Saujana 1, SU1 dan Pengurusan Saliran Bandaran.



PROJEK UTAMA 2024

Projek Mengatasi Masalah Banjir –Bahagian Penyelenggaraan Infrastruktur: Kerja-Kerja Membaiki dan Selenggara Kolam



PROJEK UTAMA 2024

Pembaikan Kecemasan: Pembaikan Kecemasan Berkaitan Kejadian Tanah Jerlus (Sinkhole) di Jalan Bestari 2/5, Puncak Bestari, Puncak Alam.



PROJEK UTAMA 2024

Bahagian Elektrik & Mekanikal: Projek Kemudahan Lampu Awam (Pencahayaan Bandaran) dan Naiktaraf Sistem Pencegahan Kebakaran Kompleks Sukan Kuala Selangor.



PROJEK UTAMA 2024

Gambar Aktiviti Tugasan 2024: Unit Teknikal MPKS



PRESTASI PENYELESAIAN ADUAN

Secara amnya sebanyak 981 aduan diterima pada 2024 berbanding 690 aduan pada 2023 yang diterima oleh Jabatan Kejuruteraan melalui Sistem Pengaduan Awam (SISPA) yang menunjukkan trend aduan meningkat iaitu sebanyak 291 aduan atau 42% berbanding tahun 2023.

Aduan tertinggi yang diterima adalah melibatkan aduan kemudahan lampu jalan iaitu sebanyak 430 aduan diikuti 337 aduan kemudahan jalanraya dan 73 aduan saliran longkang.

Bagi aduan lampu jalan, kerosakan jalan dan longkang kebanyakan dapat diselesaikan menggunakan kontraktor panel dan program penyelenggaraan dibawah peruntukan MARRIS yang telah ditawarkan kepada pihak kontraktor bagi tahun 2024. Manakala baki aduan dijangka dapat diselesaikan apabila lantikan kontraktor dilaksanakan menggunakan peruntukan MARRIS yang dirancang pada suku tahun pertama tahun 2025.

JENIS ADUAN	JUMLAH ADUAN	JUMLAH ADUAN SELESAI	JUMLAH ADUAN TIDAK SELESAI
Lampu Jalan	430	408	22
Jalan	337	316	21
Longkang	73	67	6
Bangunan/ Gerai	20	16	4
Papan Tanda	22	15	7
Pembangunan Projek	38	32	6
Kemudahan Awam	28	27	1
Bencana	33	28	5
JUMLAH	981	909	72

PROSES PERMOHONAN KELULUSAN PELAN PEMAJUAN

Jabatan Kejuruteraan telah menerima permohonan pelan pemajuan sebanyak 124 permohonan pada tahun 2024 yang merangkumi permohonan Pelan Kerja Tanah, Pelan Infrastruktur dan Pelan Lampu Jalan. Kesemua permohonan tersebut telah diluluskan

PERMOHONAN / AKTIVITI	BIL. PERMOHONAN 2024
Permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah	31
Permohonan Kelulusan Pelan Jalan & Perparitan	67
Permohonan Kelulusan Pelan Lampu Jalan	26
JUMLAH	174

KESIMPULAN

Jabatan Kejuruteraan MPKS telah mencapai sasaran tahunan 2024 dengan jayanya, namun masih terdapat beberapa isu yang perlu ditangani untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan pada tahun 2025. Dengan peruntukan yang meningkat dan fokus pada penyelesaian isu-isu kritikal, jabatan ini dijangka dapat terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada penduduk Kuala Selangor.

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) sentiasa berusaha memastikan pembangunan masyarakat di daerah ini berjalan lancar, teratur dan memberi manfaat kepada semua lapisan penduduk. Dalam mencapai hasrat tersebut, Jabatan Pembangunan Masyarakat memainkan peranan penting melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif. Bagi tahun 2024, jabatan ini telah menetapkan sasaran tahunan yang merangkumi bidang sukan, kebudayaan, belia dan kemasyarakatan, dengan tujuan memperkuuh semangat perpaduan serta meningkatkan kualiti hidup warga Kuala Selangor.

PENCAPAIAN TAHUN 2024

Pada tahun 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah mencatat pencapaian yang amat membanggakan dalam pelaksanaan program dan mesyuarat. Secara keseluruhan, sebanyak 35 program/mesyuarat telah berjaya dilaksanakan, melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 27 program/mesyuarat. Kejayaan ini diterjemahkan melalui pencapaian sebanyak 129.63%, sekali gus mencerminkan komitmen, dedikasi dan usaha berterusan jabatan dalam memastikan setiap program dan mesyuarat dijalankan dengan lancar serta memberi manfaat kepada masyarakat Kuala Selangor.

Berikut adalah jadual yang menunjukkan pencapaian Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS bagi tahun 2024:

TERAS	JUMLAH PROGRAM/ MESYUARAT	PENCAPAIAN
Sukan	35	Mencapai sasaran
Kebudayaan	35	Mencapai sasaran
Belia	35	Mencapai sasaran
Kemasyarakatan	35	Mencapai sasaran
JUMLAH KESELURUHAN	35 PROGRAM / 27 MESYUARAT	129.63%

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) sentiasa berusaha memastikan pembangunan masyarakat di daerah ini berjalan lancar, teratur dan memberi manfaat kepada semua lapisan penduduk. Dalam mencapai hasrat tersebut, Jabatan Pembangunan Masyarakat memainkan peranan penting melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif. Bagi tahun 2024, jabatan ini telah menetapkan sasaran tahunan yang merangkumi bidang sukan, kebudayaan, belia dan kemasyarakatan, dengan tujuan memperkuuh semangat perpaduan serta meningkatkan kualiti hidup warga Kuala Selangor.

PENCAPAIAN TAHUN 2024

Pada tahun 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah mencapai kejayaan yang memberangsangkan dalam pelaksanaan program dan mesyuarat. Secara keseluruhan, jabatan ini telah melaksanakan sebanyak 35 program dan 27 mesyuarat, yang melebihi sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keseluruhan bagi tahun 2024 ialah 129.63%, menunjukkan komitmen dan usaha gigih jabatan dalam memastikan setiap program dan mesyuarat berjalan dengan lancar.

Berikut adalah jadual yang menunjukkan pencapaian Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS bagi tahun 2024:

TERAS	JUMLAH PROGRAM/ MESYUARAT	PENCAPAIAN
Sukan	35	Mencapai sasaran
Kebudayaan	35	Mencapai sasaran
Belia	35	Mencapai sasaran
Kemasyarakatan	35	Mencapai sasaran
JUMLAH KESELURUHAN	35 PROGRAM / 27 MESYUARAT	129.63%



PENCAPAIAN TAHUN 2024

Dalam **teras sukan**, Jabatan ini telah berjaya mencapai dan melepas sasaran tahunan yang telah ditetapkan bagi tahun 2024. Pelbagai program sukan telah dianjurkan sepanjang tahun, melibatkan penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penganjuran program-program ini bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan aktif, malah turut menjadi medium penting dalam merapatkan hubungan silaturahim antara penduduk setempat. Kejayaan ini jelas menunjukkan kesungguhan MPKS menyemai semangat kesukanan, kerjasama dan perpaduan dalam kalangan peserta, khususnya golongan belia yang merupakan tonggak masa depan komuniti Kuala Selangor.



Selain itu, dalam **teras kebudayaan**, beberapa program telah berjaya dilaksanakan dengan tujuan untuk memelihara, memulihara dan mempromosikan warisan budaya tempatan yang menjadi identiti masyarakat Kuala Selangor. Program-program ini merangkumi pelbagai aktiviti berunsur seni tradisional seperti persembahan muzik dan tarian yang bukan sahaja menghidupkan semula unsur tradisi, malah turut memberi peluang kepada generasi muda untuk mengenali dan menghargai warisan nenek moyang mereka. Usaha ini turut menyumbang kepada pengukuhan jati diri dan semangat cintakan budaya dalam kalangan masyarakat setempat.



PENCAPAIAN TAHUN 2024

Dalam **teras belia**, pelbagai program telah dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada pembangunan potensi diri serta peningkatan kemahiran generasi muda. Inisiatif ini bertujuan untuk melahirkan belia yang berilmu, berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dunia masa kini. Program yang dianjurkan turut membuka ruang kepada golongan belia untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan komuniti, sekali gus menyemai semangat kepimpinan dan tanggungjawab sosial.



Sementara itu, dalam **teras kemasyarakatan**, pelbagai program telah dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat setempat. Antara inisiatif yang dijalankan termasuklah program bantuan kebajikan, kesedaran Pendidikan dan kesihatan komuniti. Usaha-usaha ini membuktikan komitmen berterusan dalam membina komuniti yang prihatin, sejahtera dan bersatu padu di daerah Kuala Selangor.



KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tahun 2024 telah menyaksikan pencapaian yang amat membanggakan bagi Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS, apabila berjaya mencapai 129.63% daripada sasaran kerja tahunan yang telah ditetapkan. Angka ini bukan sekadar mencerminkan jumlah program atau mesyuarat yang telah dilaksanakan, tetapi juga menggambarkan komitmen, dedikasi dan kesungguhan setiap individu yang terlibat dalam merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai inisiatif sepanjang tahun. Kejayaan ini turut membuktikan bahawa semangat kerjasama antara jabatan, agensi berkaitan dan sokongan daripada masyarakat setempat adalah faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan keseluruhan jabatan ini.

Bagi menghadapi cabaran dan keperluan semasa pada tahun 2025, jabatan telah merangka perancangan yang lebih menyeluruh dan progresif dengan menetapkan sasaran yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Pelbagai program akan terus digerakkan dalam empat teras utama iaitu sukan, kebudayaan, belia dan kemasyarakatan, dengan pendekatan yang lebih inklusif, berimpak tinggi serta berfokus kepada keperluan sebenar masyarakat. Melalui pelaksanaan program-program ini, jabatan berhasrat untuk bukan sahaja memperkuuh perpaduan dan kesejahteraan komuniti, tetapi juga memastikan setiap lapisan masyarakat di Kuala Selangor terus mendapat manfaat secara langsung dan berterusan.

Dengan iltizam yang kukuh dan perancangan yang teliti, MPKS optimis bahawa tahun 2025 akan menjadi tahun yang lebih cemerlang dalam usaha membangunkan masyarakat yang sihat, berdaya saing dan sejahtera. Sokongan berterusan daripada warga Kuala Selangor amat dihargai dan diharapkan agar segala usaha yang dilaksanakan akan terus memberi manfaat yang menyeluruh demi kemajuan dan kesejahteraan bersama.



JABATAN PENGUATKUASA

Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah berjaya melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab sepanjang tahun 2024. Laporan tahunan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang fungsi, struktur organisasi, sasaran kerja, dan pencapaian jabatan tersebut. Secara keseluruhan, Jabatan Penguatkuasaan MPKS telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan banyak aktiviti mencapai atau melebihi sasaran yang ditetapkan.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Jabatan Penguatkuasaan MPKS mempunyai tiga fungsi utama yang menjadi teras operasinya. Pertama, jabatan ini bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang yang diguna pakai oleh Majlis. Tujuannya adalah untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang selamat, selesa, dan kondusif bagi penduduk. Kedua, jabatan ini juga berperanan menjaga keselamatan melalui pelbagai operasi dan rondaan. Ketiga, Jabatan Penguatkuasaan MPKS menguruskan seramai 69 orang kakitangan yang terdiri daripada pegawai, anggota penguatkuasa, pembantu tadbir, dan pekerja rendah awam.

STRUKTUR ORGANISASI DAN TUGAS

Jabatan Penguatkuasaan MPKS dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu Bahagian Pengurusan, Bahagian Operasi, dan Bahagian Siasatan. Setiap bahagian mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berbeza.

- Bahagian Pengurusan:** Bahagian ini bertanggungjawab merancang strategi penguatkuasaan, menyediakan khidmat nasihat keselamatan, dan mengurus logistik kenderaan. Terdapat beberapa unit di bawah Bahagian Pengurusan, seperti Unit Pentadbiran Am, Unit Aduan dan PANTAS, Unit Logistik dan CCTV, serta Unit Setor. Unit-unit ini memastikan urusan pentadbiran, pengurusan aduan awam, penyelenggaraan kenderaan, dan pengurusan barang sitaan berjalan lancar.
- Bahagian Operasi:** Bahagian ini melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang seperti mengeluarkan notis kesalahan, penyitaan, dan rondaan. Bahagian Operasi dibahagikan kepada lima zon yang meliputi kawasan Kuala Selangor, Pasir Penambang, Bestari Jaya, Puncak Alam, dan Saujana Utama. Setiap zon bertanggungjawab memantau dan mengambil tindakan terhadap sebarang pelanggaran undang-undang di kawasan masing-masing.
- Bahagian Siasatan:** Bahagian ini menjalankan siasatan terhadap kesalahan yang melibatkan iklan haram, kompaun, dan kenderaan buruk atau terbiar. Terdapat beberapa unit di bawah Bahagian Siasatan, seperti Unit Iklan, Unit Kompaun, Unit IP, Unit Tunda, dan Unit Khas. Unit-unit ini memastikan setiap kesalahan disiasat dengan teliti dan tindakan yang sewajarnya diambil.

PENCAPAIAN TAHUN 2024

Pada tahun 2024, Jabatan Penguatkuasa MPKS telah menetapkan beberapa sasaran tahunan yang merangkumi pelbagai aktiviti penguatkuasaan undang-undang. Berikut adalah beberapa sasaran utama dan pencapaiannya:

AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN
Menyelesaikan aduan awam	90% aduan	99.6% aduan selesai	110.7%
Pengeluaran kompaun	6,712 kompaun	8,674 kompaun	129%
Kutipan hasil kompaun	RM885,000.00	RM966,280.00	120%
Mengemukakan kertas siasatan	360	360	100%
Penurunan iklan haram	20,000 helai	19,194 helai	96%
Tunda kenderaan buruk/terbiar	50 sitaan / 50 pengalihan	3 buah / 142 buah	6% / 284%
Mengadakan dan menyertai pelbagai jenis operasi	48 operasi	183 operasi	381%
Mengeluarkan notis peringatan terhadap kompaun tidak berbayar	4,200	6,060	144%
Penguatkuasaan pembuangan sampah haram	30 sitaan	27 sitaan	90%

ANALISIS PENCAPAIAN TAHUN 2024

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa Jabatan Penguatkuasaan MPKS telah mencapai atau melebihi sasaran untuk kebanyakan aktiviti. Berikut adalah analisis terperinci:

- Menyelesaikan Aduan Awam:** Jabatan berjaya menyelesaikan 99.6% daripada 541 aduan yang diterima, melebihi sasaran sebanyak 90%. Ini menunjukkan komitmen jabatan dalam menangani aduan awam dengan cepat dan berkesan.
- Pengeluaran dan Kutipan Kompaun:** Jumlah kompaun yang dikeluarkan adalah 8,674, iaitu 129% daripada sasaran. Kutipan hasil kompaun pula mencapai RM966,280.00, melebihi sasaran sebanyak 120%. Ini menunjukkan kejayaan jabatan dalam meningkatkan hasil Majlis melalui penguatkuasaan undang-undang.
- Penurunan Iklan Haram:** Sebanyak 19,194 helai iklan haram telah diturunkan, mencapai 96% daripada sasaran. Operasi penurunan iklan haram ini dilakukan secara berterusan untuk memastikan persekitaran bebas daripada iklan yang tidak sah.
- Penguatkuasaan Pembuangan Sampah Haram:** Jabatan berjaya melakukan 27 sitaan lori sampah, mencapai 90% daripada sasaran. Walaupun tidak mencapai sasaran sepenuhnya, operasi ini tetap berjaya mengurangkan aktiviti pembuangan sampah haram.



STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

Untuk mencapai sasaran yang ditetapkan, Jabatan Penguatkuasaan MPKS telah melaksanakan beberapa strategi dan pelan tindakan. Antaranya termasuk:

- 1. Pemantauan Berterusan:** Jabatan memastikan setiap aduan awam dipantau dan tindakan susulan diambil sehingga aduan diselesaikan.
- 2. Operasi Bersepadu:** Jabatan bekerjasama dengan agensi luar seperti PDRM, Imigresen, dan JPJ untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan yang lebih efektif.
- 3. Penyediaan Takwim dan Jadual Operasi:** Jabatan menyediakan takwim operasi untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan dengan teratur dan cekap.

PENUTUP

Secara keseluruhan, Jabatan Penguatkuasa MPKS telah menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 2024. Pencapaian yang memberangsangkan dalam pelbagai aktiviti penguatkuasaan undang-undang membuktikan komitmen jabatan dalam memastikan kawasan perbandaran yang selamat dan teratur. Walaupun terdapat beberapa cabaran, Jabatan Penguatkuasa MPKS bertekad untuk terus meningkatkan prestasi dan mencapai sasaran yang lebih baik pada masa hadapan.



UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat (UTM) Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mencapai pelbagai sasaran kerja tahunan yang selaras dengan Pelan Strategik MPKS dan matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG). Pencapaian ini merangkumi pelbagai aspek, termasuk pengukuhan infrastruktur teknologi, peningkatan perkhidmatan digital, tadbir urus yang holistik, serta pembangunan modal insan dan komuniti.

PELAN STRATEGIK MPKS DAN SDG

MPKS telah menetapkan empat teras utama dalam Pelan Strategik Pendigitalan 2021-2025, iaitu Teras Infrastruktur, Teras Aplikasi dan Sokongan, Teras Tadbir Urus, dan Teras Modal Insan dan Komuniti. Selain itu, MPKS turut menyelaraskan usaha dengan SDG, khususnya SDG 8.1 yang menekankan pembangunan ekonomi melalui penciptaan pekerjaan berkualiti, keusahawanan, dan inovasi, serta SDG 9.3 yang bertujuan meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi.

TERAS INFRASTRUKTUR

Dalam Teras Infrastruktur, UTM telah melaksanakan 20 program dengan kadar pencapaian sebanyak 90%. Antara program yang telah dilaksanakan termasuk:

Penyediaan City Command Center (CCC)

1

Projek ini bertujuan mewujudkan Bandar Pintar MPKS. Kertas cadangan pembangunan CCC telah diluluskan pada 14 November 2024, dan UTM sedang dalam proses penyediaan akhir bagi pelaksanaan perolehan secara RFP (*Request for Proposal*). Jangkaan pembangunan adalah selama 6 bulan.

Penggantian Perkakasan dan Pemasangan Rangkaian LAN/WAN

2

Projek ini telah selesai dilaksanakan, termasuk penambahan Access Point di Jabatan Landskap dan Jabatan Kesihatan dan Persekitaran.

Pelupusan Aset ICT

3

UTM telah menyediakan cadangan pelupusan perkakasan ICT lama yang terlibat dalam projek penggantian komputer T1/2024. Antaranya termasuk komputer desktop dan peralatan rangkaian.

Perlaksanaan Security Posture Assessment

4

Projek ini melibatkan penilaian keselamatan dalaman, luaran, dan aplikasi web. Projek ini telah selesai dilaksanakan dengan kerjasama syarikat Altimat Three Star Ent.

Sistem Kehadiran Finger Print

5

Perlantikan Syarikat FCS Supply Sdn Bhd sebagai panel MPKS bagi sistem kehadiran *finger print* selama 2 tahun.

TERAS APLIKASI DAN SOKONGAN

Dalam Teras Aplikasi dan Sokongan, UTM telah melaksanakan 26 program dengan kadar pencapaian sebanyak 85%. Antara program yang dilaksanakan termasuk:

1

Pembangunan Aplikasi Mudah Alih iP3KS

Aplikasi ini telah siap dibangunkan pada Februari 2024 dan sedang dalam proses pengujian akhir untuk versi Android dan IOS.

2

Penyediaan Platform SMS

Platform ini digunakan untuk menghantar SMS ucapan terima kasih dan peringatan bayaran cukai. SMS untuk bayaran cukai penggal 2 telah berjaya dihantar.

3

Pembangunan Sistem MyComm

Sistem ini digunakan untuk pengurusan Ahli Majlis dan JKP (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan). Sistem ini telah siap dibangunkan pada 15 Februari 2024 dan mula digunakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat.

4


Sistem e-Permit Bangunan

Sistem ini sedang dibangunkan dalam platform CEPat dan telah dikemukakan kepada SSDU pada 4 April 2024.

5

Sistem Lesen Anjing:

Sistem ini telah siap dibangunkan dan mula beroperasi pada 8 Julai 2024.



TERAS TADBIR URUS

Dalam Teras Tadbir Urus, UTM telah melaksanakan 4 program dengan kadar pencapaian sebanyak 75%. Antara program yang dilaksanakan termasuk:

1

Mesyuarat Dalaman ICT

Sebanyak 5 mesyuarat dalaman telah diadakan pada tahun 2024 dengan peratus pelaksanaan 100%.

2

Taklimat Pelaksanaan Pematuhan MS ISO/IEC

27001:2013

Taklimat awal telah dilaksanakan pada 31 Disember 2024, dan pelaksanaan sepenuhnya akan bermula pada tahun 2025.

3

Pematuhan Pemantauan Laman Web dan Servis

Kerajaan (SPLaSK)

Penilaian pematuhan Portal MPKS bagi kriteria SPLaSK adalah 100% sehingga Disember 2024.

TERAS MODAL INSAN DAN KOMUNITI

Dalam Teras Modal Insan dan Komuniti, UTM telah melaksanakan 2 program dengan kadar pencapaian sebanyak 50%. Antara program yang dilaksanakan termasuk:

1

Latihan Pengguna Sistem Aset Tak Alih

Latihan ini diadakan pada 14 Februari 2024 bagi meningkatkan kemahiran penggunaan sistem aset tak alih.

2

Lawatan Teknikal ke Klang Valley Data Center

Lawatan ini diadakan pada 11 Mac 2024 bersama TM Technology Sdn Bhd untuk meningkatkan pengetahuan teknikal kakitangan.



JADUAL PENCAPAIAN PROGRAM

TERAS	JUMLAH PROGRAM	PERATUS PENCAPAIAN
Infrastruktur	20	90%
Aplikasi dan Sokongan	26	85%
Tadbir Urus	4	75%
Modal Insan dan Komuniti	2	50%

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Unit Teknologi Maklumat MPKS telah berjaya mencapai sasaran tahunan 2024 dengan jayanya. Pelbagai program yang dilaksanakan telah menyumbang kepada pengukuhan infrastruktur teknologi, peningkatan perkhidmatan digital, dan pembangunan modal insan. Pencapaian ini bukan sahaja memenuhi keperluan dalam MPKS tetapi juga menyumbang kepada pembangunan bandar pintar yang lebih inklusif dan berdaya saing. Dengan komitmen yang berterusan, MPKS dijangka akan terus mencapai kecemerlangan dalam bidang teknologi maklumat pada tahun-tahun mendatang.

UNIT AUDIT DALAM

Pada tahun 2024, Unit Audit Dalam Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah berjaya melaksanakan semua sasaran kerja tahunan yang telah dirancang dengan kadar pencapaian yang sangat memuaskan. Pengauditan ini telah dilaksanakan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2024 meliputi pelbagai aspek pengurusan termasuk kewangan, pentadbiran, keselamatan, dan sistem kualiti.

Secara umumnya, peranan Unit Audit Dalam adalah untuk memastikan semua operasi dalam Majlis berjalan mengikut peruntukan undang-undang, peraturan kewangan, dan garis panduan pentadbiran yang berkuat kuasa. Penekanan diberikan kepada pematuhan terhadap tatacara pengurusan kewangan, pelaksanaan program secara berhemat, dan keberkesanan kawalan dalam. Pelaksanaan aktiviti audit juga telah menyokong pencapaian matlamat pembangunan mampan (SDG 8) yang menekankan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan produktif.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 9 program dan aktiviti utama telah dilaksanakan dan mencapai tahap pencapaian 100% atau lebih. Program-program ini merangkumi pengauditan prestasi, pengauditan pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut serta audit khas berdasarkan arahan Yang Dipertua. Di samping itu, mesyuarat jawatankuasa audit dan program audit dalaman seperti MS ISO 9001:2015 dan EKSA turut dijalankan mengikut takwim yang ditetapkan.

JADUAL PENCAPAIAN UNIT AUDIT DALAM 2024

PROGRAM / AKTIVITI	PENCAPAIAN
Pemeriksaan Fizikal Bil Air	1 laporan
Audit Bil Air MPKS	1 laporan
Audit Mengejut (kaunter, panjar, peti besi)	2 laporan
Semakan Persembahan Penyata Kewangan Berakhir Tahun 2023	1 laporan
Pemeriksaan PPE (Peralatan Perlindungan Keselamatan)	4 laporan
Audit Khas / Prestasi (Pembelian Terus & Bil TNB)	2 laporan
Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat	4 kali
Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 & EKSA	2 kali
Audit Tuntutan Elaun Lebih Masa (Januari – September 2024)	1 laporan

CABARAN DAN ISU UTAMA

Walaupun pencapaian adalah cemerlang, Unit Audit Dalam menghadapi beberapa kekangan yang wajar diberi perhatian:

- **Kekurangan latihan teknikal** – Kakitangan kurang pendedahan kepada latihan profesional dalam pengauditan.
- **Struktur jawatan yang tidak ideal** – Tiada jawatan Ketua Unit dari kalangan pegawai profesional.
- **Beban kerja tinggi** – Unit hanya mempunyai dua orang kakitangan, namun perlu melaksanakan pelbagai skop kerja termasuk audit khas, audit susulan, serta menjadi urus setia mesyuarat audit.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK TAHUN 2025

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi, Unit Audit Dalam mencadangkan:

- Meningkatkan tahap kemahiran melalui latihan dalam bidang pengauditan dan pemahaman akta/peraturan semasa.
- Melaksanakan penstrukturkan semula jawatan dengan mewujudkan posisi Ketua Unit dari kalangan kumpulan Pengurusan & Profesional.
- Menambah bilangan kakitangan untuk menangani beban tugas yang semakin kompleks.

IMPAK DAN KEBERKESANAN PENGAUDITAN

Unit Audit Dalam telah berjaya:

- Memastikan pemakaian undang-undang dan pekeliling kewangan dipatuhi.
- Mendedahkan kelemahan sistem kawalan dalaman.
- Menilai keberkesanan pelaksanaan program, aktiviti, dan projek Majlis.
- Menyumbang ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan awam melalui cadangan penambahaikan yang berterusan.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, Unit Audit Dalam telah mencapai sasaran kerja tahunan bagi tahun 2024 dengan jayanya. Kejayaan ini membuktikan keupayaan unit ini dalam menyokong tadbir urus organisasi yang cemerlang meskipun dengan sumber manusia yang terhad. Diharapkan pencapaian ini dapat dikekalkan dan dipertingkatkan pada tahun berikutnya dengan pelaksanaan penambahaikan yang dicadangkan.

UNIT PERUNDANGAN

Unit Perundangan merupakan salah satu unit di bawah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Buat masa ini Unit Perundangan diterajui oleh seorang Pegawai Undang-Undang (L9), dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Undang-Undang (L6) dan seorang Penolong Pegawai Undang-Undang (L5), disokong oleh dua orang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (N1), seorang Pembantu Tadbir Undang-Undang (L1) dan seorang Pembantu Khidmat Am (H1).

Seksyen utama Unit Perundangan :-

1. KHIDMAT NASIHAT & PERUNDANGAN

- Nasihat Perundangan
- Gubalan & Penyelidikan Maklumat
- Semakan Perjanjian

2.PENDAKWAAN

- Teknikal dan Bukan Teknikal
- Sistem kompaun dan rayuan kompaun

3.LITIGASI

- Sivil (Majlis sebagai defendan/ plaintiff)
- Tuntutan Tunggakan Cukai Taksiran
- Tuntutan Tunggakan Sewa Premis
- Lembaga Rayuan

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Fungsi-fungsi utama yang telah dipertanggungjawabkan kepada Unit Perundangan adalah seperti berikut :

- Memberikan nasihat perundangan kepada Yang Dipertua, Setiausaha, jabatan-jabatan dalaman Majlis termasuk agensi luar.
- Gubalan undang-undang termasuk menggubal dan meminda Undang-Undang Subsidiari yang digunakan oleh Majlis.
- Pewartaan Undang-Undang Kecil Subsidiari.
- Membuat kajian kes undang-undang (*case law*) yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Mengadakan Latihan Perundangan dengan kerjasama Unit Pembangunan Kompetensi dan Latihan.
- Menyedia dan menyemak perjanjian-perjanjian yang melibatkan Majlis dan pihak-pihak yang berkenaan.
- Menguruskan dan menyediakan ikatan dokumen kes Lembaga Rayuan.
- Memulakan dan menjalankan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang bertulis yang digunakan oleh Majlis.
- Menguruskan pengendalian rayuan kompaun.
- Mengendalikan kes-kes tuntutan tunggakan cukai taksiran.
- Menguruskan kes-kes tuntutan tunggakan sewa dan kes-kes sivil.

KHIDMAT NASIHAT PERUNDANGAN

Unit Perundangan berperanan memberi nasihat dan pandangan perundangan khususnya berkaitan isu-isu semasa kepada pengurusan tertinggi, jabatan/ unit. Bagi tahun 2024, sejumlah 8 nasihat perundangan telah diberikan seperti berikut :

JABATAN	JUMLAH PERMOHONAN
Jabatan Perancangan Pembangunan	2
Jabatan Kawalan Bangunan	1
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	2
Jabatan Lanskap	1
Jabatan Pelesenan	1
Jabatan Khidmat Pengurusan	1
JUMLAH	8

GUBALAN

Aktiviti semakan Undang-Undang Subsidiari telah dilaksanakan sebanyak 7 semakan iaitu:-

- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan.
- Undang-Undang Kecil Penjaja.
 - Peringkat akhir untuk muktamadkan deraf Undang - Undang Kecil Penjaja.
- Undang-Undang Kecil Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (UUK 'ISF').
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing.
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Negeri Selangor 1986 (Pindaan) 2024.
- Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) (Pindaan).
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tepat Letak Kereta) (Pindaan) 2024.

PEWARTAAN

Unit Perundangan telah menguruskan dan mewartakan 3 warta kerajaan iaitu :

- Pewartaan pemberitahuan notis senarai nilai baru Majlis Perbandaran Kuala Selangor (Tarikh Warta – 16/05/2024)
- Pewartaan notis mengenai pengesahan senarai nilai baru PBT Negeri Selangor (Tarikh Warta – 05/12/2024)
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Pindaan) 2024 (Tarikh Warta – 31/12/2024)

KES UNDANG-UNDANG (CASE LAW)

Unit Perundangan telah melaksanakan 3 kajian kes undang-undang tahun 2024 ini.

NAMA KES	RINGKASAN KES
G Subramaniam: Applicant (A) Yang Dipertua Majlis Perbandaran Petaling Jaya : Respondent (R)	Rayuan ini melibatkan hak orang yang terkilan untuk didengar sebelum perintah mandatori boleh dibuat terhadapnya di bawah s 91 Akta Parit Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133).
Eu Lian Hang: Applicant (A) President, Municipal Council, Petaling Jaya: Respondent (R)	Notis yang dikeluarkan jelas merupakan satu peluang untuk Pemohon didengari. Jika perbuatan pemohon melakukan kerja itu adalah sah dan mengikut pelan yang diluluskan, pemohon boleh mencabar notis itu. Walau bagaimanapun, pemohon tidak menjawab notis tersebut.
Majlis Bandaraya Subang Jaya: Applicant (A) Lembaga Rayuan Negeri Selangor & Anor: Respondent (R)	Garis Panduan Perancangan Dan Penubuhan Taman Didikan Kanak – Kanak (TADIKA) dan Taman Asuhan Kanak – Kanak (TASKA) 2017 tidak digubal menurut mana-mana peruntukan Akta dan ia tidak boleh dikatakan bahawa GP027 mempunyai kuasa undang-undang.

SEMAKAN PERJANJIAN

Sepanjang tahun 2024, sejumlah 28 perjanjian daripada pelbagai jabatan dalam MPKS dan agensi luar telah disemakoleh Unit Perundangan iaitu Bekalan (6), Perkhidmatan (18) dan Perisian/ Sewaan (4).

LEMBAGA RAYUAN

Unit Perundangan telah menguruskan 3 Kes Lembaga Rayuan bagi tahun 2024 iaitu:

1. Rayuan Penolakan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Bangunan Reban Ayam Tertutup serta Tukar Syarat Tanah daripada Pertanian kepada Perniagaan (Ayam) di atas Lot 4458, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor.
2. Rayuan Penolakan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan Sesebuah Melalui Serah Balik dan Berimilik Semua Tanah di atas Lot 168 (GM1116) dan Lot 397(GM494) Daerah Kuala Selangor.
3. Rayuan Penolakan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Bagi cadangan Pembangunan Empat Unit Reban Ayam Pedaging (Jenis Tertutup) melalui Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula Tanah di bawah Seksyen 204b Kanun Tanah Negara (KTN).

LATIHAN PERUNDANGAN

Unit Perundangan telah mengadakan sebanyak dua (2) latihan perundangan iaitu :

1. Taklimat Kes Undang-Undang Berkennaan Cukai Taksiran dan Pendakwaan Teknikal Tahun 2024 Anjuran Majlis Perbandaran Kuala Selangor yang diadakan di Courtyard by Marriot, Setia Alam.
2. Bengkel Pemurnian Draf Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Negeri Selangor 2024 yang diadakan di Courtyard by Marriot, Setia Alam.



PENDAKWAAN

Bagi tahun 2024, sejumlah 234 kertas siasatan (IP) baru telah diterima untuk memulakan tindakan pendakwaan. Dalam masa yang sama, Unit Perundangan telah menguruskan sejumlah 139 izin pendakwaan dan 120 daftar kes.

KOMPAUN

Rayuan Kompaun - Unit Perundangan bertanggungjawab menguruskan rayuan kompaun iaitu pengurangan kadar kompaun atau pembatalan kompaun secara bersemuka dan bukan bersemuka (surat, telefon dan emel). Berdasarkan statistik jumlah rayuan kompaun keseluruhan pada tahun 2024, jumlah penerimaan keseluruhan adalah sebanyak 5,030 rayuan kompaun. Sebanyak 4,969 rayuan adalah untuk pengurangan manakala sejumlah 61 rayuan adalah untuk pembatalan.

Kempen Pengurangan Kompaun - Unit Perundangan juga telah melaksanakan Kempen Pengurangan Kompaun Pelbagai Majlis Perbandaran Kuala Selangor dari 7 Ogos 2024 hingga 16 September 2024.

TUNTUTAN CUKAI TAKSIRAN

Bagi tahun 2024 ini, 30 kes baharu telah diterima daripada Jabatan Perbendaharaan. Bagi kes yang bertunggakan lebih 6 tahun, Notis Tuntutan tidak dikeluarkan sebaliknya diteruskan untuk tindakan sivil.

Daripada jumlah 30 kes tersebut, sejumlah 15 Notis Tuntutan telah dikeluarkan dan 11 Notis berbayar dengan amaun RM147,359.50 seperti dalam Jadual. 21 kes tindakan sivil dan 18 kes telah berbayar/selesai dengan bayaran diterima sebanyak RM185,179.35.

PERKARA	JUMLAH
Jumlah kes	30
Jumlah Notis tuntutan	15
Notis tuntutan berbayar	11 (RM147,359.50)

Bagi tahun 2024 ini juga, sebanyak 350 kes sivil telah diuruskan yang mana sejumlah 243 kes iaitu 70% kes telah dapat diselesaikan dengan kutipan bayaran sejumlah RM3,257,837.36. Sebanyak 102 kes iaitu 30% kes masih belum selesai dengan baki tunggakan RM15,297,105.77.

PERKARA	JUMLAH
Jumlah kes	30
Dalam prosiding	88
Btunggak semula	14
Selesai	243
Amaun berbayar	RM3,257,837.36
Jumlah tuntutan	RM15,297,105.77
Fi Guaman	RM60,528.69

SIVIL

Bagi tahun 2024, kes sivil yang diuruskan oleh Unit Perundangan adalah seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH KES	STATUS
Permohonan semakan kehakiman	1	Selesai
Tanah mendap akibat kerja-kerja pembentungan yang dijalankan Indah Water Konsortium (IWK).	1	Selesai
Kemalangan	4	Selesai
JUMLAH		6

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya sasaran kerja tahunan Unit Perundangan bagi tahun ini dapat dilaksanakan dengan baik. Meskipun masih terdapat kekangan sumber manusia, Unit Perundangan akan terus memberikan komitmen dan kerjasama yang terbaik bagi menyumbang dan menyokong pencapaian matlamat dan objektif Majlis.

Jalinan kerjasama antara jabatan dalaman amat dihargai dan diharap berkekalan terjalin dengan baik dan dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, dedikasi, amanah dan berintegriti bagi menjamin visi, misi dan objektif Majlis dapat dicapai dengan baik.

UNIT KORPORAT, PELANCONGAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

Unit Korporat, Pelancongan, dan Perhubungan Awam di Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal korporat, mempromosikan pelancongan dan menjaga hubungan baik dengan masyarakat setempat serta pihak luar. Berikut adalah beberapa tugas utama unit ini:

PENGURUSAN KORPORAT

- **Perancangan Strategik Korporat:** Membangun dan melaksanakan pelan strategik untuk mencapai visi dan misi MPKS.
- **Pengurusan Imej Korporat:** Memastikan imej dan identiti korporat MPKS konsisten dan positif di mata awam.
- **Pengurusan Platform Media Sosial:** Menguruskan platform media sosial MPKS untuk memastikan komunikasi yang efektif dengan orang awam.
- **Kandungan Digital:** Menghasilkan kandungan digital yang menarik dan informatif untuk promosi pelancongan dan aktiviti MPKS.

PROMOSI PELANCONGAN

- **Pembangunan Produk Pelancongan:** Mengenal pasti dan membangunkan produk pelancongan yang berpotensi di Kuala Selangor.
- **Pemasaran Pelancongan:** Merancang dan melaksanakan kempen pemasaran untuk menarik pelancong tempatan dan antarabangsa.
- **Kerjasama dengan Pihak Berkaitan:** Bekerjasama dengan agensi pelancongan, hotel, pengusaha pelancongan, dan komuniti setempat untuk mempromosikan destinasi pelancongan.
- **Penganjuran Acara Pelancongan:** Menganjurkan acara-acara pelancongan seperti festival, pameran, dan aktiviti kebudayaan untuk menarik minat pelancong.

PERHUBUNGAN AWAM

- **Komunikasi dengan Media:** Menguruskan hubungan dengan media untuk memastikan liputan positif tentang aktiviti dan program MPKS.
- **Pengurusan Krisis:** Menangani isu-isu krisis atau aduan awam dengan cepat dan berkesan.
- **Program Komuniti:** Menganjurkan program-program komuniti untuk meningkatkan hubungan antara MPKS dengan penduduk setempat.
- **Maklumat Awam:** Menyediakan maklumat yang tepat dan terkini kepada orang awam mengenai perkhidmatan dan aktiviti MPKS.

PENGURUSAN ACARA DAN PROTOKOL

- **Penganjuran Acara Rasmi:** Menguruskan acara rasmi seperti majlis pelancaran, majlis perasmian, dan majlis-majlis khas yang melibatkan MPKS.
- **Protokol dan Adat Istiadat:** Memastikan protokol dan adat istiadat dipatuhi dalam acara rasmi yang melibatkan tetamu kehormat.

PENGURUSAN ADUAN DAN MAKLUM BALAS

- **Sistem Aduan Awam:** Menguruskan sistem aduan awam dan memastikan aduan diproses dengan cepat dan efisien.
- **Maklum Balas Masyarakat:** Mengumpul dan menganalisis maklum balas masyarakat untuk penambahbaikan perkhidmatan MPKS.


PENGURUSAN ADUAN AWAM

MPKS telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan pengurusan aduan awam dengan memperkenalkan jadual pelaksanaan aduan dalaman. Kursus pengurusan aduan awam akan dilaksanakan secara berperingkat untuk semua jabatan bagi memastikan kriteria pengurusan aduan dipenuhi dengan lebih baik. Langkah ini diharapkan dapat meningkatkan kecekapan dan kepuasan orang awam dalam menangani aduan.

JABATAN	TERIMA	SELESAI	BELUM SELESAI
Jab. Kejuruteraan	1,021	961	60
Jab. Kesihatan & Persekutaran	1,328	1,251	77
Jab. Landskap	437	399	38
Jab. Penguatkuasaan	543	507	36
Lain-Lain Jabatan/ Unit	520	520	0
JUMLAH KESELURUHAN	3,849	3,638	211


KEPUASAN PELANGGAN

MPKS telah mencapai tahap kepuasan pelanggan sebanyak 90.65% pada tahun 2024. Bagi meningkatkan lagi kepuasan pelanggan, MPKS mencadangkan penggunaan kod QR untuk memudahkan orang awam memberikan penilaian terhadap perkhidmatan yang diberikan. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada penambahbaikan berdasarkan teguran dari Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan.



PENERBITAN & PERHUBUNGAN AWAM

Unit Penerbitan dan Perhubungan Awam MPKS bertanggungjawab untuk menyelaraskan program, lawatan rasmi, dan hebahan. Mereka juga menguruskan tempahan dan reka bentuk banner, bunting, dan backdrop. Statistik hebahan di media sosial menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 2023 ke 2024.



Jumlah hebahan dan capaian akaun media sosial Facebook, Instagram dan TikTok rasmi Majlis Perbandaran Kuala Selangor tahun 2024.

MEDIUM	KELUARAN	CAPAIAN
Facebook	310	1,332,968 orang
Instagram	182	40,987 orang
TikTok	53	3,493,601 orang
JUMLAH KESELURUHAN	545	4,867,556 orang



PENERBITAN & PERHUBUNGAN AWAM

Menyelaras tempahan dan rekabentuk *banner/ bunting/ backdrop*.

MEDIUM	JUMLAH KELUARAN
Banner	53
Backdrop	44
Bunting	158
Poster	79
Buku Aturcara	194
Kad Jemputan	2
Risalah	2
Lain-Lain	223
JUMLAH KESELURUHAN	754

Menyelaras hebahan media cetak dan elektronik.

PERKARA	CAPAIAN
Hebahan MPKS	53
Aduan dan Maklumbalas MPKS	35
JUMLAH KESELURUHAN BERITA YANG BERJAYA DIKELUARKAN	110



SINAR NEGERI
Apabila jodoh dirudung untuk sambut orang Inggeris

TERENGGANU
Pendemo beri tumpuan simbol pekerja kreatif

PUAK PENANG
Tulang bersih puncak ketam

MELAKA
Tulang bersih puncak ketam

DEBU KEMAMAN
Lewi Tambang Dengan kerjasama dengan PDRM dan Pasukan Perondaan PDRM Polis Diraja Malaysia (PPDRM) mengambil bahagian dalam operasi keselamatan bertempoh selama dua hari di atas tanah air di Kemaman, Terengganu.

Buletin TV3 • Follow
16 October at 08:39 · 3

Sebuah kilang di Jalan Raja Musa, Bestari Jaya, yang menjalankan aktiviti peleburan logam secara haram diarahkan tutup serta-merta oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).

Operasi premis yang tersorok daripada pandangan awam bagi mengelak dikenakan tindakan dikesan menerusi operasi bersepadu yang dijalankan pada Khamis lalu.

Kelua-dua kilang dikawal kompasan, durai tutup serta-merta oleh MPKS sebelum kacau gegos bau dan akhir sekali kelar.

'BERHIJRAH' BUKA KILANG HARAM
Tiga warga China ditahan buat perniagaan proses e-waste

Oleh Amran Aliman
amran@sinarmalaysias.com.my

Kuala Selangor
Berhijrah ke negara kilang baruan merupakan kilang baruan perniagaan kilang baruan yang berpusat di bandar ini. Ia terdiri daripada tiga warga China yang dibuka sejak lima tahun yang diberkati sejak itu operasi bersepadu dilaksana. Menteri Perdagangan dan Perusahaan Malaysia (MPP) berkata, ia merupakan operasi yang berjaya dan mendapat pengiktirafan dari kerajaan.

"Operasi di kilang berjaya dan mendapat pengiktirafan dan penghargaan daripada kerajaan. Saya berharap ia akan berjaya dan mendapat pengiktirafan dari kerajaan," katanya.

Eduan pada itu, Mohamed Lubis berkata, kerajaan mempunyai tujuan untuk memberi perhatian dan merangsang pembangunan ekonomi negara melalui perniagaan yang berjaya.

Salah tidak memiliki lebil berjaya, tetapi juga diketahui membabitkan pelbagai operasi pengiktirafan bersekutu dan awam."

Untuk maklumat, pengiktirafan UUK 3 Undang-undang Kecil Pelancongan, Perdagangan dan Perusahaan Kuala Selangor (UUK 3) adalah jalinan perniagaan tanpa perlu menghadiri mahkamah.

"Pada masa sama, ia mengiktiraf rangkaian perniagaan yang dilancarkan ke Jabatan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (KPPD) serta jalinan perniagaan tanpa perlu menghadiri mahkamah," katanya.

Dalam perkembangannya, kerajaan semoga dapat menarik minat pelabur asing ke negara.





PENERBITAN & PERHUBUNGAN AWAM

Edaran Buletin MPKS 2024 dan Laporan Tahunan MPKS 2023

MEDIUM	CAPAIAN
Buketin MPKS	3 Edisi
Laporan Tahunan MPKS	1




Penganjuran Kejohanan Boling MPKS bersama Media Biro Selangor tahun 2024.



PENGURUSAN KUALITI

MPKS mengamalkan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2015. Fokus utama adalah untuk mencipta ekosistem yang kondusif bagi sektor awam dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Piagam pelanggan juga menjadi sebahagian daripada komitmen MPKS untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.



Kumpulan Inovatif dan Kreatif

PERKARA	PENCAPAIAN
Konvensyen AINS	1 kumpulan sahaja berjaya ke peringkat akhir
Inovasi Dalaman MPKS	5 Kumpulan telah menyertai inovasi pada Disember 2024
Konvensyen KIK Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> •JPM3 •WorkSmart



PENGURUSAN PELANCONGAN

Kuala Selangor adalah destinasi pelancongan utama yang terkenal dengan produk eko-pelancongan. MPKS menguruskan dua pusat pelancongan utama, iaitu Bukit Malawati dan Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan. Kutipan hasil tiket untuk tahun 2024 adalah RM 1,366,343.35 dan jumlah kehadiran adalah seramai 192,659 orang.

LOKASI	JUMLAH PELANCONG	JUMLAH HASIL
Bukit Malawati	161,195	RM774,245.35
Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan	41,464	RM592,098.00
JUMLAH KESELURUHAN	192,659	RM 1,366,343.35

KESIMPULAN

Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam MPKS telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan pelancongan. Walaupun terdapat cabaran seperti penurunan jumlah pelancong, Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam MPKS terus berusaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan melalui pelbagai inisiatif dan penambahbaikan. Dengan sokongan daripada semua jabatan dan pihak berkepentingan, Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam MPKS yakin dapat mencapai sasaran yang lebih tinggi pada tahun 2025.

UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) adalah sebuah badan yang bertanggungjawab memastikan pemilik, pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) melaksanakan dan menguatkuasakan segala peruntukan Akta Pengurusan Strata 2015 (Akta 757) yang mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

- Memantau aduan berkaitan kewangan dan perundangan bagi pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata.
- Memantau serta menyemak dokumen bagi pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT), Mesyuarat Agung Luar Biasa (MALB) dan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama (MATP) oleh JMB/MC dan pemaju.
- Melantik Ejen Pengurusan bagi kediaman yang tiada pengurusan JMB/MC di bawah seksyen 86, Akta 757.
- Semakan pemfailan jadual petak dan unit syer bagi pembangunan berstrata baharu.
- Mengadakan program/bengkel/seminar tentang pengurusan bangunan kepada JMB/MC.
- Menyediakan kertas siasatan dan pendakwaan bagi kes-kes kesalahan di bawah Akta 757.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan perundangan kepada JMB/MC dan pemilik.
- Mengeluarkan notis peringatan kepada pemilik petak berhubung kegagalan membayar caj penyelenggaraan.
- Menyemak laporan audit tahunan dan laporan kewangan bulanan JMB/MC.
- Memastikan pihak pemaju menyerahkan deposit kecacatan harta bersama sebelum serahan milikan kosong (VP) dilakukan.

MAKLUMAT PEMBANGUNAN

Jumlah skim strata di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor berjumlah 253 skim dengan 17,899 petak.

SASARAN DAN PENCAPAIAN UNIT

SASARAN	PENCAPAIAN
Memastikan JMB/MC melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (MALB)	22 Mesyuarat Agung Tahunan
Penubuhan JMB/MC dalam tempoh 12 bulan selepas Penyerahan Milikan Kosong (VP)	<ul style="list-style-type: none"> • AJ Boulevard • Irina Myra Alam • Regent Garden
Penyerahan pengurusan Pemaju kepada JMB/MC selepas MATP diadakan	<ul style="list-style-type: none"> • Regent Garden • Alam Jaya

SASARAN DAN PENCAPAIAN UNIT

SASARAN	PENCAPAIAN
Laporan pemerhati Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa.	8 laporan telah disediakan
Penyerahan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa. Penyerahan perlu dilaksanakan dalam tempoh 28 hari selepas MAT/MALB dilaksanakan.	22 minit mesyuarat telah dihantar kepada pihak COB
Ulasan Kebenaran Merancang (KM), Pelan Bangunan (PB), Perundingan. 14 hari selepas penerimaan dari sistem OSC 3.0.	<ul style="list-style-type: none"> • 5 ulasan Kebenaran Merancang (KM) • 6 ulasan Pelan Bangunan (PB)
Pemfailan Jadual Petak. Pemfailan perlu mencapai piagam pelanggan dalam tempoh 40 hari bekerja.	<ul style="list-style-type: none"> • Tetuan Kemudi Ehsan Sdn. Bhd. – Ritma Perdana (Pindaan) • Tetuan Kemudi Ehsan Sdn. Bhd. – Melodi Perdana (Pindaan) • Tetuan Kemudi Ehsan Sdn.Bhd. – Pangsapuri Idaman Perdana • Tetuan Paragon Pinnacle Sdn.Bhd. – Regent Garden (Pindaan) • Tetuan Perfect Eagle Development Sdn.Bhd. – Taman Alam Sutera Fasa 3 (38 permohonan) • Tetuan Paragon Pinnacle Sdn.Bhd. – Norton Garden (Pindaan)
Perjumpaan Khidmat Nasihat atau Mediasi Bersama Pihak Pengadu/Stakeholder	<ul style="list-style-type: none"> • 18 pemaju • 5 JMB/MC
Aduan pengurusan strata	<ul style="list-style-type: none"> • 76 aduan melalui SISPA • 26 borang / e-mel / surat
Penghantaran laporan audit tahunan	26 laporan audit tahunan telah diterima
Laporan kewangan Bulanan JMB/MC	350 akaun penyenggaraan dan akaun wang penjelas telah dihantar ke dalam sistem e-COB

SASARAN DAN PENCAPAIAN UNIT

SASARAN	PENCAPAIAN
Kelulusan Elaun JMB/MC. Berdasarkan permohonan JMB/MC	3 permohonan elaun telah diluluskan, 4 permohonan elaun lulus dengan pindaan, 1 permohonan elaun ditolak
Pemaju Membayar Deposit Kecacatan Harta Bersama. Penerimaan Borang F daripada Jabatan Kawalan Bangunan, MPKS.	<ul style="list-style-type: none"> • Tetuan Kemudi Ehsan Sdn. Bhd. (Ritma Perdana) • Tetuan Kemudi Ehsan Sdn. Bhd. (Melodi Perdana Fasa 2) • Tetuan Shah Alam 2 Sdn. Bhd. (Duta Perintis) • Tetuan OIB Properties (CV) Sdn. Bhd. (Irina Myra Alam)
Tuntutan Deposit Kecacatan Harta Bersama. Permohonan setelah tamat tempoh liabiliti.	<ul style="list-style-type: none"> • Tetuan Kemudi Ehsan Sdn. Bhd. (Simfoni Perdana-Surat arahan pemberian dikeluarkan. Tiada bayaran tuntutan dikeluarkan) • Tetuan Paragon Pinnacle Sdn. Bhd. (Avenham Garden) • Tetuan Paragon Pinnacle Sdn. Bhd. (Graham Garden)
Semakan dokumen sebelum perlaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luar Biasa	22 laporan lawatan tapak telah dikeluarkan
Menjalankan kertas siasatan dan pendengaran berdasarkan kes yang diterima daripada Tribunal Pengurusan Strata	<p>5 kes dalam proses pembukaan kertas siasatan dan pendakwaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Irama Perdana (Ingkar Award) • MC Rose (Ingkar Award) • Avenham (Ingkar Award) <p>1 kes gagal melaksanakan Mesyuarat AGM</p> <ul style="list-style-type: none"> • SPNB • PNSB

SASARAN DAN PENCAPAIAN UNIT

SASARAN	PENCAPAIAN
Mengeluarkan notis/surat peringatan berhubung tatacara dan prosedur Akta 757	<p>Peringatan menghantar dokumen kepada COB :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • MC Rose • Sentrovue B <p>Pelaksanaan AGM :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • AJ Boulevard • Lily <p>Prosuder Kebocoran antara tingkat Arahan menghantar laporan audit tahunan dalam tempoh 14 hari</p> <p>Larangan membuat penambahan struktur atau beban di dalam petak</p>
Semakan minit mesyuarat MAT/MALB. Berdasarkan serahan dokumen MAT/MALB oleh JMB/MC.	22 minit mesyuarat telah disemak dan diberikan maklum balas

BANTUAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Kerja-kerja Menaik Taraf Pendawaian Elektrik dan Kerja-kerja Berkaitan di Pangsapuri Taman Alam Jaya dengan peruntukan berjumlah RM46,730.00 daripada Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dilaksanakan pada 8 Mei 2024.



BANTUAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Kerja-kerja Menaiktaraf Pagar dan Kerja-kerja Berkaitan di Pangaspuri Residensi Warnasari 1 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM48,850.00 daripada pihak KPKT telah dilaksanakan pada 21 April 2024.



Kerja-kerja Menaiktaraf Cerun dan Kerja-kerja Berkaitan di Pangaspuri Residensi Warnasari 3 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM48,871.00 daripada pihak KPKT telah dilaksanakan pada 21 April 2024



Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Retikulasi dan Kerja-kerja Berkaitan di Pangaspuri Astana Alam 1 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 56,990.00 daripada pihak KPKT telah dilaksanakan pada 6 Oktober 2024



BANTUAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Kerja-kerja Penyelenggaraan 3 Unit Lif dan Kerja-kerja Berkaitan di Pangaspuri Iris dengan nilai projek berjumlah RM319,402.00 daripada pihak KPKT telah dilaksanakan pada 6 Oktober 2024.



Kerja-kerja Menaiktaraf Taman Permainan Pangaspuri Villa Malawati, Kuala Selangor serta Kerja-kerja Berkaitan dengan jumlah peruntukan RM39,700.00 di Bawah Program peruntukan LPHS telah dilaksanakan pada 24 November 2024.



PROGRAM/AKTIVITI

Pertandingan K-Inovasi (Pengurusan Komuniti Strata) pada 22 Januari 2024




PROGRAM/AKTIVITI

Penarafan Bintang Berstrata (MALA) pada 17 Februari 2024



Tautan Kasih Ramadan Komuniti Strata pada 30 Mac 2024



PROGRAM/AKTIVITI

Simposium Pengurusan Strata Kelas Pertama 2024 pada 1 Ogos 2024



Bengkel Pendakwaan dan Pengkompaunan Kesalahan Akta 757 pada 6-7 September 2024



PROGRAM/AKTIVITI

Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata (C-Smart) pada 8-10 November 2024.



KESIMPULAN

Pelbagai bantuan dan program telah dilaksanakan oleh Unit Pesuruhjaya Bangunan, MPKS bagi memastikan JMB/MC di bawah pentadbiran MPKS dapat melaksanakan dan menjalankan tanggungjawab mengurus dan menyenggara bangunan seperti yang telah diperuntukkan Akta Pengurusan Strata 2015 (Akta 757). Pihak COB sentiasa bersedia dalam memberikan bantuan dari segi khidmat nasihat dan kaedah penyelesaian yang terbaik bagi sebarang isu/permasalahan di kawasan kediaman berstrata.

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Unit Pusat Setempat (OSC) memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan bandar yang mampan dan inklusif, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 11: "Sustainable Cities and Communities". Pada tahun 2024, OSC telah menetapkan pelbagai sasaran kerja untuk memastikan proses permohonan pembangunan dilaksanakan dengan lebih efisien, sistematik, dan mematuhi piagam yang ditetapkan.

PENERIMAAN DAN PEMPROSESAN PERMOHONAN

OSC bertanggungjawab untuk menerima, menyelaras, memproses, dan memantau permohonan pelan pemajuan. Pada tahun 2024, OSC menerima sejumlah 929 permohonan, yang terdiri daripada 682 permohonan secara online dan 247 permohonan secara manual. Jumlah ini melebihi sasaran tahunan sebanyak 500 permohonan, dengan pencapaian 186%.

Berikut adalah pecahan kategori permohonan yang diterima:

KATEGORI PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN	PERATUSAN (%)
Kebenaran Merancang (KM)	164	17.65%
Pelan Infrastruktur	126	13.56%
Pelan Bangunan	81	8.71%
Permit	58	6.24%
Pelan Landskap	57	6.14%
Nama Taman/Jalan/Bangunan	22	2.37%
Notifikasi (Bangunan & Tanah)	133	14.32%
Lain-lain (Pengecualian, dll.)	41	4.41%
JUMLAH	929	100%

PENGEDARAN DOKUMEN PERMOHONAN

OSC juga bertanggungjawab untuk mengedarkan dokumen permohonan ke Agensi Teknikal Dalaman (ATD) dan Agensi Teknikal Luaran (ATL). Pada tahun 2024, sebanyak 929 dokumen diedarkan, melebihi sasaran 500 dokumen dengan pencapaian 186%. Proses pengedaran dilakukan dalam tempoh 24 jam, baik secara online maupun melalui saluran fizikal.

PENGURUSAN MESYUARAT OSC

OSC mengadakan 22 mesyuarat pada tahun 2024, melebihi sasaran 18 mesyuarat dengan pencapaian 122%. Mesyuarat ini diadakan secara berkala untuk mempertimbangkan permohonan pelan pemajuan dan membuat keputusan. Selain itu, OSC menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat dalam tempoh 7 hari selepas mesyuarat diadakan. Sebanyak 22 minit mesyuarat telah disediakan, mencapai 122% daripada sasaran 18 minit.

KUTIPAN BAYARAN PROSES PERMOHONAN

OSC berjaya menjana hasil sebanyak RM 2,815,665.06 melalui bayaran proses permohonan, melebihi sasaran RM 2 juta dengan pencapaian 140%.

SASARAN HASIL	PENCAPAIAN HASIL	PERATUSAN (%)
RM2,000,000.00	RM2,815,665.06	140%

PELAPORAN PENJANAAN HASIL

OSC menyediakan pelaporan penjanaan hasil dan analisis permohonan pelan pemajuan yang dibentangkan dalam mesyuarat. Pelaporan ini dilakukan dua kali setahun, dengan satu pelaporan telah disiapkan pada tahun 2024.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, OSC telah mencapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2024 dalam pelbagai aspek, termasuk penerimaan dan pemprosesan permohonan, pengedaran dokumen, penyelarasan ulasan, dan penjanaan hasil. Namun, terdapat beberapa aktiviti seperti sesi libat urus dengan pemegang taruh yang belum dilaksanakan, menunjukkan perlunya penambahbaikan dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti tersebut pada masa akan datang.

Dengan pencapaian yang memberangsangkan ini, OSC terus memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan bandar yang mampan, inklusif, dan efisien, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 11.

UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

Unit Perolehan dan Ukur Bahan (UPB) di Majlis Perbandaran Kuala Selangor memainkan peranan penting dalam memastikan segala perolehan bekalan, perkhidmatan, dan kerja dilakukan secara telus dan berkesan. Unit ini bertanggungjawab menguruskan proses perolehan melalui tender dan sebut harga mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan. Selain itu, mereka juga menilai dan mengesyorkan pembekal atau kontraktor yang layak bagi memastikan setiap perolehan memberikan nilai terbaik kepada majlis. Dalam aspek ukur bahan, unit ini menyemak anggaran kos yang disediakan oleh dan memastikan spesifikasi teknikal dan kontrak dipatuhi dengan ketat. Dengan perancangan yang sistematis, unit ini dapat mengawal bajet serta memastikan semua kerja yang dijalankan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.

Selain itu, Unit Perolehan dan Ukur Bahan juga memainkan peranan dalam pemantauan serta kawalan kualiti bagi setiap projek yang dilaksanakan oleh MPKS. Laporan berkala mengenai status perolehan dan prestasi projek juga disediakan untuk memastikan ketelusan dalam setiap urusan. Tambahan pula, unit ini sentiasa memastikan kepatuhan terhadap dasar kewangan dan undang-undang berkaitan agar segala perolehan dan projek berjalan lancar tanpa sebarang isu penyelewengan. Secara keseluruhannya, Unit Perolehan dan Ukur Bahan MPKS berperanan besar dalam memastikan pengurusan kewangan yang efisien serta pelaksanaan projek yang berkualiti demi kepentingan masyarakat setempat.

PENGURUSAN PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA DAN TENDER

UPB telah berjaya menguruskan 151 daripada 152 sebut harga yang dirancang, mencapai kadar kejayaan sebanyak 99%. Selain itu, sebanyak 11 tender daripada 11 yang dirancang dengan jumlah nilai perolehan RM32,821,318.94 juga telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah nilai perolehan RM8,231,964.42, mencapai sasaran 100%. Ini menunjukkan kecekapan dan komitmen UPB dalam memastikan proses perolehan berjalan lancar.

PENGURUSAN MESUARAT

UPB telah mengadakan 12 mesuarat sebut harga dan 5 mesuarat tender, melebihi sasaran yang ditetapkan. Ini menunjukkan bahawa UPB telah berjaya menguruskan proses perolehan dengan baik dan memastikan semua keputusan dibuat secara telus dan efisien.

SISTEM IP3KS MPKS

UPB telah mencapai 100% penggunaan sistem iP3KS MPKS, yang merupakan sistem perolehan elektronik yang digunakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). Sistem ini telah membantu dalam memudahkan proses perolehan dan meningkatkan ketelusan serta kecekapan.

LAPORAN PEMANTAUAN PEROLEHAN

UPB telah berjaya menyediakan 4 laporan pemantauan perolehan seperti yang dirancang. Laporan ini penting untuk memastikan bahawa semua proses perolehan mematuhi tatacara dan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan.

PENGURUSAN KEWANGAN

UPB telah berjaya menguruskan perolehan dengan menjana hasil sebanyak RM652,890.00, yang menunjukkan keupayaan UPB dalam memaksimumkan hasil perolehan untuk MPKS.

JADUAL PENCAPAIAN

Berikut adalah jadual yang merumuskan pencapaian tahun 2024:

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Sebut Harga	151
Tender	11
Mesyuarat Sebut Harga	12
Mesyuarat Tender	5
Sistem iP3KS MPKS	100%
Laporan Pemantauan Perolehan	4
Nilai Perolehan (RM)	RM652,890.00

KESIMPULAN

Unit Perolehan dan Ukur Bahan (UPB) telah menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 2024 dengan mencapai hampir semua sasaran yang ditetapkan. Bagi tahun 2025, UPB telah menetapkan sasaran yang lebih tinggi dan lebih mencabar, yang menunjukkan komitmen untuk terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan perolehan. Dengan sokongan sistem iP3KS MPKS dan komitmen kakitangan, UPB dijangka akan terus mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan tanggungjawab.

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) berperanan penting dalam memastikan amalan tadbir urus yang telus, cekap dan berintegriti dilaksanakan di setiap peringkat organisasi. Laporan ini menggariskan pencapaian Unit Integriti sepanjang tahun 2024 merangkumi aspek utama iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesahan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan integriti, dan tatatertib.

TADBIR URUS

Dalam memastikan pematuhan kepada keperluan pelaporan integriti, Unit Integriti telah berjaya menghantar laporan aktiviti tahunan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak tiga kali mengikut takwim yang ditetapkan, iaitu pada bulan April, Ogos dan Disember. Pencapaian ini mencapai kadar pelaksanaan 100%.

Di samping itu, laporan pelanggaran tatatertib kakitangan telah dikemukakan sebanyak empat kali setahun kepada JPA dan Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, tepat mengikut suku tahunan. Manakala Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) tidak dilaksanakan pada tahun ini memandangkan ia dilaksanakan dua tahun sekali mengikut ketetapan semasa.

Permohonan Tapisan Keputusan (ESTK) turut diuruskan sepenuhnya melibatkan 12 pegawai bagi tujuan kenaikan pangkat dan persaraan.

PENGUKUHAN INTEGRITI

Bagi menyemai budaya integriti di kalangan warga kerja MPKS, Unit Integriti telah menganjurkan sebanyak 10 program integriti, termasuk Bicara Integriti, Ikrar Bebas Rasuah (IBR), lawatan kerja, dan kursus-kursus berkaitan. Jumlah ini melebihi sasaran tahunan sebanyak 4 program, menjadikan kadar pencapaian 250%.

Selain itu, sebanyak 17 hebahan dan perkongsian ilmu integriti telah dilaksanakan melalui edaran emel dan saluran rasmi jabatan, melebihi sasaran 12 kali setahun. Sambutan Hari Integriti Peringkat MPKS juga telah berjaya dianjurkan pada 29 November 2024 dengan pelbagai pengisian seperti Funwalk, Bicara Integriti, deklamasi sajak, dan bacaan ikrar.



PENGESANAN DAN PENGESAHAN

Sebagai langkah pencegahan awal, Unit Integriti telah melaksanakan ujian saringan urin ke atas 28 kakitangan secara rawak dengan hasil yang negatif. Di samping itu, beberapa tindakan pengesahan dan siasatan dalaman turut dilaksanakan berdasarkan aduan integriti yang diterima.

PENGURUSAN ADUAN INTEGRITI

Sebanyak 7 aduan integriti telah diterima sepanjang tahun 2024, dengan kesemuanya berjaya diselesaikan. Sumber aduan paling tinggi diterima adalah melalui emel dan media massa. Tindakan terhadap aduan ini merangkumi pengesahan dan pengesahan serta tindakan dalaman oleh jabatan terlibat.

PEMATUHAN INTEGRITI

Pemantauan kedudukan kewangan kakitangan yang berpendapatan bersih kurang daripada 40% daripada emolumen dilakukan sebanyak 12 kali, di mana tindakan pembetulan telah diambil termasuk pemberian surat tunjuk sebab, bimbingan AKRAB dan penyertaan kursus kewangan.

Selain itu, pemantauan pematuhan sistem kad perakam waktu (KPW) turut dijalankan setiap bulan. Sebanyak 100% laporan telah dihantar kepada Unit Integriti SUK dan tindakan pemulihan diambil ke atas kes-kes tidak patuh.

Aktiviti ‘mystery shopping’ juga dijalankan sebanyak lima kali untuk pemantauan waktu minum pagi dan enam kali bagi keberadaan pegawai di pejabat, melebihi sasaran asal empat kali setahun. Pemantauan mendapat sebahagian besar pegawai mematuhi waktu bekerja yang ditetapkan.

Naziran turut dijalankan meliputi semakan buku log kenderaan, pemantauan pakaian keselamatan (PPE), dan operasi bersepadu berasaskan aduan.

TATATERTIB

Sebanyak tiga Mesyuarat Lembaga Tatatertib (MLTT) telah diadakan sepanjang tahun, melibatkan lima kes. Tindakan susulan seperti pengeluaran surat pertuduhan, keputusan hukuman dan arahan tahan kerja telah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.



JADUAL RINGKASAN PENCAPAIAN

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Laporan SPRM (AIMS)	3 kali
Laporan Tatatertib	4 kali
SPAN 2.0	1 kali
Program Integriti	10 kali
Hebahan Ilmu	17 kali
Hari Integriti MPKS	1 kali
Saringan Urin	1 kali (28 orang)
Pemantauan Kewangan <40%	12 kali
Laporan <i>Thumbprint</i>	12 kali
<i>Mystery Shopping</i> – Minum Pagi	5 kali
<i>Mystery Shopping</i> – Keberadaan	6 kali
Naziran	3 kali
Hebahan Politik/ Hadiah / Kerja Luar	6 kali
Mesyuarat Lembaga Tatatertib	3 mesyuarat (2 kes)

PENUTUP

Keseluruhannya, Unit Integriti MPKS telah mencapai tahap prestasi cemerlang dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang digariskan untuk tahun 2024. Hampir kesemua aktiviti mencapai atau melebihi sasaran yang ditetapkan. Ini mencerminkan komitmen tinggi organisasi dalam memperkuuh budaya kerja berintegriti serta memastikan amalan tadbir urus terbaik sentiasa diamalkan.



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN Majlis Perbandaran Kuala Selangor **2024**

MAJLIS HI TEA BERSAMA BAKAL UMRAH MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2024

9 Januari 2024

Sehari selebar benang, lama-lama jadi sehelai kain. Hasil inisiatif Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi (KSKR MPKS) menganjurkan program Umrah dan melibatkan sembilan orang kakitangan MPKS melalui potongan gaji ibadah umrah bermula 24 Januari 2024 hingga 5 Februari 2024.

Para jemaah telah disantuni dan diraikan melalui Majlis Hi Tea bersama Tuan Mohamad Hanafe bin Batu, Yang Dipertua MPKS. Beliau turut menyampaikan amanat dan berkongsi pengalaman kepada peserta umrah MPKS 2024.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi, MPKS

LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG UNTUK SESI PERKONGSIAN UUK FI LESEN

10 Januari 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima lawatan rasmi daripada Unit Perundangan, Majlis Perbandaran Sepang yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Pengawalkuasa, Kompleks Sukan Kuala Selangor pada 10 Januari 2024.

Lawatan ini bertujuan untuk sesi perkongsian mengenai Undang-Undang Kecil Fi Lesen. Lawatan diketuai oleh Puan Norhazirah binti Md Desa, Pegawai Undang-Undang Unit Perundangan Majlis Perbandaran Sepang dan telah disambut oleh Cik Nurul Saadah binti A. Wahab, Ketua Unit Perundangan, MPKS.



Sumber : Unit Perundangan

SESI KUNJUNGAN HORMAT TELEKOM MALAYSIA (TM) TM ONE SELANGOR KE MPKS

10 Januari 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima sesi kunjungan hormat TM Technology Services Sdn. Bhd. yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Siantar, Ibupejabat MPKS pada 10 Januari 2024.

Lawatan dikurtai oleh Sheik Shahri Raza bin Bahrom, Penolong Pengurus Besar TM One Selangor dan telah disambut oleh Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Unit Teknologi Maklumat

AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015

11-12 Januari 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengekalkan pencapaian Sifar Ketidakpatuhan (0 NCR) menerusi Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

MPKS berharap dengan pensijilan semula ini akan menjadi "Morale Boost" kepada setiap Jabatan MPKS untuk menyediakan persekitaran perbandaran yang kondusif bagi pembangunan ekonomi hijau, pemeliharaan alam sekitar, warisan sejarah dan kehidupan berkualiti.



Sumber : Unit Koperasi dan Perhubungan Awam

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2024

15 Januari 2024

Telah berlangsung Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 bersama YAB Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin bin Shari dan Penjawat Awam Negeri Selangor bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz.

Di dalam majlis tersebut, MPKS turut menerima penghargaan menenuzi Kumpulan inovasi PIHARTA dan i-CORP yang mewakili Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ke pertadingan International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2023 yang telah berlangsung di Beijing, China.

Turut hadir ke majlis ini, Yang Berusaha Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan Yang Berusaha TPr Haji Mohamed Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Unit Koperasi dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU SAMPAH HARAM

17 Januari 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan operasi bersepadu sampah haram di Kampung Sri Sentosa pada 17 Januari 2024. Operasi ini dijalankan kerana terdapat aktiviti pembuangan sampah yang masih aktif di kawasan tersebut.

Punca aktiviti ini berterusan adalah disebabkan oleh pemilik tanah yang membenarkan pembuangan sampah di tanah milik mereka untuk mengurangkan kos tambakan tanah.

Operasi ini bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari melibatkan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor, Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Selangor, Air Selangor dan KDES Waste Management serta Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Konservasi dan Persekitaran

OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN

18 Januari 2024



Sumber : Jabatan Pengurusan

MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS PENGGAL 2024-2025

19 Januari 2024

Telah berlangsung Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) bagi Penggal Tahun 2024 hingga Tahun 2025 telah diadakan pada 19 Januari 2024 di bilik Mesyuarat Malawati, Ibu Pejabat MPKS.

Seramai 22 orang Ahli Majlis telah menyempurnakan upacara angkat sumpah di hadapan Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS. Pelantikan Ahli Majlis ini adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025. Tahniah kepada semua Ahli Majlis penggal 2024-2025 dan selamat berkhidmat untuk warga Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Pengurusan

LAMBAIAN UMRAH KSKR

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2024

23 Januari 2024



Sumber : Kabinet Sultan, Kabinet dan Bekalan MPPK

LAWATAN DELIGASI ISTERI KETUA MENTERI SABAH

29 Januari 2024



Sumber : Unit Aeronautik dan Perhubungan Awam

KUNJUNGAN HORMAT REHDA CAWANGAN SELANGOR

1 Februari 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima sesi kunjungan hormat daripada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Cawangan Selangor yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibupejabat MPKS pada 1 Februari 2024.

Lawatan diketuai oleh Datuk Zaini bin Yusoff, Pengurus REHDA Cawangan Selangor dan telah ditamput oleh Tuan Mohamed Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

TRAINING OF TRAINERS PEMENTORAN 2024 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

1-3 Februari 2024



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI PREMIS BESI BURUK

6 Februari 2024

Jabatan Pengawas MPKS telah menjalankan operasi bersepadan premis barang basah di Simpang Empat Jeram. Operasi ini bertujuan sebagai pengawasan terhadap premis barang basah yang tidak berlesen yang beroperasi di daerah Kuala Selangor dan sebagai langkah kawalan terhadap urusan jual beli besi, kabel dan logam tanpa lesen.



Sumber : Jabatan Pengawas

KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA

8 Februari 2024

Perasmian Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Peringkat Daerah Kuala Selangor sempena sambutan Tahun Baru Cina 2024 oleh Tuan Mohd Raiz bin Radzuan, Pegawai Daerah Kuala Selangor yang telah berlangsung pada 8 Februari 2024 di Plaza Tol Ijok, Lebuhraya LATAR.

Kempen ini bertujuan untuk menyampaikan nasihat dan kesedaran kepada para pengguna jalan raya agar sentiasa memandu secara berhemah dan berhati-hati. Dalam masa sama, turut diberikan buah tangan kepada para pengguna jalan raya yang ditaja oleh Lebuhraya LATAR.

Turut hadir, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan YDH Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail, Dato' Penggawa Pematang Paduk Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korpri dan Perhubungan Awam

PERHIMPUNAN PAGI BIL. 1/2024

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

14 Februari 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 1/2024 yang telah dihoskan oleh Unit Pesuruhjaya Bangunan, Unit Pusat Setempat dan Unit Audit Dalam serta Unit Penyelesaian dan Ukar Bahan di Dewan MPKS Bandar Baru, Kuala Selangor.

Ucapan-perhimpunan ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan ucapan aluan telah disampaikan Yang Berusaha, Sr. Muhammad Zul Fiqah bin Omar, Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan.

Turut berlangsung penyampaian hadiah kecemerlangan peperiksaan oleh anak-anak kakitangan MPKS dan penyampaian hadiah pertandingan inovasi MPKS 2023. Dalam masa yang sama, penyampaian cenderahati kepada kakitangan MPKS yang bakal bersara.



Bunbur : Unit Pesuruhjaya Bangunan, Unit Pusat Setempat dan Unit Audit Dalam serta Unit Penyelesaian dan Ukar Bahan

OPERASI BERSEPADU BURUNG WALIT

15 Februari 2024



Bunbur : Jabatan Pengangkutan

MALAM ANUGERAH PENARAFAN BINTANG JMB/ MC TAHUN 2023 (MALA)

17 Februari 2024

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKS telah menganjurkan Malam Anugerah JMB/MC Tahun 2023 di Courtyard by Marriott, Setia Alam pada 17 Februari 2024.

Majlis ini diadakan bertujuan sebagai tanda penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh JMB/MC Ejen Pengurusan dalam mengurus dan menyelenggara dengan baik bangunan berstrata di dalam kawasan daerah Kuala Selangor. Selain itu, turut diadakan penyampaian Anugerah K-Inovasi Skim Strata MPKS tahun 2022 dan Anugerah Skim Strata Terbaik serta anugerah-anugerah lain bagi kategori pengurusan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS. Turut hadir, TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan

KURSUS KESELAMATAN DOKUMEN TERPERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2024

21-23 Februari 2024



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 ZON TENGAH

23-25 Februari 2024

Daerah Kuala Selangor menjadi tuan rumah kedua Siri pengajuran Program Madani Rakyat 2024 yang telah berlangsung di Kompleks Sukan Kuala Selangor. Pelbagai pameran dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan termasuk MPKS yang telah membuka kaunter Hari Bertemu Pelanggan Siri 1/2024.

Majlis perasmian penutup Program Madani Rakyat 2024 Zon Tengah di yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor.



Sumber : Unit Koperasi dan Perhubungan Awam

KURSUS PENGUKUHAN AKRAB BERSAMA ANAK ANGKAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

28 Februari 2024



Sumber : Jataan Khidmat Pengurusan

PROGRAM ZIARAH DYMM. SULTAN SELANGOR KE MAKAM DIRAJA BUKIT MALAWATI

1 Mac 2024

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan menziarahi Makam Diraja Bukit Malawati pada 1 Mac 2024.

Baginda turut berkenan berangkat ke Masjid Raja Lumu, Kuala Selangor untuk menuaikan solat jumaat. Turut sama mengiringi, Yang Berusaha Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan ketua-ketua Jabatan dalam daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korpri dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU PASAR MALAM SAUJANA UTAMA

6 Mac 2024



Sumber : Jabatan Pengurusan

MESYUARAT AGUNG KALI KE-33

KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI, MPKS

7 Mac 2024

Kelab Sukan, Kebajikan Dan Rekreasi MPKS telah mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke-33 untuk sesi pemilihan jawatankuasa baharu. Tahniah diucapkan kepada Encik Jefree bin Ab Manaf, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS yang telah dipilih sebagai Presiden KSKR, MPKS bagi sesi 2024-2026. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Pengurus, Encik Anuwaa Bin Mohamed Jalani dan ahli jawatankuasa yang telah memimpin dan menjalankan amanah sepanjang sesi lalu.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi, MPKS

KURSUS PENGUKUHAN TUNTUTAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN MENURUT AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 8-9 Mac 2024



Sumber : Jabatan Perhambahan

AUDIT DALAMAN EKSA

11 Mac 2024



Sumber : Unit Kepentingan dan Perhubungan Awam

LAWATAN TEKNIKAL MPKS KE TM ONE KLANG VALLEY DATA CENTER (KVDC), CYBERJAYA

11 Mac 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan lawatan teknikal ke TM ONE Klang Valley Data Center (KVDC), Cyberjaya. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan perkongsian maklumat tentang pembangunan "command center" dan bandar pintar.

Lawatan ini telah diketuai oleh Puan Wan Nurulhasna binti Wan Ab Aziz, Pegawai Teknologi Maklumat MPKS serta beberapa jabatan yang berlibat. Dalam sesi lawatan tersebut, MPKS telah diberi penerangan mengenai Pembangunan Bandar Pintar oleh Ts. Md Farabi Yussoff bin Md Yussoff.



Sumber : Kementerian Komunikasi

OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN BAZAR RAMADAN DAERAH KUALA SELANGOR

Sepanjang Bulan Ramadhan



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Penyakitans

PROGRAM TADARUS AL-QURAN 2024

19 Mac 2024

Sempena bulan Ramadan ini, Biro Kerohanian Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi MPKS menjalankan program Tadarus Al-Quran MPKS 2024 di ruangan kerja jabatan masing-masing, Ibupejabat MPKS.

Program ini menjadi tradisi wajib oleh kakitangan MPKS setiap kali memasuki bulan Ramadan dan peserta yang terlibat bakiul melempangkan bacaan 30 juzuk Al-Quran. Aktiviti ini berlangsung bermula 7 hingga 16 Ramadan.



Sumber : Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi, MPKS

MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADAN) D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA 1445H SERTA PERASMIAN MASJID JAMEK AT-TUQO, DAERAH KUALA SELANGOR

21 Mac 2024

Duli Yang Maha Mulia, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada asnaf fakir miskin daerah Kuala Selangor pada majlis perasmian Masjid Jamek At-Tuqo di Kampung Sungai Sireh, Tanjung Karang pada 21 Mac 2024.

Keberangkatan Baginda diliringi Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah disambut Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari.

Turut hadir Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan TPr. Haji Mohamad Yusli Bin Askandar, Setiausaha MPKS.




Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS MAHABBAH RAMADHAN MADANI YAB. DATO' SERI AMIRUDIN SHARI DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

22 Mac 2024

Majlis Mahabbah Ramadhan Madani YAB Dato' Seri Amirudin Shari bersama Penjawat Awam Negeri Selangor 2024, bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz. Turut hadir Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan Ketua-Ketua Jabatan/ Unit MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

MAJLIS BERBUKA PUASA AHLI MAJLIS DAN KUMPULAN PENGURUSAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

25 Mac 2024



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BIL. 6/ 2024

27 Mac 2024

Unit Pusat Setempat (DSC) Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Bil. 6/ 2024 di Hotel Impiana KLCC. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan dihadiri oleh Agensi Teknikal Dalamran (ATD) dan Agensi Teknikal Luaran (ATL).

Mesyuarat ini adalah bagi membuat pertimbangan dan keputusan permohonan-permohonan pelan pemaju/pembangunan yang dilengkukakan pemaju/pemilik/pengusaha di daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Pusat Setempat

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PENDAYUNG SANTUARI KELIP-KELIP KG. KUANTAN

29 Mac 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor menerusi Unit Pelancongan MPKS telah menganjurkan Majlis Berbuka bersama para pendayung Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan di SKCC, Shah Alam.

Majlis ini diadakan bertujuan sebagai penghargaan dan berkongsi rezeki kepada para pendayung yang menjadi nadi utama di dalam operasi Pusat Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan untuk membawa pelancong dari dalam dan luar negara menerokai pemandangan indah cahaya kelip-kelip pada waktu malam.

Seramai 35 orang pendayung telah diraikan pada majlis ini dan mereka turut menerima sumbangan tunai aidilfitri dan cenderahati yang telah disampaikan oleh Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : UNIT PELANCONGAN

TAUTAN KASIH RAMADAN KOMUNITI STRATA 2024 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

30 Mac 2024

Unit Peruruhjaya Bangunan (CO8) Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Program Tautan Kasih Ramadan Komuniti Strata 2024 pada 30 Mac 2024 di Eco Grandeur Hall, Puncak Alam.

Seramai 30 orang penerima daripada keluarga asnaf dalam kalangan komuniti strata telah diraikan melalui penyampaian sumbangan baki makanan dan wang tunai bagi persiapan Aidilfitri yang bakal menjelang tiba serta majlis berbuka puasa. Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Sebausaha MPKS.



Sumber : UNIT PERURUHJAYA BANGUNAN

BAZAR RAYA #RUMPUN SELANGOR

1-8 April 2024

Telah berlangsung Majlis Perasmian Bazar Raya Rumpun Selangor 2024 di Parkir Terminal Bas Bandar Malawati Kuala Selangor pada 6 April 2024.

Pelaksanaan program Bazar Raya Rumpun Selangor ini adalah cetusan ilham Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan merupakan projek nirtis kepada penganjuran Bazar Raya Rumpun Selangor yang lebih meriah dan besar pada tahun hadapan. Selama 8 hari penganjuran, sasaran seramai lebih 6 ribu pengunjung berjaya dicapai.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Haji Rizam bin Haji Ismail, Pengurus Jawatankuasa Tetap, Kemajuan Desa, Luar Bandar dan Kemampunan Kampung Tradisi Negeri Selangor. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Yang Berusaha Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

WORLD #QURANHOUR

4 April 2024

Warga Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) turut sama membaca dan menghayati surah Al-Jumu'ah sempena Program World Quran Hour pada 4 April 2024 bersamaan 24 Ramadan 1445H.



Sumber : Unit Koperasi dan Perhimpunan Awam

PERHIMPUNAN PAGI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BIL.2/ 2024

5 April 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 2/2024 yang telah dihoskan oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran di Dewan Sri Siantan, MPKS.

Ucaptama perhimpunan ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Tuan Mohammad Hanafi bin Baoni, Yang Dipertua MPKS dan beliau telah melancarkan Tabung Kemanusiaan Selangor Prihatin MPKS untuk menyampaikan bantuan kepada umat Islam di Palestin.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh Yang Berusaha, Enok Jefreee bin Ab Manaf, Pengarah Kesihatan Persekitaran MPKS. Perhimpunan ini turut dihadiri oleh Setiausaha MPKS, TPr. Haji Mohamed Yusli bin Aakandar, ketua-ketua jabatan/unit dan kakitangan MPKS.



MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA KP32 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

17 April 2024



SUMBANGAN MANGSA BANJIR OLEH PERDANA MENTERI

19 April 2024



JOM BACA BERSAMA “BACA DAN BAHAGIA”

23 April 2024

Warga MPKS turut serta dalam Program Jom Baca 10 Minit pada hari ini, 23 April 2024. Berbentukkan “Pembacaan Melestarikan Dunia”, Program Jom Baca 10 Minit ini merupakan satu usaha untuk memupuk budaya membaca dan berilmu dalam kalangan rakyat Malaysia.



Sumber : UNIT Koperasi dan Perkhidmatan Awam

LAWATAN PELAJAR KURSUS REGIONAL LANDSCAPE PLANNING, UITM

24 April 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima lawatan akademik dan mengadakan sesi taklimat kepada para pelajar berkaitan keperluan kerja Kursus Regional Landscape Planning, Universiti Teknologi MARA yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibupejabat MPKS pada 24 April 2024.

Lawatan ini bertujuan untuk sesi perkongsian mengenai pelaksanaan Kajian Inventori bagi keperluan Pembangunan Pelan Induk Lanskap Kuala Selangor dan mendapatkan maklumat berkaitan Rancangan Tempatan MPKS.



Sumber : Jabatan Landskap

KURSUS INDUKSI AHLI MAJLIS BAGI TAHUN 2024

2 Mei 2024



Sumber : Jabatan Khidmat Penjurusan

OPERASI PENGUATKUASAAN AKTA JALAN PARIT DAN BANGUNAN 1974 DI PUNCAK ALAM

8 Mei 2024



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

LAWATAN TEKNIKAL KE “COMMAND CENTRE” DI MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

10 Mei 2024



Sumber : Unit Teknologi Maklumat

MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS 2024

11 Mei 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima Honour Award bagi kategori Green Initiatives kawasan Pekan Lama Kuala Selangor sempena Anugerah Malaysia Landscape Architecture Award (MLAA14) Tahun 2024 di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur.

Proses rejuvenasi Pekan Lama Kuala Selangor bermula melalui penubuhan "pasukan khas" dalam mengenalpasti ruang dan penambahbaikan untuk pembangunan Pekan Lama Kuala Selangor selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan. LAr. Norazean binti Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Landskap MPKS hadir menerima anugerah tersebut bagi pihak MPKS. Tahniah diucapkan.



Sumber : Jabatan Landskap

MAJLIS LAMBAIAN HAJI DAN DOA SELAMAT YANG DIPERTUA MPKS

14 Mei 2024



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi

OPERASI MEDAN SELERA KM1 KUALA SELANGOR

15 Mei 2024



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

15 Januari 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKS 2023 pada 17 Mei 2024 di Ballroom 1 Plaza, Kuala Selangor. Majlis ini diadakan bertujuan untuk menghargai jasa dan kerja keras kakitangan MPKS yang berkhidmat cemerlang sepanjang tahun 2023.

Seramai 35 orang daripada pelbagai Jabatan dan Unit MPKS menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 dan penghargaan jasamu dikenang kepada 5 orang kakitangan yang telah bersara.

Dalam masa yang sama, penyampaian Anugerah Khas Yang Dipertua kepada atlet sukan yang memperolehi kejayaan di Sukan SEA 2023 iaitu Encik Saiful Bahri bin Musmin dan Encik Amirol Mukminin bin Mohd Dali.

Selain itu, penyampaian penghargaan kepada kumpulan PEHARTA dan kumpulan iCorp yang mewakili Malaysia dan berjaya merangkul 2 anugerah emas sempena International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) 2023 yang berlangsung di Beijing, China.

Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan hadir sama Yang Dipertua MPKS, Yang Berusaha Tuan Mohamad Hanafe bin Basri.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PEMBUKAAN AUDIT PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2023

23 Mei 2024



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

HARI LANDSKAP NEGARA 2024

24 Mei - 2 Jun 2024



Sumber : Jabatan Landskap

OPERASI PREMIS MAKANAN DI PASIR PENAMBANG

29 Mei 2024

Jabatan Kesihatan dan Persekutuan, Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan pemantauan kebersihan premis makanan di premis-premis makanan sekitar Pasir Penambang pada 29 Mei 2024.

Pemantauan ini bertujuan bagi mengekalkan tahap kebersihan premis makanan di dalam daerah Kuala Selangor di tahap yang lebih baik dan mencapai gred A. Dalam masa yang sama, khidmat nasihat turut diberikan kepada pemilik premis makanan mengenai penambahbaikan kebersihan premis masing-masing.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekutuan

KURSUS PENGURUSAN ASET, KEMAHIRAN KOMUNIKASI ETIKA PENJAWAT AWAM

29 Januari 2024



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

LAWATAN KE PRODUK PELANCONGAN, AL-IMAM AL-ALLAMAH PROF. DR. ALI JUM'AH

2 Jun 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

PENGAUDITAN PENGURUSAN BEKALAN AYAM NEGERI SELANGOR

4-6 Jun 2024



KURSUS AUDIT DALAM MS ISO 9001:2015

1-3 Februari 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

PERHIMPUNAN PAGI BIL. 3 / 2024

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

13 Jun 2024



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PELAKSANAAN PENGHAKIMAN

WRIT PENYITAAN DAN PENJUALAN

13 Jun 2024



Sumber : Unit Perundangan

PROGRAM KORBAN 2024

19 Jun 2024

Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi MPKS telah menganjurkan Program Korban 2024 Majlis Perbandaran Kuala Selangor yang berlangsung pada 19 Jun 2024 (Rabu) di Ibu Pejabat MPKS.

Aktiviti ini merupakan acara tahunan KSKR MPKS dan sebanyak 4 ekor lembu telah berjaya dikorbankan. Daging korban telah diagihkan kepada kakitangan MPKS dan asnaf fakir miskin kariah Masjid Raja Lumu dan Masjid Sultan Ibrahim. Ucapan terima kasih kepada para peserta yang menyumbang untuk ibadah korban pada tahun ini.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi, MPKS

ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) 2024 PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR

26 Jun 2024

Telah berlangsung sesi penilaian awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2024 Peringkat Daerah Kuala Selangor di Dewan MPKS Bandar Baru Kuala Selangor pada 26 Jun 2024.

Sesi penilaian ini melibatkan 21 kumpulan terdiri daripada sektor awam, institusi pengajian tinggi, sekolah dan swasta serta akar umbi. Selamat maju jaya diucapkan kepada para peserta.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

LAWATAN KERJA KE MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG BERKENAAN SISTEM E-SIM 26 Jun 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Selayang pada 26 Jun 2024. Lawatan ini diketuai oleh Yang Berusaha Puan Liliana binti Ahmad, Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPKS bertujuan untuk perkongsian ilmu mengenai pelaksanaan sistem sekatan e-SIM di Majlis Perbandaran Selayang.

Delegasi lawatan telah disambut oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS dan Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Pengarah Perbendaharaan MPS serta para Pengarah Jabatan dan wakil dalaman MPS.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

FAM TRIP SILANG PROMOSI PELANCONGAN CHINA - MALAYSIA

26 Jun 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

KURSUS AMALAN EKSA 2024 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2024

27-29 Jun 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

OPERASI KEBERSIHAN PASAR AWAM TG. KARANG DAN PASIR PENAMBANG

2-3 Julai 2024



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

HARI BERSAMA MEDIA 2024

5 Julai 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

GAGASAN RUMPUN SELANGOR DAERAH KUALA SELANGOR

10-12 Julai 2024

Merafak Sembah dan Menjunjung Kasih Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor Berkenan Berangkat ke Daerah Kuala Selangor Sempena Program Gagasan Rumpun Selangor Daerah Kuala Selangor pada hari Khamis, 10 hingga 12 Julai 2024 bersamaan 4 - 6 Muharram 1446H



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

MALAM ANUGERAH PLATFORM SELANGOR 2024

12 Julai 2024

Kerajaan Negeri Selangor meraikan peserta-peserta Usahawan Platform Selangor siri pertama dalam Malam Anugerah Platform Selangor MAPS2024 di Sunway Resort Hotel, Subang Jaya.

2 peserta daripada daerah Kuala Selangor telah dipilih untuk menjadi peserta terbaik berdasarkan pencapaian mereka sepanjang menjalani Program Latihan Pembangunan Usahawan PLATS (U-PLATS Digital) mewakili MPKS.

Penerima anugerah adalah Nurul Shahidah binti Masjudi, Anugerah Pemerkaasan Wanita dan Muhamad Haziq Bin Ramli, penerima Anugerah Site Visit 12 peserta terbaik. Selain itu, MPKS turut menerima Penghargaan Rakan Sinergi pada malam anugerah tersebut. Majlis telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari.



Sumber : Jabatan Pelesehan

LAWATAN PENANDAARASAN PELANCONGAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM KE MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

17 Julai 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima lawatan rasmi Majlis Daerah Sabak Bernam pada 17 Julai 2024 di Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Lawatan ini diketuai oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Azreen bin Ariffin, Setiausaha Majlis Daerah Sabak Bernam bertujuan untuk perkongsian maklumat mengenai perancangan dan strategi menjadikan pelancongan sebagai salah satu hasil kewangan kepada MDSB.

Delegasi lawatan telah disambut oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha Majlis Perbandaran Kuala Selangor dan sesi taklimat telah disampaikan oleh Puan Norrini binti Mohd Ladzim, Ketua Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

BENGKEL PENCAPAIAN SETENGAH TAHUN SASARAN KERJA TAHUNAN DAN KAJIAN SEMULA BAJET 2024

18-20 Julai 2024



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN DI JERAM

18 Julai 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran di sebuah kilang terletak di kawasan Tambak Jawa, Jeram pada 18 Julai 2024.

Operasi ini dijalankan hasil maklumat penduduk dan risikan Jabatan Pengurusan MPKS mengenai kacauganggu bau dan pencemaran hasil aktiviti mencuci tong minyak. Operasi ini bermula pada jam 9.30 pagi berakhir pada jam 1.30 tengah hari melibatkan 37 anggota/ kakitangan dijalankan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Air Selangor dan Tenaga Nasional Berhad.



Sumber : Jabatan Pengurusan

LAWATAN “FAMILIARISATION TRIP”

PERSATUAN MATTA SELANGOR CHAPTER BERSAMA TOURISM SELANGOR

25 Julai 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima kunjungan sempena lawatan Familiarisation Persatuan MATTA Selangor Chapter Bersama Tourism Selangor pada 25 Julai 2024 di Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Lawatan ini bertujuan memberi pengalaman kepada wakil-wakil agensi pelancongan bagi tujuan promosi dan penyediaan pakej pelancongan Negeri Selangor. Seramai 45 peserta terlibat di dalam lawatan ini terdiri daripada wakil-wakil agensi pelancongan.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

TAKLIMAT KES UNDANG-UNDANG BERKENAAN CUKAI TAKSIRAN

DAN PENDAKWAAN TEKNIKAL MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

25 Julai 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Taklimat Kes Undang-Undang Berkenaan Cukai Taksiran dan Pendakwaan Teknikal MPKS Tahun 2024 pada 25 Julai 2024 bertempat di Courtyard by Marriott, Setia Alam.

Penyertaan seramai 80 orang peserta melibatkan 11 PBT di Negeri Selangor dan taklimat ini dilaksanakan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan kes mahkamah yang telah diputuskan sebagai rujukan serta panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut bidang masing-masing dengan lebih baik.

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Faiz bin Abd Rahim, Peguambela dan Peguamcara daripada Tetuan Rastam Singa & Co dan Encik Khairul Nizam bin Abd Razak Peguambela dan Peguamcara daripada Tetuan Khairul Suhail Salwa & Co.



Sumber : Unit Perundangan

BENGKEL AKTIVITI PERNIAGAAN TANPA KEBENARAN VERSI 2.0

26-28 Julai 2024

Jabatan Pelesenan, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Bengkel Aktiviti Perniagaan Tanpa Kebenaran Versi 2.0 pada 26-27 Julai 2024. Bengkel ini dijalankan melibatkan ketua-ketua jabatan MPKS dan wakil daripada Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor.

Objektif pelaksanaan adalah untuk memantapkan kemahiran petugas-petugas 'task force' program pemutihan aktiviti perniagaan tanpa kebenaran dengan menambah baik garis panduan yang sedia ada melalui isu dan masalah yang dikenalpasti selain daripada penyeragaman tindakan.



Sumber : Jabatan Pelesenan

KEM INSPIRASI REMAJA 2024 “REMAJA PEWARIS MASA DEPAN NEGARA”

26-28 Julai 2024

Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan program Kem Inspirasi Remaja MPKS 2024 yang bertemakan "Remaja Pewaris Negara" pada 26-28 Julai 2024 di Kampung Janda Baik, Pahang.

Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para remaja bagaimana untuk menjalani kehidupan yang bakal ditempuhi oleh remaja selepas tamat pengajian.

Kem ini merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh MPKS dan seramai 40 orang peserta terdiri daripada pelajar Selangor Technical Skills Development Centre (STDC), INTRA International College Kuala Selangor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjung.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

SIMPOSIUM PENGURUSAN STRATA KELAS PERTAMA 2024

1 Ogos 2024

Penganjuran Simposium Pengurusan Strata Kelas Pertama ini bertujuan sebagai salah satu medium kepada JMB/MC, pengurusan hartaan dan pemaju bagi meningkatkan kompetensi dalam melaksanakan program kediaman berstrata yang lebih teratur dan mengikut undang-undang yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

Simposium ini telah disertai seramai 150 peserta dari pelbagai agensi seluruh negara dan majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan & Pembangunan Bandar Lestari, Kebudayaan, Adat Istiadat Melayu & Warisan. Turut hadir, Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

PROGRAM PENYERAHAN SURAT KELULUSAN DAN AKU JANJI SERTA TAKLIMAT KEPADA PENJAJA DI TAPAK PENJAJA PUNCAK BESTARI

2 Ogos 2024

Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Program Penyerahan Surat Kelulusan Penjaja pada 2 Ogos 2024 di Dewan MPKS, Puncak Alam.

Penyerahan permit perniagaan ini melibatkan 30 orang penjaja adalah susulan pemindahan penjaja tanpa kebenaran di Pusat Perniagaan Eco Grandeur, Puncak Alam ke Tapak Penjaja Puncak Bestari (hadapan Lotus Puncak Alam dan 9 lokasi yang ditawarkan oleh MPKS).

Turut berlangsung, sesi taklimat kebersihan tapak penjaja dan pengendalian makanan oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS, taklimat berkaitan Halal oleh Jabatan Agama Islam Selangor dan taklimat mengenai PLATS oleh Platform Selangor.



Sumber : Jabatan Pelesenan

KEJOHANAN BOLA JARING TERBUKA DAN TERTUTUP WANITA PIALA YDP MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2024

3 Ogos 2024



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PENILAIAN AKHIR ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR 2024

8 Ogos 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

KUNJUNGAN HORMAT AHLI PARLIMEN TG. KARANG

8 Ogos 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT

SEMPENA HARI ULANG TAHUN KE-3 PERBANDARAN KUALA SELANGOR

9 Ogos 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

EDARAN PULUT KUNING

SEMPENA HARI ULANG TAHUN KE-3 PERBANDARAN KUALA SELANGOR

9 Ogos 2024

Sempena meraikan kesyukuran Hari Ulang Tahun Ke-3 Perbandaran Kuala Selangor 2024, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah membuat edaran pulut kuning kepada kariah Masjid Raja Lumu, Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Masjid Ar-Raudhah dan Masjid Puncak Alam serta Masjid Saujana Utama. MPKS memohon doa agar sentiasa diberikan keberkatan dalam memberi perkhidmatan warga Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

SUKAN KAKITANGAN MPKS 2024 “INDOOR GAME”

10 Ogos 2024



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi

PERTANDINGAN BINTANG ASLI REMAJA DAERAH KUALA SELANGOR

10 Ogos 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Pertandingan Bintang Asli Remaja Peringkat Daerah Kuala Selangor 2024 pada 10 Ogos 2024, jam 9.00 malam di Dataran Malawati, Kuala Selangor.

Pertandingan ini bertujuan untuk pencarian bakat-bakat baharu dalam nyanyian lagu klasik untuk mewakili daerah Kuala Selangor ke Peringkat Negeri Selangor di Festival Selangor@Batu Laut. Seramai 11 peserta yang berumur 25 tahun ke bawah telah menyertai pertandingan ini iaitu 7 peserta lelaki dan 4 peserta wanita. Hadiah telah disampaikan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

SESI PENDENGARAN BANTAHAN SENARAI NILAIAN BARU MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

12-16 Ogos 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan sesi pendengaran bantahan senarai nilai baru MPKS melibatkan 11 sesi di Dewan MPKS Bandar Baru dan Dewan Saujana Utama pada 16 Ogos 2024. Sesi pendengaran telah dipengerusikan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS. Sesi ini diadakan bertujuan mendengar bantahan dari pemilik harta sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171).



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

PENGAUDITAN PENILAIAN TEKNIKAL PEMATUHAN GARIS PANDUAN PASAR SEJAHTERA DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

13 Ogos 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima lawatan Penilaian Teknikal Pematuhan Garis Panduan Garis Panduan Pasar Sejahtera di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh Jabatan Kerajaan Tempatan melalui Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum (BPKU) pada 13 Ogos 2024 di Pasir Penambang.

Tujuan lawatan adalah untuk menilai pematuhan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas Garis Panduan Pasar Sejahtera di kawasan PBT sepertimana Pekeliling KSU KPKT Bil. 2 Tahun 2021. Skop audit adalah merangkumi aspek reka bentuk, pengurusan, penyenggaraan, kesihatan dan keselamatan di pasar.



Sumber : Unit Audit Dalam

PROGRAM SAHSIAH REMAJA PINTAR 2.0

19-20 Ogos 2024

Program ini melibatkan pelajar dari 9 buah sekolah rendah di sekitar Mukim Tanjong Karang dan sebuah sekolah rendah di Mukim Ijok. Objektif program adalah untuk memberi pengetahuan, kefahaman, kesedaran dan kemahiran tentang pendidikan pencegahan dadah. Selain itu dapat membantu pelajar untuk mengetahui faktor risiko dan faktor pelindung di persekitarannya, serta mempelajari kemahiran asertif.

Program ini anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Kuala Selangor dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor & Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

OPERASI PENCEMARAN ALAM SEKITAR

20 Ogos 2024

Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan operasi bersepadu pencemaran alam sekitar di Jeram pada 20 Ogos 2024. Operasi ini dijalankan berikutan terdapat sebuah tangki simpanan minyak masak terpakai yang mengalami kebocoran dan tumpahan tersebut mengalir ke saliran parit berhampiran.

Operasi bersepadu ini melibatkan 28 anggota bermula pada jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Penguatkuasa

BICARA INTEGRITI 2024

21 Ogos 2024

Unit Integriti, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Bicara Integriti 2024 – Beratnya Sebuah Amanah di Dewan Sri Siantan, Ibu Pejabat MPKS pada 22 Ogos 2024, jam 10.00 pagi.

Sesi bicara telah disampaikan oleh Ustazah Isfadiah binti Mohd Dasuki dan seramai 150 peserta terlibat secara fizikal serta dalam talian. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Unit Integriti

LAWATAN PANEL PENILAI SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2024

21 Ogos 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima Lawatan Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu Pejabat MPKS.

Seramai 7 orang panel telah hadir untuk melaksanakan penilaian SPB-PBT dan kunjungan ini diketuai oleh En Mohammad Khatib @ Fazri bin Amran, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Perbandaran dan Aduan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

MPKS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga MPKS atas komitmen tinggi yang diberikan dalam setiap aspek penilaian yang dilakukan. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kesemua panel penilai yang terlibat.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

“PROGRAM MALAR HIJAU” PENYEMAIAIN 33333 BENIH POKOK BEREMBANG BAGI MENCIPTA REKOD BAHARU DALAM THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

25 Ogos 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dengan kerjasama Petron Malaysia dan Tourism Selangor telah menganjurkan program “Malar Hijau” semaihan 33,333 anak benih pokok berembang pada 25 Ogos 2024 di Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif Petron Malaysia dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dalam memelihara dan memulihara kawasan hijau terutamanya kawasan Santuari Kelip-Kelip, Kampung Kuantan yang merupakan kawasan pembiakan habitat terbesar koloni Kelip-Kelip. Program murni ini telah disempurnakan oleh Y.B. Puan Jamaliah Jamaluddin, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Alam Sekitar, Perubahan Iklim & Teknologi Hijau Negeri Selangor.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

PROGRAM TAKLIMAT DAN AKU JANJI SERTA SESI UNDIAN PETAK TAPAK PASAR MALAM PUNCAK ALAM

26 Ogos 2024

Jabatan Pelesenan, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan sesi taklimat dan undian tapak Pasar Malam Puncak Alam (Rabu dan Sabtu) pada 26 Ogos 2024 di Dewan MPKS Puncak Alam.

Sebanyak 250 tapak terlibat di dalam undian ini dan Tapak Pasar Malam Puncak Alam akan berpindah ke lokasi baharu bersebelahan Pangsapuri Danau Perintis dan Duta Perintis Alam Suria. Turut berlangsung, sesi taklimat berkenaan kebersihan tapak pasar malam dan taklimat berkenaan Platform Selangor.



Sumber : Jabatan Pelesenan

SESI LAWATAN TAPAK AINS-SA BAGI PROGRAM ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

3 September 2024



SESI DIALOG BAJET 2025 MPKS

5 September 2024

UCAPAN ALAM
TUAN YANG DIERATUA
MAJLIS PERBANDARAN
KUALA SELANGOR



Senarai - Jelutan Perhutungan

BENGKEL PENDAKWAAN DAN PENGKOMPAUNAN KESALAHAN AKTA 757

6-7 September 2024



Senarai - ERL Perhutungan Bangunan

KONVOI BURU KING MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2024

7 September 2024



BENGKEL PEMANTAPAN IMEJ PROFESIONAL DAN E-TIKET SOSIAL DARI PESONA KARISMA EVENT PLANNER

10 September 2024



OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN DI IJOK

11 September 2024

Jabatan Pengawalquerjaan, MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran di dua lokasi iaitu di Taman Perindustrian Bukit Badong dan di Jalan Kandar, Kampung Harmoni pada 11 September 2024. Operasi ini dijalankan berikutan kilang kitar semula e-waste yang beroperasi melakukan kacauanggaru bau dan alam sekitar. Operasi ini melibatkan 60 orang anggota dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan dan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor.



SESI PENILAIAN PERTANDINGAN KEBUN KOMUNITI 2024

12 September 2024



OPERASI PUSAT HIBURAN DI KAMPUNG API-API

13 September 2024



KEM SAHSIAH REMAJA 2024

13-15 September 2024

MPKS telah berkolaborasi bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor mengadakan Kem Sahsiah Remaja 2024 pada 13-15 September 2024 di Nur Laman Bestari Eco Resort, Batu Caves. Program ini melibatkan 68 orang pelajar institusi pengajian tinggi daripada daerah Kuala Selangor dan Hulu Selangor dan 20 orang facilitator Program Sihat Tanpa AIDS untuk Remaja (PROSTAR) bertujuan menggerakkan remaja Malaysia yang berumur 13 hingga 25 tahun sebagai Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ke arah Hidup Sihat Tanpa AIDS.



OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN

18 Januari 2024



Sumber : Jabatan Pengurusan

MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS PENGGAL 2024-2025

19 Januari 2024

Telah berlangsung Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) bagi Penggal Tahun 2024 hingga Tahun 2025 telah diadakan pada 19 Januari 2024 di bilik Mesyuarat Malawati, Ibu Pejabat MPKS.

Seramai 22 orang Ahli Majlis telah menyempurnakan upacara angkat sumpah di hadapan Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS. Pelantikan Ahli Majlis ini adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025. Tahniah kepada semua Ahli Majlis penggal 2024-2025 dan selamat berkhidmat untuk warga Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

SEMINAR KEUSAHAWANAN "MEMBANGKIT SEMANGAT USAHAWAN BERJAYA" 2024

18 September 2024

MPKS telah menganjurkan Seminar Keusahawanan "Membangkit Semangat Usahawan Berjaya" 2024 di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor pada 18 September 2024. Seminar ini melibatkan 65 orang peserta dan dianjurkan bertujuan membimbing dan membantu peniaga/ usahawan mengenai teknik dan cara menjalankan perniagaan dengan lebih berkesan.

Seminar telah disampaikan oleh Encik Mohd Aslam bin Mohammad, Jurulatih Profesional ASL Training and Consultancy Sdn. Bhd. Ucaptama Perasmian telah disampaikan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha Majlis Perbandaran Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

SEMINAR WANITA 2024 "JOM CEGAH KANSER"

19 September 2024

MPKS telah menganjurkan Seminar Wanita "Jom Cegah Kanser" 2024 di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor pada 19 September 2024 (Khamis), jam 8.00 pagi. Seminar ini melibatkan 130 orang peserta dan objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran tentang kanser kepada peserta.

Ucaptama perasmian telah disampaikan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Seminar ini disampaikan oleh Dr. Siti Aishirah Baharuddin, Pakar Perubatan Keluarga (FMS) dan Puan Zuraini binti Kamal, Pengurus Kumpulan Sokongan Cancer Survivors Malaysia.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

SIRI KONVOI #JOM SANTAI KUALA SELANGOR KE NEGERI MELAKA

21-22 September 2024

MPKS merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) yang telah menyambut konvoi Jom Santai Kuala Selangor dan tiba di Dataran Bandaraya MBMB pada 21 September 2024. YBhg. Datuk Hj. Shadon bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB telah menyambut mesra para peserta konvoi. Delegasi MPKS telah diketuai oleh Pn. Normini binti Mohd Ladizim, Ketua Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam, MPKS.

Sempena konvoi ini, MPKS turut membawakan hadiah eksklusif menerusi aktiviti kuiz untuk para pengunjung di tiga lokasi tumpuan pelancong di sekitar Zoo Melaka, Pantai Kelebang dan Muzium Samudera. Siri konvoi ini bertujuan mempromosikan kawasan pelancongan daerah Kuala Selangor yang dibawakan khas oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

MESYUARAT MAJLIS BIL.9 DAN PEMBENTANGAN BAJET MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2024

24 September 2024

Mesyuarat Majlis Bil.9/2024 MPKS dan Mesyuarat Khas Belanjawan 2025 MPKS, Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha, Tuan Mohamed Hanafe bin Bazri, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Turut hadir Yang Berusaha TPr. Haji Mohammad Yusli bin Askandar, Sebausaha MPKS, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan/ Unit MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN

25 September 2024

Jabatan Pengawas, MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran di dua lokasi sekitar Kampung Sungai Terap pada 25 September 2024. Operasi ini dijalankan berikutan kilang kitar semula e-waste yang beroperasi tanpa kebenaran dan ingkar terhadap notis yang telah dikeluarkan sebelum ini. Operasi ini dijalankan melibatkan 56 orang anggota dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Air Selangor serta TNB.



Sumber : Jabatan Pengawas

PROGRAM CINTAI SUNGAI KITA

HARI RENDAH KARBON DAN "WORLD CLEAN UP DAY" 2024 28 September 2024

MPKS telah menganjurkan Program Cintailah Sungai Kita, Hari Rendah Karbon dan "World Clean Up Day" 2024 pada 28 September 2024 di Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah kayuhan santai, penanaman pokok berembang, pembersihan sungai dan memancing udang galah serta pertandingan mewarna. MPKS turut merakamkan ucapan terima kasih kepada KDES Waste Management Sdn. Bhd. yang telah menjadi penaja utama program rumpi ini.

Ucaptama perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Turut hadir, Yang Dihormatkan Dato' Muhammad Yaacob bin Dato' Ismail, Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Syajaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor dan Encik Mohd Idris bin Mohamed Yusop, Pengurus Besar Operasi KDES Waste Management Sdn. Bhd.



Sumber : Jabatan Kehutanan dan Persekitaran

LAWATAN KERJA KE MAJLIS DAERAH KAMPAR

3 Oktober 2024

MPKS telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Majlis Daerah Kampar pada 3 Oktober 2024. Lawatan ini bertujuan sebagai perkongsian maklumat mengenai Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (K3P) ISO 45001:2018, Amalan Terbaik KKP dan penyertaan Pertandingan MSOSH.

Delegasi MPKS telah diketuai oleh En Jefree bin Ab Manaf, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS dan telah disambut oleh Puan Siti Azura binti Haji Juki, Setiausaha Majlis Daerah Kampar.



PROGRAM KOMUNITI TAMAN SIRAMBAI "PROGRAM KEMAMPANAN BANDAR" MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

5 Oktober 2024

MPKS telah menganjurkan Program Kemampunan Komuniti Bandar 2024 di Taman Sirambai, Kuala Selangor pada 5 Oktober 2024. Pelaksanaan program ini merupakan sumbangan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk pelaksanaan program komuniti berkonsepkan kesejahteraan sosial.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah ceramah berkaitan jenayah siber, pertandingan mewarna, pertandingan menyusun puzzle dan sukan rakyat serta cabutan bertuah. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Hadir sama, Yang Dihormati, Supt. Azaharudin bin Tajudin, Ketua Polis Daerah, Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Yang Berusaha Encik Mahathir bin Mohamed, Pengarah Bahagian Promosi dan Industri Lanskap, Jabatan Lanskap Negara.



TAKLIMAT GARIS PANDUAN PEMUTIHAN AKTIVITI PERNIAGAAN TANPA KEBENARAN VERSI 2.0 DAN TAKLIMAT PELAKSANAAN PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL. 4/ 2020

7 Oktober 2024



Sumber : Jabatan Perumahan

KURSUS PEMATUHAN AKTA 520 TAHUN 2024

9 Oktober 2024

MPKS telah menganjurkan Kursus Pematuhan Akta 520 di Eco Grandeur Hall, EcoWorld Bandar Puncak Alam pada 9 Oktober 2024. Melalui kursus ini, peserta diberi pendedahan mengenai perkara berkaitan pematuhan Akta 520 CIDB. Dalam masa sama, perkongsian melalui slot "Ease of Doing Business" bersama Jabatan Kawalan Bangunan MPKS dan taklimat perihal Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Shahvir bin Abd Samad, Pengurus Bahagian Pengurusan dan Penilaian, CIDB Negeri Selangor, Puan Hasila binti Awang, Pegawai Undang-undang, Unit Tribunal Tuntutan Pengguna dan Ts. Faezah binti Abd Aziz, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, MPKS. Ucaptama majlis penutup telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, TPr. Haji Mohammad Yusli bin Askandar, Setiausaha, Majlis Perbandaran Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN

10 Oktober 2024

Jabatan Pengawalquerata, MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran di Jalan Raja Musa, Bestari Jaya pada 10 Oktober 2024. Operasi ini dijalankan berikutnya pemilik kilang masih lagi ingkar terhadap notis menghentikan aktiviti perniagaan yang telah dikeluarkan oleh MPKS sebelum ini dan aduan daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Operasi ini melibatkan 65 orang anggota dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (LPIP) Selangor, Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Air Selangor serta TNB.



Sumber : Jabatan Pengawalquerata

SANTAI MALAM KEBUDAYAAN KARNIVAL FAMILIA MADANI 2024

12 Oktober 2024



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

LAWATAN PERKONGSIAN MAKLUMAT SISTEM PENGUATKUASAAN BERSEPADU (SPKB) DARIPADA MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

17 Oktober 2024

MPKS telah menerima lawatan daripada Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 9 Oktober 2024 di Bilik Mesyuarat Jabatan Penguatkuasa MPKS. Lawatan ini bertujuan untuk perkongsian maklumat mengenai garis panduan Sistem Penguatkuasaan Bersepadu (SPKB) yang digunakan oleh Jabatan Penguatkuasa MPKS sebagai contoh rujukan kepada Jabatan Penguatkuasa MBSA.

Delegasi Jabatan Penguatkuasa MBSA telah diketuai oleh Tuan Sahrul Nizam bin Ahmad, Pengarah, Jabatan Penguatkuasa MBSA dan telah disambut oleh Tuan Mohamad Lutfi bin Mislah Hudin, Pengarah Jabatan Penguatkuasa MPKS.



Sumber : Jabatan Penguatkuasa

SAMBUTAN HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR

20 Oktober 2024

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Selangor 2024 yang diadakan di Laman Rekreasi Tasek Tambahan, Ampang.

Sempena sambutan tersebut, MPKS telah menerima Penghargaan Bandar Mampu (MURNinet) Tahun 2024 yang disampaikan oleh DYMM Sultan Selangor kepada Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

SUKAN TERTUTUP KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

25 Oktober 2024

Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi (KSKR) MPKS telah menganjurkan pertandingan sukan tertutup kakitangan MPKS di Stadium Utama, Kompleks Sukan Kuala Selangor pada 25 Oktober 2024.

Aktiviti melibatkan 3 acara sukan iaitu Sepakar Penalti, Netball 3on3 dan Netball Shoot-Out. Penganjuran acara ini adalah bertujuan untuk menggalakkan aktiviti gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga MPKS. Tahniah diberikan kepada peserta yang terlibat dan penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Encik Jelree bin Abdul Manaf, Presiden KSKR MPKS.



Sumber : Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi

BENGKEL GARIS PANDUAN SEDIA ADA DAN TASK FORCE HASIL BARU JABATAN KAWALAN BANGUNAN

25-27 Oktober 2024



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

FESTIVAL OF WINGS 2024

"PROTECT INSECT, PROTECT BIRDS"

26-27 Oktober 2024

MPKS dengan kerjasama Malaysia Nature Society (MNS) dan Tourism Selangor telah menganjurkan Festival of Wings 2024 di Taman Alam Kuala Selangor pada 27 Oktober 2024. Sambutan ini merupakan acara tahunan pada bulan Oktober setiap tahun bertujuan meningkatkan kesedaran berkemasan burung migrasi dan memulihara hutan paya bakau serta habitat tanah basah.

Festival ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Ng Swee Lim, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan, Pelancongan, Pembangunan Kampung Baru. Turut mengiringi, Yang Berusaha Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Dilihat Kongres, Perancangan dan Perhubungan Awam

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) TAHUN 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN

28 Oktober 2024

MPKS telah menerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia 2024 sempena Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia tahun 2024 peringkat Kebangsaan bagi "Smart City Early Adopter" yang berlangsung di The Everly, Putrajaya pada 28 Oktober 2024.

Anugerah ini adalah pengiktirafan terhadap komitmen MPKS dalam pembangunan bandar pintar demi kesejahteraan komuniti. Majlis penyampaian anugerah telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Jabatan Perancangan Perbangunan

KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA (C-SMART) 2024

8-10 November 2024

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKS telah menganjurkan Kursus Pemantapan Bangunan Kediaman Berstrata (C-SMART) 2024 di Pulau Pinang pada 8 November hingga 10 November 2024.

Kursus ini telah dihadiri oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada Jawatankuasa Pengurusan JMB, MC dan Penguruz Bangunan berdaftar dalam daerah Kuala Selangor. Sebanyak 6 sesi dan 6 penceramah yang berpengalaman telah memberikan input dan ilmu dalam program ini. Majlis penutup kursus ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Sr. Muhammad Zul Fiqah bin Omar, Timbalan Pesuruhjaya Bangunan MPKS.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

SIRI KONVOI #JOM SANTAI KUALA SELANGOR KE NEGERI PERAK

8-10 November 2024

MPKS merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) yang telah menyambut konvoi Jom Santai Kuala Selangor dan tiba di Dataran Bandaraya MBMB pada 9 November 2024.

Delegasi MPKS telah diketuai oleh Pn. Norrini binti Mohd Ladzim, Ketua Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam, MPKS. Sempena konvoi ini, MPKS turut membawakan hadiah eksklusif menerusi aktiviti kuiz untuk para pengunjung di tiga lokasi tumpuan pelancong di sekitar Tasik Cermin, Concubine Lane dan Bulatan Sultan Azlan Shah (BSAS). Siri konvoi ini bertujuan mempromosikan kawasan pelancongan daerah Kuala Selangor yang dibawakan khas oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN

14 November 2024

Jabatan Pengawas MPPS telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran di dua lokasi sekitar Ijok pada 14 November 2024. Operasi ini dijalankan hasil maklumat orang awam, risikan Jabatan Pengawas MPPS mengenai kilang yang beroperasi tanpa kebenaran oleh MPPS.

Operasi ini dijalankan bermula jam 10.30 pagi hingga 1.30 petang melibatkan 46 orang anggota dan dijalankan dengan kerjasama Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor, Jabatan Alam Sekitar, Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Jabatan Imigresen Malaysia dan Air Selangor serta Tenaga Nasional Berhad.



Sumber : Jabatan Pengawas MPPS

KUNJUNGAN HORMAT OCPD IPD SG. BULOH DAN OCPD KUALA IPD KUALA SELANGOR

15 November 2024

MPPS telah menerima kunjungan hormat daripada Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Selangor yang diketuai oleh YDH Superintenden Azhanudin bin Tajuddin, Ketua Polis Daerah Kuala Selangor di Bilik Mesyuarat Siantan, Ibu pejabat MPPS pada 15 November 2024. Lawatan seterusnya disusuli dengan sesi kunjung hormat daripada Ibu pejabat Polis Daerah Sungai Buloh yang diketuai oleh YDH DSP Mohd Jumazanzahir bin Chek Ismail, Timbalan Ketua Polis Daerah Sungai Buloh.

Kedua-dua sesi lawatan telah diisambut oleh Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPPS dan Yang Berusaha, TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPPS serta ketua-ketua jabatan MPPS.



Sumber : Unit Korporat, Pelancangan dan Perhubungan Awam

KEJOHANAN PETANQUE KEBANGSAAN

PERSEORANGAN REMAJA PIALA YDP MPKS 2024

16 November 2024

MPKS telah menganjurkan Kejohanan Petanque Kebangsaan Perseorangan Remaja Piala Yang Dipertua MPKS 2024 di Aréna Petanque, Kompleks Sukan Kuala Selangor pada 16 November 2024. Seramai 216 peserta terlibat untuk pengajuran kejohanan ini melibatkan 3 kategori iaitu kategori lelaki bawah 21 tahun, wanita bawah 21 tahun dan terbuka bawah 12 tahun.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berusaha TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askander, Setiausaha MPKS. Turut hadir Puan Liliana binti Ahmad, Timbalan Setiausaha MPKS, Encik Mohd Shahru Adib bin Misnani dan Encik Arshad bin Samat, Ahli Majlis MPKS.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

FESTIVAL MAKANAN WARISAN 2024

17 November 2024

MPKS telah menyertai Festival Makanan Warisan Selangor 2024 yang berlangsung pada 17 November 2024 di Pantai Bagan Lalang, Sepang. Reruai MPKS antara menjadi tumpuan pengunjung kerana telah memperkenalkan produk makanan tempatan daerah Kuala Selangor iaitu Sate Kerang, Bahulu Kemboja dan Tapai Putut. ia menjadi ruang kepada MPKS untuk promosi pelancongan ke daerah ini melalui "Gastronomy Tourism".

Dalam festival tersebut, Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor turut berkenan menyampaikan sijil penghargaan kepada MPKS atas penyediaan pavilion makanan warisan daerah Kuala Selangor yang telah diterima oleh Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PENDAYUNG SANTUARI KELIP-KELIP KG. KUANTAN

29 Mac 2024

Majlis Perbandaran Kuala Selangor menerusi Unit Pelancongan MPKS telah menganjurkan Majlis Berbuka bersama para pendayung Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan di SKCC, Shah Alam.

Majlis ini diadakan bertujuan sebagai penghargaan dan berkongsi rezeki kepada para pendayung yang menjadi nadi utama di dalam operasi Pusat Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan untuk membawa pelancong dari dalam dan luar negara menerokai permandangan indah cahaya kelip-kelip pada waktu malam.

Seramai 35 orang pendayung telah diraikan pada majlis ini dan mereka turut menerima sumbangan tunai aidilfitri dan cenderahati yang telah disampaikan oleh Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Unit Pelancongan

TAUTAN KASIH RAMADAN KOMUNITI STRATA 2024 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

30 Mac 2024

Unit Peruruhjaya Bangunan (CO8) Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Program Tautan Kasih Ramadan Komuniti Strata 2024 pada 30 Mac 2024 di Eco Grandeur Hall, Puncak Alam.

Seramai 30 orang penerima daripada keluarga asnaf dalam kalangan komuniti strata telah diraikan melalui penyampaian sumbangan baki makanan dan wang tunai bagi persiapan Aidilfitri yang bakal menjelang tiba serta majlis berbuka puasa. Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Sebausaha MPKS.



Sumber : Unit Peruruhjaya Bangunan

PROGRAM PECUTAN SPM 2024

PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR

23 November 2024

MPKS dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor telah menganjurkan Program Pecutan SPM Peringkat Daerah Kuala Selangor 2024 di Dewan Dato' Hormat, Tanjung Karang pada 20-21 November 2024. Program ini disertai seramai 150 orang pelajar berdiri daripada 17 Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Kuala Selangor yang bakal menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) 2024.

Program ini adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh MPKS dan memfokuskan kepada 4 subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains melibatkan 4 orang tenaga pengajar yang berpengalaman. Program ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

OPERASI MENEMBAK GAGAK 2024

23 November 2024

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MPKS telah menjalankan Program Menembak Gagak 2024 di sekitar daerah Kuala Selangor pada 23 November 2024. Operasi ini bertujuan untuk mengawal populasi burung gagak yang menimbulkan rungutan kepada orang awam serta menyebabkan pencemaran budi dan najis di kawasan persekitaran pusat bandar.

Seramai 23 orang penembak terlibat dalam operasi ini dan hasilnya sebanyak 2,985 ekor burung gagak berjaya ditembak dan dilupuskan untuk operasi ini. Operasi ini adalah program tahunan yang dilaksanakan dan mendapat kerjasama daripada Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Selangor. Sesi pelepasan penembak telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

AUDIT PENSUJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015

25-27 November 2024



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

KONVENTSYEN ICC/ KIK MALAYSIA 2024

26-27 November 2024

MPKS telah berjaya memperolehi pencapaian Emas Tiga Bintang menerusi dua kumpulan yang mewakili MPKS iaitu kumpulan Work Smart daripada Jabatan Khidmat Pengurusan/Unit Integriti dan kumpulan JPM3 daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat/ Jabatan Peleseran/ Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam. Dalam masa sama, MPKS turut menerima anugerah khas di atas komitmen MPKS dalam penghantaran produk inovasi.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

SAMBUTAN HARI INTEGRITI 2024

29 November 2024

MPKS telah menganjurkan Sambutan Hari Integriti 2024 di Dewan MPKS Bandar Baru, Kuala Selangor pada 29 November 2024. Sambutan ini bertujuan bagi menyemarakkan Hari Integriti Nasional yang disambut pada 5 November dengan tema "TEGUH INTEGRITI, KUKUH PERTIWI".

Antara pengisian yang berlangsung sepanjang sambutan ini adalah aktiviti senam robik, ceramah integriti dan persembahan deklamasi sajak serta bacaan ikrar integriti. Ucaptama majlis telah disempurnakan oleh Yang Berusaha TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Unit Integriti

BENGKEL ETIKET SOSIAL DAN KETERAMPILAN DIRI AHLI MAJLIS DAN KUMPULAN PENGURUSAN

5-7 Disember 2024



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PAM PHOTO HUNT 6.0 "WARISAN KOTA KITA"

7 Disember 2024

Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dengan kerjasama MPKS dan Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah menganjurkan Pertandingan Photo Hunt 6.0 – Warisan Kota Kita pada 7 Disember 2024 di Pusat Pelancongan Bukit Malawati, Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

PERHIMPUNAN PAGI MPKS BIL. 6/ 2024

9 Disember 2024



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN DAN PENDENGARAN AWAM DRAF RTMPKS 2035 (PENGGANTIAN)

16 Disember 2024

Telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan MPKS 2035 (Penggantian) (DRTMPKS2035) di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibupejabat MPKS pada 16 Disember 2024. Mesyuarat ini telah mendengar 165 bantahan/ cadangan yang dibuat oleh pemegang taruh dan penduduk daerah Kuala Selangor yang tidak berseuju terhadap cadangan DRTMPKS 2035 (Penggantian).

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB. Dato' Ng Sook Lim, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan, Pelancongan, Pembangunan Kampung Baru. Turut sama, Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafi bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan Yang Berusaha TPr. Haji Mohamed Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

SKUAD IHSAN MADANI KERAJAAN NEGERI SELANGOR MISI #KITASELANGOR PENYAYANG BANTUAN PASCA BANJIR NEGERI KELANTAN

16-19 Disember 2024


Pasukan Tindakan Segera (Pantan) MPKS telah menyertai Misi #Kitaselangor Penyayang Bantuan pasca banjir Negeri Kelantan bermula 16 hingga 19 Disember 2024. Operasi pembersihan melibatkan kawasan Taman Sri Basu dan Taman Sri Rhu Dalam. Aktiviti yang dijalankan adalah kerja-kerja pembersihan sampah pukal kesan bencana banjir bersama Pihak Berkuasa Tempatan yang lain.

Pembersihan dijalankan bermula jam 8.00 pagi dan sejumlah 6,290 kilogram sampah pukal berjaya dibersihkan dan dilupuskan. Warga MPKS mendoakan agar mangsa banjir terus tabah dan lebih kuat menghadapi cabaran mendatang.



Sumber : Jabatan Pengangkutan





LAPORAN TAHUNAN

Majlis Perbandaran Kuala Selangor

2024

Kuala Selangor "*Indah dan Bersejarah*"